

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEDUABELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 59**

**Selasa**

**11 November 2008**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1):</b>	
■ <b>Keretakan Hospital Queen Elizabeth</b>	
- <i>Y.B. Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)</i>	(Halaman 25)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2009	
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>	
<b><u>Jadual:-</u></b>	
Maksud B.10, B.11 dan B.12	(Halaman 28)
Maksud B.20	(Halaman 92)
<b>USUL:</b>	
Usul Anggaran Pembangunan 2009	
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>	
Maksud P.10 dan P.70	(Halaman 28)
Maksud P.20	(Halaman 92)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 11 November 2008**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pekerja yang berasal dari negeri Sabah yang bekerja dengan syarikat subkontraktor Petronas yang beroperasi di perairan Sabah; dan
- (b) apakah rancangan kementerian untuk melatih tenaga kerja dari negeri Sabah dalam bidang galian eksplorasi petroleum.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S. K. Devamany]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan ingin menjawab seruan rakyat Sabah, soalan nombor 1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008, sejumlah 1310 pekerja yang berasal dari negeri Sabah bekerja dengan Petronas serta syarikat-syarikat Kontraktor Perkongsian Pengeluaran (PSC) seperti Shell, ExxonMobil, Murphy Oil dan lain-lain. Petronas tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai pekerja di negeri Sabah yang bekerja dengan syarikat-syarikat subkontraktornya.

Pada masa ini terdapat 119 syarikat-syarikat dari negeri Sabah yang mempunyai lesen atau berdaftar dengan Petronas. Mengenai rancangan melatih tenaga kerja dari Sabah iaitu soalan nombor 2, sukalah dimaklumkan bahawa Petronas telah sedang dan sentiasa berusaha membangun dan mempertingkatkan pengetahuan dan keupayaan rakyat tempatan termasuk dari negeri Sabah di dalam bidang-bidang berkaitan industri petroleum. Ini dilakukan melalui pelbagai program pendidikan. Di antaranya, pemberian biasiswa pendidikan serta program-program latihan teknikal.

Dalam hubungan ini seramai 489 juruteknik dari Sabah telah mendapat latihan di Institut Teknologi Petronas (INSTEP) di Batu Rakit, Terengganu. Selain itu, Petronas dengan kerjasama institusi-institusi kemahiran Sabah seperti Giat MARA, Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Institut Kemahiran MARA (IKM) sedang melaksanakan program-program latihan dan kemahiran

yang berkaitan industri petroleum seperti kimpalan tahap 6G, pemasangan paip gas dan penyelenggaraan industri.

Sehingga kini seramai kira-kira 100 orang pelatih dari Sabah telah tamat latihan manakala 107 pelatih lagi sedang menjalani latihan dalam bidang-bidang berkaitan industri petroleum di pusat-pusat latihan di Sabah. Petronas juga sedang bekerjasama dengan Institut Latihan Teknikal dan Perdagangan Papar, Kolej Yayasan Sabah untuk mewujudkan program-program latihan bagi menyediakan lebih ramai tenaga kerja untuk keperluan industri petroleum di negeri Sabah. Program-program ini dijangka mula dilaksanakan pada pertengahan tahun 2009. Terima kasih.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri kerana jawapan yang cukup jelas bagi saya. Apa yang menyedihkan Tuan Yang di-Pertua... [*Dewan riu*] Tunggulah sekejap, dengar yang rintihan dan keluhan rakyat, budak-budak dari negeri Sabah ini, tunggulah sekejap. Jawapan cukup cantik, terima kasih. Apa yang sebenarnya berlaku adalah agak berlainan Yang Berhormat.

Apa yang saya telah pun lihat kenyataan daripada Petronas, satu perkara iaitu bahawa Petronas enggan memberi maklumat yang jelas siapa di antaranya syarikat-syarikat yang beroperasi di perairan mahupun di telaga minyak di perairan Sabah.

Keduanya subkontraktor *onshore* ini, hanya satu yang saya tahu beroperasi di Sabah. Petronas dagangan ini ada tujuh di negeri Sabah. Yang saya tahu hanya seorang sahaja pengurusnya berasal dari Sabah dan satu daripada Sarawak. Yang lain itu dari lain tempatlah.

Jadi Yang Berhormat persoalan tambahan saya, apakah kelayakan yang diperlukan oleh pihak Petronas supaya ia pun boleh melantik Ahli Lembaga Petronas yang berasal daripada negeri Sabah? Kalau pengalaman satu daripada alasan untuk tidak melantik, sampai dunia kiamat, rakyat daripada negeri Sabah tidak boleh duduk di Lembaga Petronas.

**Tuan S. K. Devamany:** Terima kasih Yang Berhormat a Putatan, rakan baik saya. Saya mengucapkan terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ada senarai syarikat-syarikat tempat di Sabah yang berdaftar dan pernah mendapat peluang untuk melaksanakan projek-projek. Saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat selepas ini. Mengenai kelayakan untuk Ahli Lembaga dalam Petronas ini, ia menggunakan syarat-syaratnya sendiri berasaskan kepada pengalaman dan keupayaan.

■1010

Maka sekiranya ada pandangan-pandangan yang ingin dimajukan kepada pihak berkenaan, Yang Berhormat sebagai seorang wakil rakyat dari Sabah dialu-alukan berbuat demikian. Untuk makluman Yang Berhormat, satu perkara lagi yang perlu diperkatakan di sini adalah ada dua peringkat kemahiran yang perlu diadakan untuk melahirkan tenaga pekerja yang mahir dalam bidang petroleum.

Yang pertama itu adalah dengan izinnya, Tuan Yang di-Pertua, *upstream skill*, jurutera-jurutera. Maka dua peringkat ini perlu diperkasakan. *Seismic* tadi contohnya, kerana soalan ini spesifik. Soalan Yang Berhormat spesifik mengenai cari gali. Maka saya rasa ini satu lagi kemahiran biasa. Maka yang *upstream* ini diwujudkan khusus oleh Petronas seperti *seismic*, dengan izin, eksplorasi *mechanical engineering*, instrumentasi, *fluid dynamics* dan selepas itu kita ada kemahiran pula yang diberi oleh banyak kementerian lain seperti Kementerian Sumber Manusia. Maka saya mengalu-alukan cadangan dan sudah semestinya Petronas ada telinga untuk dengar. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi saya soal. Ini yang menyoal sama, yang jawab pun sama. Bagi saya peluang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bagi sama Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bagi Sabahlah. Ini spesifik untuk Sabah

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, untuk Sabah. Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bagi Kinabatangan pasal ini soal Sabah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya kurang bersetuju dengan kenyataan tersebut sebab pertamanya rata-rata kita melihat rakyat Sabah yang bekerja di Petronas di Sabah memang ada. Cuma ada yang bekerja sebagai pertengahan, sebagai buruh di peringkat bawah. Di peringkat tertinggi semua diimport daripada luar negara, daripada luar-luar negeri. Itu yang pertama.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, contohnya satu projek bernilai RM50,000 hingga RM80,000, borang tender kena diambil di Sarawak dan dibuka di Sarawak, bayangkan belum tentu dapat. Kos untuk mendapat borang pun sudah beribu-ribu. Kita minta Petronas melihat secara rasional ke arah bagaimana hasil mahsul minyak yang dikeluarkan dari perut bumi di perairan Sabah harus dilihat secara saksama supaya rakyat Sabah tidak terkilan, tidak kecil hati. Kenapa perkara ini boleh dibuat di Melaka sedangkan Melaka tidak ada minyak. Kenapa tidak di Sabah? Terima kasih.

**Tuan S. K. Devamany:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan seruan daripada Yang Berhormat Kinabatangan bahawa rakyat Sabah perlu diperkasakan dengan pelbagai peluang, bukan sahaja dari segi modal insan tetapi juga peluang-peluang perniagaan. Saya bersama dengan...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Indah bahasa sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai, Kalau Yang Berhormat Padang Serai buat sekali lagi...

**Tuan S. K. Devamany:** Saya serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua untuk mendisiplinkan Yang Berhormat Padang Serai. Kita teruskan perjuangan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju maka saya boleh membantu dengan mengadakan dialog antara Petronas dengan Ahli-ahli Parlimen di sini supaya seruan ini dapat dikemukakan. Saya setuju bahawa rakyat Sabah perlu diperkasakan dari segi peningkatan taraf hidup mereka. Saya setuju. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Speaker, satu soalan yang penting. Saya hendak tanya timbalan menteri, semalam Timbalan Perdana Menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai, sudah dua soalan tambahan.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** ...Mengatakan bahawa ekuiti ekonomi...

**Tuan S. K. Devamany:** Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat Padang Serai suka kacau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai, sudah Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** ...Orang India akan dinaikkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Jadi ini menteri daripada MIC, saya hendak tanya menteri. Apa perancangan untuk menaikkan ekonomi orang India?

**Tuan S. K. Devamany:** Ini Yang Berhormat dari Padang Serai sengaja mencari isu.

**2. Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) mengapa Klinik Kesihatan Ampang menghadapi waktu menunggu yang lama serta waktu kerja yang terhad dari Isnin hingga Jumaat serta bercuti pada hari cuti umum; dan
- (b) apakah langkah kementerian bagi mengatasi masalah seperti ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Ampang,

- (a) Klinik Kesihatan Ampang, khususnya pelanggan dan pesakit memang menghadapi waktu menunggu yang agak lama sedangkan waktu rawatan adalah sama daripada pukul 8 hingga pukul 5 disebabkan pertumbuhan pesakit yang datang ke Klinik Kesihatan Ampang tahun demi tahun berkembang pada kadar 35%. Sebab itu pelanggan dan pesakit terpaksa mengambil masa yang lebih lama untuk menunggu. Ekoran daripada itu, kementerian akan panjangkan waktu rawatan daripada pukul 7 sehingga pukul 9.30 setelah mendapat kerja-kerja awal logistik yang perlu dirancang.
- (b) selain daripada kita panjangkan waktu rawatan, kita juga akan tambah pergerakan sumber manusia khususnya bukan sahaja pegawai

perubatan tetapi juga pegawai-pegawai sokongan supaya ia sejajar dengan pertumbuhan pesakit.

Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida Kamarudin [Ampang]:** *Alhamdulillah*, Menteri mengiktiraf masalah klinik di Ampang ini. Yang saya hendak tanya juga kepada menteri ialah adakah peruntukan bajet untuk 2009 diberikan peruntukan untuk membina satu klinik baru di Ampang memandangkan nisbah penduduk di Ampang sudah lebih daripada 600 ribu orang dan keadaan ekonomi yang meruncing membuat ramai yang datang. Seperti kata menteri tadi, 35% penambahan pesakit-pesakit dan kakitangan juga, para doktor yang mana saya minta kenapa dilewat-lewatkan untuk menerima doktor-doktor dalam peringkat *housemanship* tidak dipercepatkan pelantikan mereka.

Sekiranya kementerian bercadang untuk membina sebuah klinik kesihatan yang baru di Ampang, saya rasa memang patut dan wajar dibina satu klinik yang baru. Bukan sahaja untuk menambahkan aktiviti kakitangan dan sebagainya, saya minta agar kerja-kerja yang dibuat tidaklah *second-hand*, peralatannya substandard tetapi harganya harga premium. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Speaker, saya memang faham sebab dalam daerah Hulu Langat ada tiga Parlimen iaitu Parlimen Hulu Langat, Parlimen Ampang dan Parlimen Pandan yang seluruh penduduknya adalah 1.1 juta. Sementara kita ada tujuh klinik kesihatan sahaja. Mengikut standard, satu klinik kesihatan boleh tampung 50 ribu penduduk. Sedangkan di Parlimen Ampang, Parlimen Yang Berhormat, yang saya faham hanya satu sahaja iaitu di Mukim Ampang. Ini yang menampung setengah juta pelanggan kita.

Ekoran daripada itu, kita minta kerjasama daripada Yang Berhormat Bandar Tun Razak, bila ada pembangunan-pembangunan baru, taman-taman baru, semasa syarikat-syarikat yang bangukan pembangunan tersebut pastikan, wajibkan agar tanah dirizabkan untuk klinik kesihatan. Ini kerana dengan cara sedemikian kita tidak ada masalah untuk memberikan apa juga kemudahan klinik kesihatan di daerah Hulu Langat dan di ketiga-tiga Parlimen tersebut. Terima kasih.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah rintihan rakyat ialah berkaitan dengan giliran untuk menerima rawatan di Unit Kecemasan di mana-mana hospital termasuk juga di hospital di Ampang dan seluruh negara. Bolehkah kerajaan ataupun kementerian membuat satu cara yang lebih baik di mana giliran untuk mendapat rawatan bagi unit kecemasan ini akan dapat kita pertingkatkan.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Jempol amat bagus tetapi ia terkeluar mengikut Peraturan Mesyuarat 54(3). Saya akan jawab kepada Yang Berhormat Jempol di luar Dewan.

3. **Tuan Ahmad Maslan [Pontian]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, jumlah dan peratusan pemilikan premis perniagaan mengikut kaum secara keseluruhannya di bandar-bandar di negara ini dan apakah langkah-langkah berkesan dalam jangka masa pendek dan panjang untuk menambah pemilikan premis perniagaan di kalangan bumiputera.

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sehingga 15 September 2008, jumlah pemilikan premis perniagaan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi atau MECD dan agensi-agensi di bawahnya di seluruh negara ialah sebanyak 16,959 unit ruang niaga yang terdiri daripada bazar, arked, rumah kedai, kompleks perniagaan dan kompleks membeli-belah.

■1020

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14,788 unit ruang niaga telah disewakan, manakala 2,171 unit ruang niaga masih kosong. Sebanyak 12,197 unit atau 83% telah disewakan kepada peniaga bumiputera, manakala 2,591 atau 17% unit disewakan kepada bukan bumiputera.

Untuk langkah jangka pendek kementerian telah mengatur strategi dan mengambil tindakan secara bersepadu dengan agensi-agensi di bawahnya untuk membeli premis perniagaan dan disewakan kepada usahawan yang berkecukupan. Sebagai langkah jangka panjang bagi menambah pemilikan premis perniagaan di kalangan bumiputera MECD akan menyasarkan untuk membina sebanyak 1,800 unit ruang niaga baru bukan sahaja di desa-desa, tetapi mengatur strategi membina premis *high end* dan pusat-pusat membeli-belah di kawasan bandar-bandar utama. Terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pontian.

**Tuan Ahmad Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, data yang saya perolehi mengenai premis perniagaan di bandar-bandar hanya terdapat 11% milik bumiputera, maksudnya dari 100 kedai cuma 11 kedai milik bumiputera. Adakah kerajaan bercadang untuk membuat kajian menyeluruh, terperinci dan terkini untuk memperbaiki pola pemilikan premis perniagaan di bandar-bandar agar lebih mencerminkan komposisi kaum, dengan lebih adil di negara ini dan adakah kerajaan bercadang untuk membeli hartanah strategik dalam jumlah yang mencukupi bukan sedikit-sedikit, dan menyewakan dengan harga yang patut kepada peniaga-peniaga khususnya bumiputera? Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau ikut kajian daripada Unit Perancang Ekonomi pada tahun 2007, pemilikan hartanah bumiputera

adalah 15% sahaja dan ini masih rendah kalau kita bandingkan dengan sasaran kita untuk mendapatkan 30% bagi bumiputera memiliki premis-premis kerajaan.

Untuk mencapai matlamat tersebut MECD melalui agensi-agensi terutamanya UDA dan MARA serta Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri akan terus merancang untuk kita memperbanyakkan premis perniagaan seperti kita merancang untuk RMK-9 sahaja lebih kurang 10,000 premis-premis perniagaan. Dalam masa yang sama, kita amat berharap supaya Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri hendaklah terus membantu bumiputera dengan menyediakan kuota 30% di premis-premis perniagaan yang baru dibuat dan juga harga diskaun untuk bumiputera. Kalau kerajaan negeri tidak membantu kita, mungkin sasaran ini agak sukar kita capai.

Saya difahamkan kalau Pulau Pinang sebagai contoh, sekarang sudah tidak ada dasar 30% untuk bumiputera, maka sudah tentulah bilangan bumiputera untuk mendapat peluang-peluang perniagaan di Pulau Pinang akan berkurangan. Sebagai contoh kalau di Pulau Pinang, bumiputera hanya ada 143 tempat, Cina - 336, India - 12%. Ertinya masih kurang banyak di Pulau Pinang sebagai contoh.

Jadi, dimintalah semua Perbadanan Kemajuan Negeri supaya membantu kementerian untuk memberikan tempat kepada usahawan memiliki premis perniagaan. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kita telah melaksanakan dasar ini agak lama dan nampaknya kita tidak berapa mencapai kemajuan dan juga tujuannya kerana kita lihat bahawa kuota ini merupakan *special measure* untuk *temporary* sahaja, dan kita harap bahawa sampai tempoh ini kita akan mencapai tujuan kita, untuk membolehkan golongan ini bersaing dengan golongan yang lain supaya kita semua dapat bersaing di pasaran dunia. Akan tetapi kita lihat dia tidak berjaya, tidak mencapai tujuan ini.

Jadi saya ingin bertanya sama ada kementerian mempunyai satu tempoh apabila seseorang bumiputera dia diberi premis-premis seperti ini dengan diskaun, bilakah dia boleh pindah keluar untuk pasaran bebas, untuk bersaing kerana di Rumah Pangsa Wawasan pun, untuk mereka yang termiskin hanya diberi 5 tahun dan diharap selepas 5 tahun mereka mencapai satu tahap dan mereka dapat pindah ke rumah yang lain, perumahan yang lain. Jadi saya rasa ini adalah sama juga, harus ada satu tempoh untuk mereka yang diberi premis-premis seperti ini dalam diskaun, mereka seharusnya meningkatkan daya saingan mereka dalam 5 tahun atau 10 tahun, mereka dapat keluar dari situ dan tempat itu diberi kepada orang yang lain. Adakah ini boleh diadakan?

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu yang dipanggil *exit policy*. Sebenarnya kita ada *exit policy* di mana kalau ada usahawan-usahawan yang baru kita

akan bagi tempat dengan cara kita bagi peluang mereka menyewa premis-premis perniagaan, sama ada premis-premis perniagaan ini hak milik MeCD ataupun Perbadanan Kemajuan Negeri ataupun kita sewa di lot-lot perniagaan ataupun rumah-rumah kedai yang kita beli dan kita sewakan kepada usahawan-usahawan yang baru, di mana mereka ini diberikan tempoh 10 tahun ataupun 6 tahun, ini mengikut keadaan semasa.

Apabila mereka ini telah pun tamat sampai tempoh masa yang ditentukan mereka akan diberi pilihan sama ada mereka - mungkin mereka kata mereka tidak mahu keluar, kerana mereka sudah *established* di tempat perniagaan itu. Kalau dia pindah tempat lain mungkin menyebabkan dia bagi alasan, dia kata perniagaan dia akan merudum. Jadi kalau usahawan seperti ini, kita akan benarkan dia terus menetap tetapi sewanya mestilah sewa mengikut harga pasaran, kerana di dalam *exit policy*, kita memang memberikan subsidi sewa. Kalau kata harga pasaran RM1,000 sebulan kita hanya bagi sewa RM600 sebulan ataupun RM500 sebulan. Tetapi kalau dia sudah sampai tahap, dia kena bayar harga RM1,000 ikut harga pasaran, jika enggan untuk pindah. Misal kata dia bersetuju untuk keluar daripada premis perniagaan yang sedia ada, maka usahawan ini akan dibantu untuk kita belikan premis perniagaan yang baru supaya usahawan ini mempunyai premis perniagaannya sendiri. Jadi *target* Yang Berhormat nyatakan tadi dalam mencapai 30% ini masih belum dicapai kerana kita lihat kurang mendapat kerjasama sebenarnya di dalam semua bidang.

Saya ambil contohlah, kita tubuh Majlis Usahasama Tulen pun tidak dapat sambutan daripada bukan bumiputera. Kita buat *business matching* kepada 260 syarikat bukan bumiputera yang sepatutnya ada ekuiti 30% dalam syarikat tersebut. Tidak ada ekuiti 30% tetapi dibenarkan juga berniaga. Bila kita dapat senarai ada lebih kurang 260 daripada RFC, kita panggil 260 syarikat ini untuk diberi peluang kepada usahawan-usahawan Melayu yang mungkin hari ini sudah mampu untuk membeli ekuiti tersebut. Tetapi malangnya daripada 260 yang kita jemput 6 syarikat sahaja yang sudi untuk memberi tawaran kepada bumiputera. Jadi kalau kita tidak dapat kerjasama daripada bumiputera ini, daripada bukan bumiputera kita rasa hasrat kita untuk mencapai 30% ini agak sukar untuk kita capai. Sebab itu kita berharap kerjasama erat mesti kita wujudkan di antara bumiputera dan bukan bumiputera supaya hasrat kita hendak mencapai 30% itu lebih cepat. Terima kasih.

## ■1030

4. Tuan M. Manogaran [Telok Intan] minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) Adakah kerajaan menganjurkan program meningkatkan taraf penggunaan bahasa Inggeris untuk murid-murid Melayu di sekolah rendah di desa dan luar bandar supaya mereka boleh sedia bersaing apabila masuk ke peringkat sekolah menengah; dan
- (b) Jika ada, nyatakan apakah program-program tersebut, kesannya atau pencapaiannya.

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dato' Razali bin Ismail]:** Terima kasih Yang Berhormat di atas keprihatinan untuk melihat anak-anak kita cekap, kompeten dalam bahasa Inggeris. Cuma soalan Yang Berhormat (a) itu, untuk meningkatkan program taraf penggunaan bahasa Inggeris, bukan sahaja untuk anak-anak Melayu di luar bandar sahaja. Ia tidak bersifat eksklusif tetapi sesungguhnya dia adalah bersifat inklusif mencakupi semua sekolah sama ada di bandar, luar bandar, anak-anak Melayu, India ataupun Cina yang semuanya terlibat.

Soalan yang kedua, nyatakan apakah program-program tersebut. Ingin saya sebut, cukup banyak program-program yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran dalam usaha kita mempertingkatkan prestasi bahasa Inggeris. Di antaranya ialah;

- (i) *Children's Contemporary Literature* untuk tahun empat dan enam bermula di sekolah luar bandar dan kemudiannya diperluaskan di seluruh sekolah;
- (ii) *Extensive Reading* untuk sekolah berprestasi rendah dalam bahasa Inggeris;
- (iii) *Science and Mathematic Readiness Program* untuk awal tingkatan satu dan juga pasca selepas anak-anak itu menduduki UPSR; dan
- (iv) *Teaching and Learning Courseware for English*.

Selain daripada itu, program terkini yang kita laksanakan ialah program *First Step* iaitu di mana guru-guru dilatih untuk mengajar anak-anak membaca, menulis dan juga bercakap di dalam bahasa Inggeris melalui kaedah *graded reading material* dan juga berdasarkan kepada konsep *learning mastery* yang sekarang ini seramai 1,000 orang guru dilatih dan mulai tahun hadapan, 1,000 buah sekolah akan melaksanakan program *First Step* dalam bahasa Inggeris ini. Selain daripada itu, kita ada juga komponen kesusasteraan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran-mata pelajaran di sekolah menengah dan juga kita menggunakan *English for Sciences and Technology* yang diperkenalkan. Yang seterusnya ialah *Early Structured Reading Program* di sekolah rendah. Ini adalah merupakan di antara program-program yang telah diperkenalkan. Kemudian, apakah kesan-kesannya.

Saya ingin sebut di sini, Kementerian Pelajaran sentiasa memantau tentang kesan-kesan daripada program yang telah dilaksanakan itu. Di antaranya ialah kita nak memastikan anak-anak

kita kurang masalah daripada segi penguasaan bahasa Inggeris yakni kalau mereka mendapat 4A, tidak berpunca daripada masalah lemahnya dalam bahasa Inggeris. Kita akan lihat keputusan UPSR yang akan diumumkan pada hari Khamis ini. Selain daripada itu juga, kita nak memastikan juga melalui program kita ini, anak-anak kita lebih banyak menjawab soalan sains dalam bahasa Inggeris. Kita juga akan dapat melihat keputusannya tidak berapa lama lagi dan daripada ujian dan kajian rambang dan juga penelahan saya, saya dapati sekolah-sekolah Tamil terutamanya menunjukkan kecekapan dalam penguasaan bahasa Inggeris ini. Sekian.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya agak puas hati dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga ingin tahu, apakah kesan *Extensive Reading Program* sebab saya nampak di kawasan saya di sekolah-sekolah pedalaman di Teluk Intan, penguasaan bahasa Inggeris kurang memuaskan. Saya percaya Yang Berhormat pun tahu '*reading made a man*'. Jadi saya percaya *extensive reading* tidak mencapai matlamatnya dan apakah tujuan kerajaan menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar subjek-subjek sains dan matematik. Adakah ia membawa apa-apa kesan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid-murid.

Soalan saya ditujukan kepada murid-murid Melayu sebab pada pendapat saya, murid-murid Melayu yang paling terpinggir dalam penguasaan bahasa Inggeris terutama di desa-desa. Di bandar-bandar okeylah tapi di luar bandar kurang puas hati. Jadi ini yang kita nak tahu tentang adakah mereka fasih dalam penggunaan bahasa Inggeris setakat ini dan saya juga Tuan Yang di-Pertua, ingin meluahkan perasaan tidak puas hati saya. Walaupun dengan segala hormatnya Timbalan Menteri agak baik jawapannya, saya jarang tengok Menteri Pendidikan hadir di Parlimen. [*Tepuk*] Dengan izin, *I'm not happy, I'm not satisfied. In fact* sekali saja, dalam Parlimen pun dia tak bertanggungjawab, di luar pun tak ada kesan. *So, I'm very serious about this. He has to have ministry or responsibility in Parliament. He has to come here and answer.* Macam semalam Menteri Kewangan begitu sabar beliau dengar semua ucapan dan...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ketua Menteri Yang Berhormat Pulau Pinang pun jarang nampak.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Pahat sudah bagi janji dulu dia tak akan bangun, tiap-tiap kali dia bangun. Dari sekarang, tiap-tiap kali Yang Berhormat Batu Pahat bangun, saya akan bangun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Telok Intan, terima kasih.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Terima kasih, sila beri jawapan.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya kira menteri dengan menghantar saya, saya kira jauh lebih memadai daripada jawapan. Saya kira saya dapat menyampaikan segala ungkapan dan pandangannya itu kepada Ahli-ahli Parlimen semuanya. Berhubung dengan *extensive reading*, memang kita memberi tumpuan yang serius ke atas

*extensive reading* terutamanya program yang terakhir yang saya sebut tadi *First Step* iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan juga bertutur dan kita akan melihat hasilnya seperti mana yang saya sebut. Sabar ya, dalam masa dua hari lagi kita akan mendengar keputusan UPSR.

Jadi sama-samalah kita mengharapkan anak-anak kita menunjukkan prestasi yang baik. Selain daripada itu juga ditanya kepada saya apakah rasional kita memperkenalkan bahasa Inggeris untuk matematik dan sains. Ada kata orang-orang pendeta, "*Hendaklah kita mendidik anak-anak kita supaya anak-anak kita dapat mendepani cabaran masanya*". Kalau tak silap saya ini adalah ungkapan daripada Sayidina Umar, "*Didiklah anak-anak kamu supaya anak-anak kamu dapat mendepani zamannya*". Bukan untuk mendepani zaman kita tapi zaman mereka ke depan sana dan kita lihat bahasa Inggeris itu adalah merupakan bahasa global. Maka kita lihat ini adalah merupakan satu kepentingan.

Namun kita tidak mengetepikan kedudukan dan status bahasa ibunda dan juga bahasa Melayu sekali gus, kita memberi penekanan kedua-duanya. Malah semalam ketika mana Yang Berhormat Menteri melancarkan Pemerkasaan Bahasa Melayu di Institut Bahasa Melayu di Lembah Pantai, kita juga memberi penekanan kepada bahasa ibunda kita dan tadi telah disebut apakah usaha-usaha kita. Sesungguhnya kursus-kursus dari semasa ke semasa telah diberi. Kita sedar bahawa guru-guru di luar bandar ada kelemahan-kelemahan tertentu dalam bahasa Inggeris tapi kita masih belum berputus asa. Pelbagai macam program tindakan dan juga *treatment* yang telah kita buat.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan saya ini, saya ingin merakamkan di sini rasa sedihlah oleh kerana apabila ditanya tentang statistik ini, persoalan tentang kaedah seluruh negara tapi perangkaan yang diberi ataupun jawapan yang diberi oleh menteri dan kebanyakan jawapan ini hanya berkisar kepada Melayu, Cina dan India. Bagaimana dengan bumiputera di Sabah dan Sarawak? Jarang sekali.

Apabila statistik diminta Tuan Yang di-Pertua, selalunya berkisar kepada tiga suku ini. Itulah sebabnya kita lihat dalam borang-borang permohonan sama ada awam dan swasta semuanya bumiputera bukan Melayu di Sabah dan Sarawak selalunya dinyatakan '*yang lain-lain*'. Ini tidak boleh diteruskan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah kita dapati bahawa penguasaan bahasa Inggeris di luar bandar, oleh kerana belajar bahasa Inggeris *as a subject* Yang Berhormat, *is not enough*. Jadi saya ingin bertanya di sini sama ada kementerian berpuas hati tentang bekalan guru-guru yang bertauliah mengajar di luar bandar. Kita lihat bahawa guru-guru sendiri pun susah mahu cakap Inggeris di sekolah-sekolah.

Lepas itu Tuan Yang di-Pertua, di sesetengah negara maju, mereka menggunakan *mass media* untuk mengajar bahasa Inggeris umpamanya di televisyen. Adakah kementerian mempunyai perancangan untuk menggunakan *mass media*. Umpamanya dicadangkan *certain*

*prime time* disiarkan bersiaran berolah pendidikan Inggeris. Saya dapati Tuan Yang di-Pertua, anak-anak kita lebih cepat untuk memahami Inggeris melalui saluran TV daripada sekolah. Jadi untuk *compliment* usaha kementerian, adakah kementerian berhasrat untuk mencontohi negara yang lain melalui *mass media* supaya anak-anak kita cepat untuk menguasai bahasa Inggeris. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail:** Saya telah menjawab terdahulu daripada ini iaitu tentang wujudnya *SchoolNet*. Hampir 97% sekolah-sekolah kita sudah ada *connectivity* dan ini membolehkan anak-anak kita belajar dengan menggunakan mekanisme ICT sekarang ini.

■1040

Saya kira ini adalah merupakan satu pendekatan *temporary* semasa. Selain daripada itu juga kita ada program apa yang disebut sebagai program *Sister Schools Project*. Di mana sekolah-sekolah yang telah terpilih mempunyai komunikasi secara jaringan ataupun secara *virtual* dengan sekolah-sekolah dari Australia, New Zealand. Ini membolehkan mereka berinteraksi, berkomunikasi secara *virtual*. Ini juga akan menambahkan keterampilan murid dalam bahasa Inggeris.

Tadi telah disebut tentang persediaan guru. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini dalam sistem latihan kita di IPG dalam latihan pra-perkhidmatan kita sedang melatih kira-kira 5,000 guru yang mempunyai pengkhususan dalam bahasa Inggeris ini. Selain dari semasa ke semasa, kursus-kursus kepada guru-guru dalam perkhidmatan.

Malah hari ini sedang berlangsung satu program di Maktab Perguruan Miri iaitu untuk kita kenal pasti cara dan kaedah untuk kita menerangi pendidikan di luar bandar termasuk juga dari segi pendidikan bahasa Inggeris apa yang disebut sebagai *indigenous pedagogical approach* yang sedang berjalan sekarang.

Ini semua pendekatan-pendekatan untuk lebih mesra kepada anak-anak di luar bandar. Kita tidak lupa tadi memberi perhatian kepada kekurangan guru-guru terutama guru-guru kritikal dalam bahasa Inggeris di luar bandar.

**5. Datuk Siringan Gubat [Ranau]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, sama ada kementerian bercadang untuk membuat penyelidikan dengan menggunakan biotek tentang dua jenis makanan yang terdapat di Sabah iaitu tuhau dan hinawa.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tuhau adalah sejenis pokok herba yang digunakan sebagai ulam oleh masyarakat Kadazandusun, Murut dan dihidangkan dalam majlis-majlis makan di kalangan masyarakat. Nama saintifik ialah *etlingera coccinea* dari famili *Zingiberacea*. Hinawa pula sejenis makanan yang serupa sushi iaitu ikan mentah yang dicampurkan dengan ramuan limau, bawang dan rempah-rempah lain.

Sehingga kini kementerian belum pernah menerima sebarang permohonan daripada mana-mana penyelidik universiti atau institusi penyelidikan untuk membuat penyelidikan iaitu R&D mengenai tuhu dan hinawa. Oleh itu kementerian ini amat mengalu-alukan mana-mana pihak untuk membuat penyelidikan mengenai tuhu dan hinawa sama ada dalam aspek mengenal pasti kandungan *active ingredients*, *active compounds* dengan izin atau meningkatkan kualiti melalui proses pemeraman yang lebih moden, memanjangkan hayat dan menambah nilai untuk tujuan komersial supaya mengemukakan cadangan tersebut kepada pihak kementerian untuk menilai, terima kasih.

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dengan jawapan yang cukup memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya anggap soalan saya pada hari ini 11/11/2008 mempunyai feng shui yang baik. Ini kerana menteri yang menjawab adalah dari Sabah yang mana tahu, kenal dan pernah makan makanan tuhu dan hinawa. Tambahan pula terutama sekali makanan tuhu ini pengeluar utamanya ialah dari Tambunan iaitu kampung asal kepada Yang Berhormat Menteri sendiri. Mudah-mudahan makanan tuhu dan hinawa ini dapat diperluaskan bukan hanya di Sabah tetapi di Semenanjung Malaysia.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri dapat memberi jaminan supaya penyelidikan makanan ini dapat dibuat dan pengumuman hasil penyelidikannya untuk mengetahui sama ada makanan mengandungi khasiat sebagai makanan. Kerana saya difahamkan penduduk di Tambunan ini jarang sekali menghidap penyakit kanser dan mungkin ini disebabkan kerana banyak makan tuhu, sekian.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Yang Berhormat dari Ranau atas minat yang ditunjukkan. Observasi ataupun yang disampaikan tadi itu saya pun tidak berapa tahu adakah ia dari fakta yang sebenar atau tidak, tetapi sememangnya pokok herba tuhu ini amat diminati dan bukan sahaja sebagai satu jenis makanan sekarang di kalangan masyarakat KadazanDusun, Murut tetapi di hotel-hotel tempatan Sabah pun juga sudah mula menjadi hidangan biasa.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat Ranau MOSTI adalah bukan badan penyelidik, ia adalah badan pembiayaan penyelidikan ataupun projek-projek penyelidikan. Namun setakat ini saya pun begitu hairan belum ada penyelidik mahupun di peringkat universiti ataupun swasta ataupun syarikat-syarikat yang mengemukakan apa-apa cadangan untuk mengenal pasti *active ingredient* tuhu ini.

Setakat ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat misalnya jumlah projek yang dibiayai di bawah Techno Fund MOSTI dalam dua tahun ini dalam bidang *food* dan *herbal* makanan adalah 76 adalah berjumlah RM59.7 juta, daripada Sabah dan Sarawak sekadar lapan projek. Di Sabah lapan projek, enam projek mengenai dengan teknologi pemakanan dan dua projek mengenai

herba. Di Sarawak baru tiga projek berjumlah RM11.9 juta, dua projek mengenai teknologi makanan dan satu mengenai dengan herba.

Jadi kita menggalakkan herba pihak tertentu untuk mengemukakan cadangan. Namun saya telah bincang dengan Technology Park Malaysia tadi, kalau tidak ada mana-mana penyelidik mengemukakan cadangan saya telah arahkan mereka untuk membuat kajian dari segi *active ingredient* mengenai tuhan ini supaya kita boleh tahu apa sebenarnya semua itu *ingredient* yang bagus-bagus yang bukan saja sedap di makan tetapi baik untuk pemakanan, terima kasih.

**Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah pun meneliti tadi jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tentang kedua-dua jenis makanan ini tuhan dan hinawa dan ianya daripada keluarga *licuminasay*. Di dalam keluarga *licuminasay* terdapat juga banyak jenis tumbuh-tumbuhan yang mengandungi toksin kerana ianya beracun.

Saya ingin tahu di dalam nama ini tuhan dan hinawa apakah spesies spesifik. Saya juga ingin tahu bahawa untuk menjalankan kajian ini kita seharusnya buat proses *screening* atau proses mengenal pasti kompaun dan bahan-bahan kimia di dalam tumbuh-tumbuhan tersebut. Maka kegunaan tumbuh-tumbuhan ini tuhan dan hinawa sudah lama digunakan apakah proses *screening* yang harus dijalankan. Adakah ianya proses *screening* yang mempercepatkan atau *high-throughput screening*. Kerana ini memang sudah diketahui oleh penduduk-penduduk di Sabah. Saya menyarankan agar pihak kementerian menjalankan *high-throughput screening* agar hasilnya boleh diketahui secepat mungkin. Terima kasih.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Mambong walaupun dalam keadaan tidak begitu sihat sedang pulih badannya pun masih minat dalam bidang ini. Saya ada terang tadi nama saintifik ada *etlingera coccinea* dia satu famili *zingiberacea* dan sejenis *tuber* dengan izin. Apa yang disampaikan itu begitu penting sekali iaitu banyak makanan Orang Asli seperti bumiputera Sabah Sarawak yang sedap dimakan tetapi sebenarnya kita belum teliti dari segi isi kandungan zat-zat tertentu.

■ 1050

Sebahagian *family* tanaman ini ataupun pokok ini sebenarnya mempunyai toksin dan seterusnya. Pihak MOSTI tidak terlibat secara langsung dalam soal *screening* dan seterusnya tapi barangkali ini satu pendekatan yang perlu diambil oleh pihak kementerian untuk bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertanian supaya di mana-mana terdapat tanaman yang sedap dimakan berasas kepada *indigenous knowledge* yang ada tetapi belum dikenal pasti dari segi isi kandungan *active ingredients* dengan izin, barangkali di peringkat MOSTI kita boleh beri keutamaan kepada kajian-kajian dari segi *sponsorship* yang ada, dana yang ada untuk tujuan seperti yang dicadangkan. Terima kasih.

**6. Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, dasar, strategi dan perancangan kerajaan dalam mendepani masalah kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi di Malaysia.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Noraini binti Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Machang di atas soalan nombor 6 ini dan untuk maklumat ataupun untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia telah merangka dasar dan merancang pelbagai usaha dan strategi bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi di Malaysia. Dasar kerajaan adalah untuk membangunkan tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi yang dilengkapi dengan nilai dan sikap yang positif. Ini bertujuan untuk membolehkan industri di Malaysia berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Dalam hubungan ini pelan induk latihan dan pembangunan kemahiran pekerjaan Malaysia 2008 hingga 2020 telah dibangunkan dan melalui pelan ini KSM mensasarkan untuk mengeluarkan 250,000 tenaga mahir setahun melalui peningkatan kapasiti latihan di 1,009 institusi latihan awam dan swasta yang sedia ada. Pelan ini juga bertindak sebagai asas dan hala tuju kepada penggalakan aktiviti pembangunan dan penyediaan program kemahiran kepada belia di negara ini. Lima teras ataupun untuk menjawab yang kedua pula, lima teras strategi telah dikenal pasti di dalam usaha untuk menangani kekurangan tenaga kerja mahir dan ini adalah:

- (i) memperkukuhkan sistem latihan dan pembangunan kemahiran kebangsaan;
- (ii) mempertingkatkan kualiti latihan dan pembangunan kemahiran;
- (iii) memperluaskan akses dan peluang latihan untuk individu;
- (iv) memenuhi keperluan tenaga kerja mahir oleh industri; dan
- (v) mempertingkatkan martabat dan pengiktirafan kelayakan dan kerjaya berasaskan kemahiran.

Perancangan dan pelan tindakan oleh KSM dalam menangani kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi meliputi:

- (i) usaha memperkukuhkan kerjasama di antara agensi latihan dan industri dengan menjalankan latihan di tempat kerja melalui SLDN atau Skim Latihan Dual Nasional yang mensasarkan 31,500 tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang 2010;
- (ii) memperkukuhkan maklumat pasaran sumber manusia mahir;
- (iii) memperluaskan kapasiti latihan dan JTM melalui ILP, ADTEC sedang meningkatkan sekali ganda kapasiti pengeluaran tenaga mahir kepada 19,000 orang setahun;
- (iv) mempertingkat dan memperluaskan program pembangunan latihan peringkat tinggi dengan membangunkan sehingga 5,000 standard

pekerjaan kebangsaan ataupun NOSH daripada 903 NOSH yang sedia ada; dan

- (v) untuk memperkenalkan program keusahawanan, sehingga kini JPK di bawah KSM telah meluluskan sejumlah 1,009 pusat bertauliah yang meliputi 6,172 program.

Daripada jumlah ini 70 buah pusat bertauliah diluluskan bagi menawarkan sejumlah 173 program latihan di tahap Diploma Kemahiran Malaysia dan tahap 5 iaitu Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia. Di samping itu kementerian sendiri mempunyai pusat-pusat latihan yang dikenali sebagai Pusat Latihan Teknologi Tinggi ataupun ADTEC yang menawarkan latihan kepada 4,000 orang pelatih pada tahap kemahiran tinggi. Sebagai tambahan empat buah ADTEC baru akan dan sedang dibina. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Machang.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga atas jawab Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu bidang yang berkembang pesat. Yang memerlukan sumber tenaga manusia yang berkemahiran tinggi di negara kita ialah bidang peranti perubatan. Dalam bahasa Inggerisnya dengan izin, *medical devices*. Pulau Pinang ada banyak pelabur dan ada kilang yang beroperasi untuk menyiapkan keperluan ini. Soalan saya ialah bidang yang berkaitan dengan mengadakan beberapa *instrument* perubatan seperti pembuluh darah tiruan, *regulator* untuk *drip*, picagari dan sebagainya ini.

Bidang ini tidak terkesan dengan kelembapan ekonomi dunia. Jadi soalnya ialah sejauh mana kementerian melakukan penyelarasan dengan MIDA sebagai *development agency* yang *facilitate* pelaburan di Malaysia ini. Wujud semacam *mismatch* antara keperluan industri dengan keberadaan sumber tenaga manusia kemahiran tinggi yang terbatas. Jadi sejauh mana kerajaan melalui kementerian sukses dalam menjalankan program *retooling* iaitu mempersiapkan pekerja sedia ada dengan kemahiran baru bagi memenuhi keperluan ini, terima kasih

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang diberikan. Ini mengenai bidang sumber teknologi peranti perubatan ataupun *medical devices* dengan izin. Kerajaan sebenarnya sedar bahawa negara memang menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja mahir yang ini untuk memenuhi keperluan Pelan Induk Perindustrian ke-3 ataupun IMP3. Bidang yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi itu adalah salah satu daripada bidang baru yang sudah jelas memang masih lagi banyak kekurangan Yang Berhormat.

Jadinya pihak kementerian memang sentiasa kita melaksanakan program ataupun mesyuarat bersama dengan MIDA untuk *facilitate* kekurangan-kekurangan seperti ini dan penyediaan NOSH yang menjurus kepada kehendak industri ini ialah selaras dengan saranan daripada pihak industri itu sendiri dan kami mempunyai 20 jawatankuasa penasihat pembangunan kemahiran yang merangkumi sektor-sektor industri yang dimaklumkan dan kita

ada pelan induk, buku ini Yang Berhormat yang boleh mungkin Yang Berhormat boleh dapatkan dan mungkin untuk Yang Berhormat Machang saya sendirilah, lepas ini boleh bagilah kepada Yang Berhormat Machang.

Mungkin Yang Berhormat yang lain mungkin kita sediakan di pihak kementerian. Memandangkan ini adalah satu cadangan ataupun satu bidang yang baru, insya-Allah kami di peringkat kementerian Yang Berhormat kita akan bincangkan dengan lebih *detail*. Semoga ianya dapat dilaksanakan terutamanya dengan pihak industri Yang Berhormat nyatakan tadi, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Antara objektif utama misi nasional adalah untuk meningkatkan lagi nilai tambah ekonomi negara. Salah satu cara diukur nilai tambah atau *value add* dengan izin, ini adalah melalui *total factor productivity*. TFP iaitu berdasarkan kepada input modal buruh, sumber asli dan sebagainya. Jadi soalan saya apakah sumbangan buruh kepada *total factor productivity* ekonomi negara. Apakah langkah-langkah untuk meningkatkan lagi faktor buruh dalam kiraan TFP negara ini berbanding dengan tanah sumber asli dan sebagainya. terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Rembau di atas soalan tambahan yang diberikan tadi. Untuk maklumat Yang Berhormat di bawah strategik satu iaitu untuk menghasilkan tenaga buruh yang ber *knowledge*, dengan izin, yang berpengetahuan sebab kita waktu sekarang ini kita perlu melahirkan buruh yang mempunyai pemikiran ke arah globalisasi dan mempunyai pemikiran *hi-tech* dan juga mampu untuk bersaing dengan sengit di peringkat antarabangsa.

Nilai tambah inilah yang perlu dilahirkan untuk buruh-buruh di negara kita tetapi apa yang paling penting sekali adalah untuk kita melahirkan tenaga buruh ini berdasarkan industri *driven* dengan izin ataupun dipandu industri dan juga *demand driven* bagi kita menghasilkan mereka yang mempunyai total faktor produktiviti yang begitu tinggi. Terima kasih.

**7. Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]** minta Menteri Kesihatan menyatakan, sudahkah perjanjian dimeterai dengan Kesatuan Eropah untuk pengeksportan makanan laut Malaysia ke pasaran mereka dan bilakah pengeksportan ini dapat dimulakan semula.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Pengeksportan makanan laut dari Malaysia ke negara-negara EU akan dapat dimulakan apabila pihak dengan izin *Food and Veterinary Office*, FVO EU datang ke Malaysia untuk membuat pemeriksaan semula dan di mana jika Malaysia dapat memberi jaminan kepada FVO ini bahawa semua sekali produk-produk ini memenuhi segala bentuk standard dan piawaian, insya-Allah produk-produk kita akan boleh dieksport semula ke EU. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau kita lihat sumbangan Malaysia dalam eksport makanan laut sudah mencecah RM2 bilion setahun. Industri ikan sahaja menyumbang RM600 juta atau menyumbang kira-kira 25% daripada jumlah eksport komoditi perikanan ke dunia. Soalan tambahan saya ialah adakah pintu EU telah terjamin terbuka berikutan perjanjian *Malaysian International Tuna Port* ataupun MITP dengan dua negara EU iaitu Sepanyol dan Portugal baru-baru ini.

Kedua, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berhubung soal syarat kebersihan dan keselamatan penyelenggaraan produk makanan yang disyaratkan EU. Yang bukan sahaja bagi makanan penduduk EU berjumlah hampir 500 juta tetapi kita juga harus memikirkan eksport komoditi makanan laut negara yang cukup berpotensi besar termasuk juga menjaga periuk nasi lebih kurang 10 ribu pekerja tempatan seperti dalam industri perikanan negara. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan Yang Berhormat dari Jerlun. Kita memang tahu bahawa pengeksportan produk-produk makanan laut negara Eropah EU berkembang pada kadar dua angka. Di kawasan saya banyak bergantung kepada pengeksportan produk-produk tersebut.

Walau bagaimanapun, selama ini produk kita memang dipercayai oleh EU kerana kita memenuhi segala bentuk piawaian. Tidak ada masalah sebelum ini, tetapi bila FVO ini datang dua kali, satu pada tahun 2005 dan yang mutakhir sekali tahun 2008. Didapati bahawa produk-produk makanan laut yang kita eksport ke EU ini tidak mematuhi piawaian-piawaian yang amat dengan izin, *stringent* yang dikenakan oleh EU kerana ia sangat mementingkan proses dan juga kebersihan produk tersebut.

Sebab itu kementerian bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani khususnya Jabatan Perikanan dan juga LKIM untuk memastikan bukan sahaja sewaktu di kilang ia memenuhi kriteria piawaian ditetapkan tetapi bila dia tangkap ikan, kapal yang peri tangkap ikan itu perlu juga memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh EU. Bila ikan sudah ditangkap atau makanan laut ditangkap bila masuk dalam *freezer*, dia hendak tahu juga sama ada suhu yang diguna pakai oleh kapal tersebut atau *vessel* tersebut memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh EU. Proses-proses dan praktis kebersihan dan juga *handling* dengan izin makanan-makanan laut ini, perlu dipatuhi dan dipenuhi oleh setiap proses daripada bela sampai kepada proses eksport.

2005, 2008 didapati bahawa banyak industri kita tidak memenuhi kriteria tersebut sebab itulah produk-produk kita di *reject* oleh EU. Justeru itu kita akan terus membina upaya, bekerjasama dengan Kementerian Pertahanan, Jabatan Perikanan dan juga LKIM untuk

memperkuat dan memperkukuhkan semua sistem ini dan bekerjasama dengan pihak industri. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang sedar bahawa langkah-langkah yang diambil oleh EU itu sangat ketat. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, apakah kos untuk tiap-tiap kali kita buat pemeriksaan iaitu mengikut peraturan EU. Di sini, setakat manalah kita berjaya dapat mengatasi peraturan Eropah ini kerana memandangkan eksport kita begitu banyak dan kita perlulah memastikan tidak berlakunya kejadian seperti yang berlaku dengan melamin di China.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua kalau saya hendak cerita proses dia daripada A sampai ke Z, panjang. Akan tetapi memadai saya menyatakan bahawa kita serius dan kita hendak tolong industri.

Ekoran daripada itu Yang Berhormat Menteri telah bantangkan satu kertas Kabinet kepada Ahli-ahli kabinet bagi memastikan kita mempunyai bina upaya bukan sahaja dari sudut industri tetapi pihak *authority* MOH, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga LKIM. Kita bina upaya, kita tambah makmal, kita penuhi semua kriteria-kriteria yang telah di tetapkan oleh EU. Malaysia bukan sahaja satu-satu negara yang mengalami isu tersebut, banyak negara lain juga mengalami dalam ASEAN juga mengalami proses yang sama termasuk negara China. Terima kasih.

**8. Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]** minta Perdana Menteri menyatakan, maklumat terkini terhadap pecahan keluarga di Malaysia yang memperoleh pendapatan bulanan di bawah RM1,000 sebulan, antara RM1,001 dan RM2,000 dan RM2,001 hingga RM3,000 sebulan dan seterusnya hingga RM20,000 sebulan mengikut pecahan kaum Melayu, Cina, India, Kadazan, Orang Asli dan lain-lain.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S. K. Devamany]:** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat daripada Sungai Siput. Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan daripada penyiasatan pendapatan isi rumah, HIS yang terkini tahun 2007 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Anggaran isi rumah yang mempunyai pendapatan di bawah RM1,000 sebulan ialah seramai 496,500 isi rumah. Daripada jumlah tersebut pecahan mengikut kaum ialah seramai 301,000 isi rumah - Melayu, 50,900 isi rumah Cina, 29,000 - India, 29,300 - Kadazan, 7,500 - Orang Asli dan lain-lain kaum 78,800 isi rumah.

Bagi kumpulan berpendapatan antara RM1,001 hingga RM2,000 pula, keseluruhan bilangan isi rumah ialah 1,695,900 isi rumah. Di mana daripada jumlah tersebut 976,500 merupakan isi rumah Melayu, 338,300 - Cina, 125,300 - India, 38,800 - Kadazan, 9,800 - Orang Asli dan 207,200 isi rumah dari lain-lain kumpulan etnik.

■ 1110

Lain-lain kumpulan etnik ini Tuan Yang di-Pertua adalah termasuk golongan-golongan dari Sarawak contohnya golongan Iban dan sebagainya. Baik Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan

isi rumah bagi kumpulan berpendapatan antara RM2,001 hingga RM3,000 pula adalah 1,144,700 isi rumah. Daripada jumlah ini 614,700 isi rumah merupakan isi rumah Melayu, 300,800 isi rumah - Cina, 121,500 - India, 15,300 - Kadazan, 2,500 - Orang Asli dan 89,900 isi rumah daripada lain-lain kumpulan etnik.

Bagi kumpulan berpendapatan antara RM3,001 hingga RM4,000 pula keseluruhan bilangan isi rumah ialah 743,000 isi rumah di mana jumlah tersebut 380,500 isi rumah adalah isi rumah Melayu, 234,700 - Cina, 73,300 - India, 8,900 - Kadazan, 1,000 - Orang Asli dan 44,600 isi rumah daripada kumpulan etnik lain-lain.

Bagi kumpulan berpendapatan antara RM4,001 hingga RM5,000 keseluruhan bilangan isi rumah ialah 497,800 isi rumah dengan 254,700 merupakan isi rumah Melayu, 166,600 - Cina, 44,800 - India, 6,900 - Kadazan, 200 - Orang Asli dan 24,600 dari kumpulan etnik lain.

Bagi julat pendapatan antara RM5,000 hingga RM10,000 pula melibatkan 914,200 isi rumah. Daripada jumlah tersebut isi rumah Melayu adalah melibatkan 419,200 isi rumah, Cina - 368,400 isi rumah, India - 76,800, Kadazan - 13,400 dan kumpulan etnik lain - 36,500 isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kumpulan berpendapatan antara RM10,001 hingga RM20,000, yang terakhir Tuan Yang di-Pertua pula melibatkan 235,300 isi rumah. Daripada jumlah tersebut 85,700 merupakan isi rumah Melayu, 118,700 - golongan Cina, 23,400 - India, 800 - Kadazan dan 6,700 - kumpulan etnik lain.

Bagi kumpulan pendapatan melebihi RM20,000 pula terdapat 49,500 isi rumah dan daripada jumlah tersebut 16,500 merupakan isi rumah Melayu, 27,900 - Cina, 3,600 - India dan 1,500 daripada kumpulan kaum etnik lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada angka-angka yang diberi tadi nampaknya lebih daripada 80% pendapatan daripada keluarga-keluarga di bawah RM1,000 sebulan daripada angka yang diberi daripada kaum bumiputera jika kita campurkan Melayu, Kadazan, Iban dan Orang Asli lebih daripada 80% golongan yang termiskin itu adalah daripada kaum bumiputera dan untuk kumpulan yang kedua RM1,001 hingga RM2,000 lebih kurang 70% daripada golongan itu ada juga kaum bumiputera.

Jadi soalan saya macam ini. Kita ada dua kaedah yang boleh kita pakai untuk membantu bumiputera yang miskin. Satu ialah kita boleh dasarkan program kita atas kaum. Satu lagi ialah kita boleh mendasarkan program bantuan kita atas ciri-ciri sosioekonomi macam tempat duduk dan juga pendapatan bulanan. Jadi di antara dua kaedah ini iaitu yang pakai kaum atau yang pakai ciri-ciri sosioekonomi akan membawa manfaat yang lebih pada golongan bumiputera yang miskin. Terima kasih.

**Tuan S. K. Devamany:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Siput. Beliau sejak dari universiti dahulu memang terlibat dalam soal-soal begini. Maka saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Sungai Siput bahawa kita perlu

menggunakan kaedah sosioekonomi sebagai landasan untuk memberi bantuan dan memperkasakan mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya ingin menegaskan di sini bahawa kita telah pun meletakkan dengan izin, *in place* pelbagai program pembasmian kemiskinan melalui pelbagai agensi dan Perdana Menteri kita sentiasa membicarakan mengenai *social safety net* sebagai landasan untuk memperkasa golongan-golongan yang berpendapatan rendah untuk menjamin kesejahteraan hidup ataupun keadaan hidup yang baik lebih-lebih lagi dalam keadaan kegawatan ekonomi ataupun krisis kewangan yang serius.

Untuk makluman Yang Berhormat, program pembasmian kemiskinan yang telah dirangka oleh kementerian dan juga oleh kerajaan melibatkan semua pihak, semua kaum yang dalam *bracket* pendapatan yang dikatakan tadi. Contohnya kita sedang berusaha untuk membantu golongan ini khususnya yang berpendapatan di bawah RM1,500 ke bawah mengikut banciaan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan dan kita nampak penurunan daripada 1999 daripada 57% sekarang turun sampai ke 37% pendapatan isi rumah dalam tempoh lebih kurang lapan tahun ini.

So, ada nampak peningkatan dan dengan izin *the middle class development* semakin meningkat. *So the wealth mobility* memang sedang berlaku daripada 27% hingga 33%. Maka ada peningkatan dan untuk membantu golongan yang sedia ada Yang Berhormat kita sedang mengadakan program khusus di ICU sekarang untuk mengenal pasti golongan-golongan sasaran ini. Masalah kita mereka belum masuk dalam net itu lagi. Kita hendak mencari. So, KPKT mengadakan program bantuan kemiskinan dan sekarang di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diadakan projek cari untuk mengenal pasti keluarga yang menjadi kumpulan sasaran. Saya tidak ada masa untuk membicarakan semua program sedia ada. Mungkin kalau Yang Berhormat inginkan saya boleh sampaikan dan majukan melalui tulisan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada huraian tadi saya yakin isunya adalah untuk meningkatkan pendapatan rakyat Malaysia di kawasan pedalaman sebab umumnya yang tinggal di kawasan pedalaman mendapat pendapatan kurang daripada RM1,000 melalui huraian tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pepatah Melayu mengatakan kita beri pancing bukan beri ikan tapi sekarang kita mesti ajar mereka bagaimana buat pancing atau kail bukannya kita beri pancing ataupun kail. Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua bagaimana kita boleh lebih fokus atau *zoom* kepada masyarakat luar bandar ini untuk beri kemahiran tinggi supaya mereka secara tiba-tiba boleh meningkatkan pendapatan mereka dan dapat mengurangkan jurang perbezaan ini. Misalnya dengan memberi mereka ruang yang lebih, tidak perlu kita terlalu terikat dengan kelulusan untuk mereka melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Tuan S. K. Devamany:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ledang. Saya pun memang bersetuju lagi sekali dengan Yang Berhormat tapi ingin saya katakan di sini pada tahun 2007 Yang Berhormat oleh kerana harga komoditi kita dan juga sektor pertanian telah diperkasa oleh program pertanian kita yang agresif dan Rancangan Malaysia Kesembilan kita nampak bahawa negeri-negeri yang dahulunya digolongkan sebagai negeri yang miskin yang kadar kemiskinannya rendah contohnya Kelantan telah menampakkan peningkatan pendapatan isi rumah sebagai 5.4% dan Terengganu sebanyak 7.5% dan Sarawak sebanyak 7.1%. Ini berbanding dengan purata peningkatan pendapatan isi rumah kebangsaan sebanyak 4.3%. Dengan izin, *there is substantial increase in agro based state.*

Maka dengan ini saya rasa ini adalah tempias yang telah kita ternampak daripada program-program yang telah diletakkan untuk memperkasakan golongan miskin. Saya setuju bahawa kita tak boleh sentiasa beri ikan. Kita perlu mengajar mereka untuk menangkap ikan. Maka atas landasan itu pelbagai program sedang dirangka kerana ini adalah *long standing* dengan izin Tuan Yang di-Pertua perlu kita mengambil masa untuk menukarkan budaya pemikiran, budaya kerja, budaya paradigma.

■1120

Maka untuk itu kerajaan telah meletakkan pertanian dan asas tani, asas tani bukan sahaja mengeluarkan barangan pertanian tetapi juga untuk diproses, untuk dijual di peringkat akhir. Proses ini akan berlaku dan kita berdoa bahawa segala langkah-langkah yang sedia ada akan berjaya suatu hari nanti. Terima kasih.

**9. Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, jumlah kes penyeludupan di dalam negara semenjak penstrukturan harga minyak dibuat. Adakah kementerian berpuas hati dengan keadaan setakat ini dan jika tidak, apakah langkah tambahan yang dicadangkan oleh kementerian.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Jelaing anak Mersat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Sejak penstrukturan harga minyak yang diumumkan oleh kerajaan pada 5 Jun 2008 yang lalu, kementerian dengan gabungan kerjasama agensi penguatkuasaan yang lain terus berusaha membanteras aktiviti penyeludupan dan penyalahgunaan diesel bersubsidi.

Mulai 6 Jun 2008 hingga 31 Oktober 2008, sejumlah 125 tindakan kes telah berjaya dihasilkan dengan jumlah rampasan diesel sebanyak 648,163.11 liter dengan nilai RM1,505,472.08. Melalui jumlah tindakan kes dan nilai rampasan yang telah dihasilkan membuktikan satu kejayaan bagi pihak kerajaan dalam usaha menyekat penyeludupan dan penyalahgunaan diesel bersubsidi di negara ini.

Kejayaan ini didorong dengan faktor kerjasama semua pihak sama ada di kawasan perairan, sempadan dan pintu-pintu keluar masuk negara serta melalui penandaan ataupun *marking sample* dengan izin ke atas semua minyak diesel bersubsidi di kawasan perindustrian,

pemborong, premis dan juga kenderaan seperti lori tangki bagi pengesanan mana-mana pihak yang tidak layak membeli atau memiliki minyak diesel bersubsidi.

Pada masa sekarang, kementerian berpuas hati dengan segala usaha yang dijalankan dan keadaan adalah terkawal setakat ini. Namun kementerian sentiasa peka dan sentiasa mencari kaedah terbaik dari semasa ke semasa bagi memastikan rakyat terus menikmati bantuan ataupun subsidi yang disalurkan oleh kerajaan tanpa diselewengkan atau disalahgunakan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah tambahan kementerian bercadang untuk memperkasakan penguatkuasaan dari segi menambah bilangan pegawai penguat kuasa serta melengkapkan kemudahan logistik yang berkeupayaan serta bersistematik.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Krai Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan menteri atas jawapan. Kita pun seronok tengok harga minyak ini semakin turun dan menggambarkan siri-siri protes yang kita buat termasuk perhimpunan di Kelana Jaya berjaya... [*Tepuk*] Kita dimaklumkan harga akan turun lagi. Kita teruskan protes sampai lebih rendah daripada dahulu.

Soalan asal yang diberikan Tuan Yang di-Pertua mengenai penyeludupan dan antara hujah besar kerajaan menaikkan harga minyak ialah kerana penyeludupan diesel dan petrol ke negara jiran. Tidakkah kerajaan risau apabila sudah turun harga ini penyeludupan akan meningkat semula ataupun adakah itu hanya hujah-hujah untuk menguatkan alasan untuk menaikkan harga minyak. Sebenarnya kalau jumlah yang dapat dikesan hanya sekitar 604,800 liter dan nilainya hanya RM1.5 juta, penyeludupan ini bukan isu yang besar. Jadi sebab itu kita merasa bahawa hujah penyeludupan untuk menaikkan harga minyak dahulu hanya hujah yang dibuat-buat dan minta penjelasan daripada kementerian.

**Tuan Jelaing anak Mersat:** Terima kasih Yang Berhormat atas komen itu tadi. Saya tidak pasti sama ada penurunan harga minyak oleh kerana protes ataupun oleh kerana kebijaksanaan Barisan Nasional dalam menguasai keadaan semasa. Jadi kita tengoklah Yang Berhormat macam mana. Soalan Yang Berhormat tadi adalah berkaitan dengan komen yang menaikkan harga minyak oleh kerana penyeludupan, itu bukan faktornya sahaja Yang Berhormat.

Faktor-faktor lain yang menyebabkan kenaikan harga iaitu betapa tingginya subsidi yang kerajaan kena bagi untuk rakyat. Jadi tidak mampulah untuk kita memberi subsidi yang terlalu tinggi. Kalau keadaannya begitu, kita tidak ada wang untuk membiayai usaha-usaha lain kerajaan membantu rakyat, Sekian, terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Saya hargai usaha yang dilakukan oleh kementerian untuk membanteras penyeludupan. Soalan tambahan saya, pada bulan Jun apabila harga minyak kita lebih rendah berbanding dengan negara jiran, kerajaan telah mengenakan larangan mengisi

minyak oleh kenderaan asing yang membabitkan stesen minyak dalam jarak 30 hingga 50 kilometer di sempadan Malaysia. Akan tetapi kemudiannya larangan tersebut dibatalkan kerana harga minyak kita naik.

Memandangkan sekarang harga minyak kita masih lebih murah berbanding dengan negara jiran, adakah kerajaan akan menghidupkan semula sistem tersebut ? Jikalau tidak apakah sebabnya? Terima kasih.

**Tuan Jelaing anak Mersat:** Terima kasih Yang Berhormat. Buat masa sekarang ini kita tidak ada cadangan untuk membuat sedemikian. Mungkin dalam perbincangan yang akan datang sekiranya perlu, kita akan buat seperti yang kita cadangkan dahulu. Sekian, terima kasih.

**10. Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, jumlah peruntukan kementerian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi tahun 2006 hingga 2010 bagi negeri Kedah dan nyatakan aktiviti kementerian di negeri Kedah bagi tahun 2006 hingga 2010.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wee Jeck Seng]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Belia dan Sukan telah memperuntukkan sebanyak RM176.9 juta bagi pelaksanaan projek fizikal atau program di negeri Kedah. Senarai program atau projek yang berkenaan adalah seperti berikut:

Projek yang telah dilaksanakan:-

- (i) membina Pusat Latihan Perahu Layar Langkawi telah siap dibina; dan
- (ii) pengeluaran geran bagi Sukma Kedah 2006.

Projek dalam pelaksanaan:

- (i) menaikkan taraf dan selenggaraan peralatan latihan IKBN Jitra;
- (ii) menaik taraf, membaik pulih bangunan IKBN Jitra;
- (iii) pembinaan IKBN Pedu;
- (iv) pelaksanaan Program Pembangunan Kemahiran;
- (v) menaik taraf Kompleks Belia dan Sukan Kedah; dan
- (vi) membina 72 buah gelanggang rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program di negeri Kedah bagi tahun 2006 sehingga tahun 2010 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Di antaranya di bawah Program Rakan Muda, Program Rakan Muda Wawasan Desa, kawasan Parlimen dan IPT, Kem Rakan Muda Jiran Muda, Program Khidmat Sukarelawan, Pusat Siber Rakan Muda, Program Rakan Masyarakat yang menjalankan aktiviti Rakan Muda Ramadan, Rakan Muda Masjid dan Fardu Ain.

Selain daripada itu, Program Kem Tunas Jiran Rakan Muda serta Aktiviti Gaya Hidup Rakan Muda di setiap kawasan Parlimen dan juga Kem Kecemerlangan Rakan Muda Pencinta Alam.

Selain itu Yang Berhormat, di bawah pembangunan sukan ada aktiviti seperti Bulan Kecergasan peringkat negeri, Anugerah Khas Sukan Massa peringkat negeri, Kursus Pemantapan Kepimpinan dan Pengurusan NGO Sukan Massa peringkat negeri dan Kursus Renang dan Asas Menyelamat. Di bawah pembangunan belia pula, program-program seperti program kepimpinan, Y2Y, Program Kepimpinan NGO Kebangsaan, Kepimpinan 3K Persatuan Belia, Kepimpinan Majlis Belia dan juga Seminar Kepimpinan NGO.

■ **1130**

Untuk maklumat Yang Berhormat, pada tahun 2006, Kementerian Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri berjaya melaksanakan sebanyak 45 aktiviti sama ada di peringkat Parlimen mahupun DUN. Secara keseluruhannya ia menarik seramai 27,120 orang peserta. Pada tahun 2007 pula, kementerian telah menjalankan sebanyak 49 aktiviti dan pada tahun 2008 pula sebanyak 62 aktiviti telah dijalankan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah selesai.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT  
DI BAWAH P.M. 18(1)**

**KERETAKAN HOSPITAL QUEEN ELIZABETH**

**11.30 pg.**

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya Mohd. Hayati Othman, Pendang akan mencadangkan bahawa Dewan ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini membincangkan satu isu tentang keretakan Hospital Queen Elizabeth yang masih digunakan walaupun diketahui berlaku keretakan sejak setahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam berita TV3 jam 1.30 tengah hari, 6 November 2008 telah mendedahkan bahawa Hospital Queen Elizabeth masih digunakan walaupun berlaku keretakan hampir satu tahun tanpa diambil tindakan dan ini cukup membahayakan keselamatan rakyat awam dan pesakit serta petugas. Dalam lawatan meninjau kerosakan yang berlaku, Yang Berbahagia Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Ismail Merican juga merasa hairan kenapa masalah keretakan tidak diberitahu kepada pihak atasan walaupun sudah disedari lama.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan unit-unit penting adalah terlibat dengan bahaya keretakan ini dan difahamkan pesakit dari wad-wad ortopedik, surgeri, ENT ataupun telinga, hidung dan tekak, entomologi, radiologi dan ICU terlibat dengan masalah keretakan ini dan terpaksa dipindahkan ke hospital lain terutamanya ke Hospital Likas dan hospital daerah lain yang berdekatan. Kita bersyukur kerana pesakit telah selamat dipindahkan sebelum sesuatu yang lebih buruk berlaku akibat pengabaian ini. Akan tetapi bagaimana pula dengan jumlah

pesakit yang berada di hospital lain tersebut? Ke mana mereka dipindahkan? Kalau tidak bayangkan akan kesesakan yang akan terjadi di sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru supaya sebuah jawatankuasa siasatan dibentuk segera untuk mengkaji apakah masalah sebenar yang sudah berlaku di dalam proses pembinaan hospital ini. Apakah ada masalah teknikal seperti gempa bumi yang pernah terjadi di persekitaran perairan Filipina dan Indonesia di sekitar Sabah tidak lama dulu menjejaskan struktur binaan bangunan tinggi di Sabah. Apakah juga bangunan tinggi yang lain terlibat di Sabah perlu diberi perhatian dan pemeriksaan teliti untuk meninjau struktur binaan mereka? Kerajaan perlu memberi perhatian terhadap jumlah pesakit yang datang mendapatkan rawatan dengan mencari segera bangunan lain yang selamat atau menyewa agar khidmat kesihatan dan rawatan tidak terjejas kepada rakyat dapat dilaksanakan. Saya merasa bahawa perkara ini adalah tertentu dan perlu disegerakan untuk kepentingan rakyat ramai khususnya masyarakat di Sabah. Saya mencadangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Pendang pada hari Jumaat, 7 November 2008. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat iaitu:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Namun demikian, perkara ini tidak perlu disegerakan. Saya difahamkan bahawa kementerian telah pun mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menangani masalah ini. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pada 10 November saya ada kemukakan satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk membincangkan pengakuan umum oleh Ketua Hakim Negara, Tan Sri Zaki Tun Azmi di Kuching pada 7 November tahun ini, bahawa beliau pernah memberi rasuah kepada kakitangan mahkamah semasa beliau masih lagi seorang peguam pada tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, ada menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(5) yang berbunyi, "*Tidak lebih daripada satu usul menangguhkan mesyuarat menurut peraturan ini, boleh dibawa pada satu hari persidangan mesyuarat*".

Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, kelmarin ada empat usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) yang dikemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua ada membenarkan usul daripada Ahli Yang Berhormat dari Pendang yang dibaca dan ditolak tadi. Saya mahu mendapat tahu Tuan Yang di-Pertua, apa tafsiran Peraturan Mesyuarat 18(5)? Adakah ini apabila lebih daripada satu usul dikemukakan, usul yang kedua yang tidak dikemukakan dalam masa yang terdahulu daripada usul yang pertama, bermakna ini tidak boleh langsung dibangkitkan pada keesokan hari atau usul itu ditolak dan tidak boleh dikemukakan sama sekali atau boleh dikemukakan pada hari yang lain tetapi dengan teks yang sama.

Bolehkah saya dapat satu *ruling* ke atas interpretasi Peraturan Mesyuarat 18(5), Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Seperti mana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pada sesuatu hari apabila Tuan Yang di-Pertua menerima lebih daripada satu usul, yang kita akan timbangkan ialah usul notis yang terdahulu dihantar sama ada di Pejabat Setiausaha ataupun Pejabat Tuan Yang di-Pertua. Maka dengan itu, usul-usul ataupun notis usul yang dihantar terkemudian sama ada ia dua, tiga atau empat lagi usul akan ditolak melalui Peraturan Mesyuarat 18(5) seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi.

Walau bagaimanapun, *roughly* kita ialah apabila sesuatu usul itu ditolak di bawah Peraturan Mesyuarat 18(5), maka Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan di mana usul mereka telah ditolak di bawah peraturan mesyuarat itu boleh mengemukakan usul balik dengan *reasoning* yang sama. Jadi saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Bukit Gelugor pagi ini telah menghantar notis usul dan teks yang sama ataupun kalau tidak sama pun ia ada perubahan sedikit. Itu tidak apa. Jadi kalau umpamanya Ahli Yang Berhormat pada pagi ini telah menghantar usul awal pagi, jadi ia kalau tidak ada usul lain yang terdahulu daripada Yang Berhormat, ia akan diambil tindakan esok. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Point of order* Tuan Yang di-Pertua. Bolehkan saya berdiri meminta satu panduan, *guidance* dan *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua bahawa sama ada boleh untuk memudahkan urusan Parlimen bahawa dalam peraturan yang berkenaan, apabila ada sesuatu usul yang dikemukakan, bolehkah Sekretariat Tuan Yang di-Pertua memberitahu Ahli-ahli Parlimen yang kemudian kemukakan usul, bahawa sudah ada satu usul supaya ini boleh dimudahkan dan tidak perlulah *fill-up* dalam perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Kita akan ambil perhatian dalam soal itu.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2009****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2009****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2009 dan Anggaran Pembangunan 2009 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Keempat]*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

■1140

**Maksud B.10, B.11 dan B.12 [Jadual] –  
Maksud P.10 dan P.70 [Anggaran Pembangunan 2009] –**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat saya telah menerima dan membenarkan permohonan daripada Kementerian Luar Negeri yang dijadualkan di nombor tiga di belakangkan ke nombor terakhir selepas Kementerian Dalam Negeri dalam susunan giliran Menteri-Menteri menjawab ke atas perbahasan peringkat Jawatankuasa Rang Undang-Undang Perbekalan 2009. Ini sebagai makluman. Sila Menteri Kewangan untuk menggulung perbahasan.

**11.40 pg.**

**Menteri Kewangan II [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Pengerusi terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Bajet 2009 khususnya yang membabitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Banyak perkara yang telah ditimbulkan semasa perbahasan tersebut dan Kementerian Kewangan akan memberi perhatian terhadap semua teguran dan berusaha melaksanakan cadangan yang sesuai yang telah dikemukakan. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Permatang Pauh telah menyarankan supaya Kementerian Kewangan mengambil sikap lebih terbuka merencana program ekonomi yang mengambil kira semua pandangan.

Sememangnya Kerajaan Persekutuan memegang kepada sikap terbuka dalam merancang program ekonomi. Setiap tahun Kementerian Kewangan mengadakan dialog bajet dengan banyak pihak. Baru-baru ini kerajaan juga telah mewujudkan Majlis Ekonomi untuk mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak bagi mendapat maklum balas dalam menghadapi cabaran ekonomi global. Kerajaan amnya dan Kementerian Kewangan khasnya

sentiasa bersedia menerima cadangan dan juga teguran daripada semua pihak di Dewan yang mulia ini termasuk Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional serta Pakatan Rakyat dan juga Yang Berhormat Pasir Mas.

Saya dan pegawai-pegawai saya telah meneliti bajet alternatif misalannya yang dicadangkan oleh Ketua Pembangkang bagi pihak Pakatan Rakyat. Dan sungguhpun terdapat beberapa perbezaan daripada kedua-dua bajet ini namun juga terdapat aspek-aspek persamaan dalam beberapa strategi dan langkah-langkah. Sebagai contoh strategi dalam bajet alternatif adalah untuk memastikan kestabilan pasaran, menjadikan jaringan keselamatan sosial, memastikan harga domestik stabil dan meningkatkan daya saing. Pada asasnya ini adalah juga strategi bajet kerajaan Barisan Nasional.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Oleh yang demikian ada ruang untuk kita semua memainkan peranan yang konstruktif untuk menangani krisis ekonomi global.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Mohon penjelasan. Akan tetapi bajet alternatif ini bila dia potong sampai RM24 bilion ada pihak mengatakan ekonomi negara akan menguncup. Jadi sejauh mana kebenaran hujah tersebut jika bajet alternatif ini akan diguna pakai?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Dari segi bajet yang dibentangkan oleh kerajaan merupakan bajet *expansionary* berbanding dengan defisit misalan pada asal adalah diunjurkan pada tahap 3.6% tetapi dalam keadaan sekarang kita bersedia untuk meningkatkan defisit ke 4.8%. Dalam bajet pembangkang defisit adalah dikurangkan ke tahap 3% jadi dari segi ini memang bajet yang dicadangkan oleh kerajaan adalah lebih *expansionary* berbanding dengan bajet Pakatan Rakyat. Sesungguhnya kita telah berjaya mengatasi segala krisis pada masa yang lalu dengan semangat bersatu padu dan kerjasama yang erat. Dalam menghadapi kemelut krisis ekonomi global adalah wajar semua pihak di Malaysia memainkan peranan yang *constructive* bagi memastikan negara terus maju dan memelihara kemakmuran yang tercapai sehingga ini.

Dalam konteks ini kerajaan mengalu-alukan cadangan yang membina daripada semua pihak. Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Bagan, ingin saya memberi jaminan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak akan menganaktirikan mana-mana negeri di bawah Pakatan Rakyat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berulang kali menyatakan bahawa beliau merupakan Perdana Menteri untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, tanpa mengira negeri. Berhubung dengan isu di mana Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (CVLB) tidak meluluskan bas tambahan oleh Rapid Penang. Sukacita dimaklumkan bahawa saya telah berbincang perkara ini dengan Yang

Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan beliau telah bersetuju supaya perkhidmatan bas diperluaskan ke Seberang Prai. Jadi isu itu telah selesai.

Ingin juga saya memberi komitmen Kerajaan Persekutuan bahawa isu pengangkutan awam terutamanya di bandar-bandar utama termasuk Klang Valley, Pulau Pinang dan Johor kekal sebagai satu keutamaan Kerajaan Persekutuan. Langkah yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan bagi membelanjakan RM500 juta tambahan akan membantu ke arah menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam supaya lebih cekap, supaya lebih *reliable*, dengan izin. Di Selangor pula Kerajaan Persekutuan akan mendapatkan pandangan semua pihak dalam merangka pelan penambahan sistem pengangkutan awam di Lembah Klang. Isu ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Berhubung dengan...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bagaimana tentang sistem pengangkutan awam di Sarawak? Ada apa-apa cadangan kerajaan pusat untuk menaik taraf sistem pengangkutan di Sarawak?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching tentang soalan tadi. Memang dalam mewujudkan sistem koridor untuk Sabah dan juga Sarawak satu aspek yang diberi penekanan dan tumpuan khusus ialah pengangkutan. Kerajaan akan memastikan bahawa sistem pengangkutan di Sarawak dan juga Sabah khususnya sistem jalan di kawasan-kawasan pinggir bandar dan desa diberi keutamaan. Berhubung dengan peranan PERDA yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, kerajaan akan memastikan bahawa PERDA kekal memainkan peranan...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ipoh Barat bangun Yang Berhormat, hendak bagi?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih, sedikit. Yang Berhormat Menteri, terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Tahun dahulu saya lagi ingat Perdana Menteri telah mengatakan bahawa *we will save* RM4 bilion dengan kenaikan harga petrol dan ia akan disalurkan kepada pembangunan infrastruktur *transport system*. Apa terjadi kepada perkara tersebut?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Pengerusi, peruntukan yang diberi yang dikhaskan, yang diperuntukkan untuk pengangkutan adalah lebih banyak dari RM4 bilion itu. Selalu juga ahli dari Pakatan Rakyat sebut tentang RM4 bilion tetapi jumlah yang diperuntukkan untuk pengangkutan negara kita besar, jauh lebih besar dari RM4 bilion itu. Isu tentang PERDA Tuan Pengerusi, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, PERDA kekal memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan Pulau Pinang. Sebenarnya Kementerian Kewangan bersedia untuk menyediakan peruntukan yang lebih kepada PERDA untuk memastikan lagi program pembangunan di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun saya

difahamkan oleh PERDA bahawa beberapa rancangan pembangunan yang telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih belum dibincangkan dalam Exco negeri Pulau Pinang, pelan dan cadangan yang dikemukakan oleh PERDA.

■1150

Dalam perkara ini saya minta Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Bagan untuk mempercepatkan proses kelulusan bagi cadangan pembangunan yang dikemukakan oleh PERDA kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Saya juga yakin dengan kerjasama kerajaan negeri, segala perancangan kerajaan persekutuan bersabit dengan Pembangunan Koridor Utara akan dapat dilaksanakan dengan lancar. Saya juga...

**Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Minta penjelasan

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Mana satu Yang Berhormat, Seputeh ataupun Bayan Baru?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Bayan Baru.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Seputeh duduk dulu.

**Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, dengan Tuan Pengerusi. Menyentuh tentang PERDA punya perbelanjaan tadi, kerajaan kata nak tambah dan ingin lihat PERDA perbelanjaannya tambah di Pulau Pinang, tapi ikut bajet tahun sudah, kurang 10 juta. Saya juga ingin memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri, kadang-kadang perasaan pegawai-pegawai ataupun *political leaders* di Pulau Pinang bagi pihak Barisan Nasional sebab PERDA di bawah Kerajaan Pusat dan kadang-kadang tu mereka anggap kerajaan negeri ini macam musuh dan nak buat perbincangan pun kadang-kadang bukan senang.

Jadi saya minta peranan menteri sendiri kalau boleh tolong jadi sebagai bapa dalam isu kewangan ini untuk menentukan bahawa pegawai-pegawai dan ahli-ahli politik yang terlibat di Barisan Nasional dalam PERDA dan Uda dan sebagainya bekerjasama dengan kerajaan Pakatan Rakyat. Kami kerajaan negeri saya percaya dan saya telah bincang dengan ketua menteri pun tidak ada masalah, kita mahu pembangunan berlaku di Pulau Pinang tetapi Kerajaan Pusat mestilah ikhlas dalam implementasinya

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Pengerusi saya berpendapat cadangan yang itu adalah satu cadangan yang baik, memang Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan ikhlas dalam tujuan dan berhasrat untuk membangunkan Pulau Pinang dan memang ada ruang untuk kita bekerjasama.

Dalam isu ini juga saya ingin memaklumkan bahawa Pelaburan Hartanah Bumiputera Berhad (PHBB) sedang giat melabur di Pulau Pinang, tanah seluas 100 ekar telah diperoleh oleh PHBB dengan kos 125 juta untuk dibangunkan.

Yang Berhormat Bagan juga telah membangkitkan isu mengenai keperluan melatih semula pekerja yang mungkin kehilangan kerja berikutan persekitaran ekonomi yang lembap, khususnya industri elektronik di Pulau Pinang yang bergantung kepada pasaran eksport. Dalam menghadapi cabaran pergolakan ekonomi global, di antara isu utama untuk mengekalkan keyakinan ekonomi adalah menangani pengangguran sebelum ianya berleluasa.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dalam ucapannya telah mengumumkan dana sebanyak RM300 juta bagi program latihan kemahiran ke arah memenuhi keperluan majikan dan industri. Agihan dana ini akan diselaraskan dengan pihak berkuasa Koridor Pertumbuhan serta pusat pembangunan kemahiran negeri sudah tentunya Pulau Pinang serta PSDC akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan program ini...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Padang Serai bangun, Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat menteri, agihan dana ini adakah juga akan diambil kira janji kerajaan terhadap kenaikan ekuiti ekonomi masyarakat India, di mana janji ini telah lama dikatakan tetapi belum dikotakan. Semalam Timbalan Perdana Menteri mengatakan, saya baca dalam surat khabar hari ini, "*I've got good news for the Indians Community*", jika benar ada berita baik daripada kerajaan, saya juga menyarankan agar tidak disalurkan melalui Dato' Seri S. Samy Vellu ataupun konco-konconya mereka. Ini kerana telah lama berlaku di mana segala peruntukan yang seharusnya sampai kepada masyarakat India, tidak sampai, dan masyarakat India memang tertinggal macam itu saja.

Terima kasih dan saya harap perkara ini akan dipandang serius sebab Perdana Menteri pun sudah pun bertukar dan kini nampak gaya Perdana Menteri ketiga akan datang.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Tuan Pengerusi, jumlah RM300 juta ini adalah satu tabung latihan untuk semua kaum, Melayu, Cina India, Iban, Kadazan dan saya mengesahkan di sini bahawa jumlah RM300 juta ini yang akan diberi untuk latihan semua komuniti tidak akan disalurkan melalui Samy Vellu... [*Dewan ketawa*] [*Tepuk*] Saya mengucapkan terima kasih kepada ...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Penjelasan. Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai satu langkah yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam *economic stimulus* RM7 bilion minggu lalu, tapi inilah kita menghadapi dan yang dinyatakan oleh Tuan Pengerusi dalam satu *ruling* bahawa sebenarnya *the RM7 billion economic stimulus* tidak dalam Bajet 2009. Bagaimana kita boleh bincang dan bahas perkara ini selain daripada inilah sebenarnya bukan *maybe* tetapi benar menjadi satu rancangan tambahan.

Sebenarnya *stimulus plan* Yang Berhormat Menteri tentu setuju, boleh berjaya kalau ia dilaksanakan cepat, bukan *maybe, as if*, kalau boleh berlaku dan bukannya ini satu soalan besar

sekarang, bahawa bagaimana RM7 billion *economic stimulus* sebenarnya bolehlah di *incorporate* dalam Bajet 2009. Oleh kerana setiap ringgit pun boleh perlu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan oleh kerana sampai hari ini RM7 bilion *economic stimulus* tidak di hadapan Dewan yang mulia ini.

Inilah satu keadaan yang sangat aneh bukankah ini akhirnya RM7 bilion *economic stimulus* perlu datang ke Parlimen ini untuk dapat kelulusan, *all breakdown* mungkin dalam satu *supplementary estimated*. Bukankah ini menunjukkan bahawa ada satu *breakdown* satu kegagalan dalam *economic planning*, bukankah lebih baik bahawa kerajaan mengakui ada buat satu kesilapan, ada satu pindaan supaya RM7 billion *economic stimulus* ini menjadi satu bahagian Bajet 2009, kenapa enggan buat begitu?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Pengerusi, isu ini telah dibangkitkan beberapa kali dan saya akan menjawab isu ini kemudian sebab isu ini tidak akan habis, saya janji akan jawab isu ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Marang yang telah membangkitkan isu tentang sistem kewangan Islam. Saya bersetuju sepenuhnya dengan Yang Berhormat bahawa di atas keruntuhan sistem kewangan kapitalisme ala Anglo-Saxon yang kini berlaku. Kita bina sistem kewangan Islam yang merupakan satu sistem yang lebih adik, lebih saksama. Kerajaan akan mengambil inisiatif untuk memperluaskan lagi bidang dan skop kewangan Islam dan kerajaan sedia menerima cadangan daripada Yang Berhormat Marang dalam perkara ini.

Sebenarnya sistem kewangan Islam kini mendapat sambutan bukan sahaja daripada masyarakat Islam, tetapi juga dari masyarakat bukan Islam, kerana sistem kewangan Islam berasaskan kepada aset dan tidak merupakan satu sistem yang menggalakkan struktur produk yang kompleks, dengan izin, *multiple leveraging*.

Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Machang, Ipoh Timur telah membangkitkan isu berkenaan ValueCap.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya adakah kerajaan bersedia untuk memberi kebenaran kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk melaksanakan sistem kewangan Islam supaya membolehkan kerajaan negeri juga menunjukkan contoh-contoh setempat kepada rakyat masing-masing betapa keberkesanan sistem ini untuk menangani masalah kemiskinan rakyat.

■ 1200

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Pengerusi, Kerajaan Persekutuan sebenarnya tidak ada halangan dalam menggalakkan semua pihak termasuk kerajaan negeri untuk mewujudkan sistem perbankan Islam. Kerajaan Persekutuan pun telah mengambil beberapa langkah - banyak juga langkah dan pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Pusat sejak 25 tahun yang lalu dengan mewujudkan pada peringkat permulaannya hanya sebuah bank Islam pada

tahun 1983. Sehingga sekarang kita sudah mewujudkan satu sistem perbankan Islam yang di dalamnya kita dapat bukan sahaja sistem perbankan tetapi juga sistem Takaful, Sukuk, Ar-Rahnu, konsep yang bermacam-macam seperti Mudarabah, Musyarakah, Ar-Rahnu dan Al-Ijarah.

Setakat kerajaan negeri berusaha untuk mempertingkatkan sistem perbankan Islam dan sistem kewangan Islam, khasnya dalam keadaan sekarang di mana banyak pihak sudah mula menyoalkan tentang kelebihan sistem kapitalisme ala Anglo-Saxon, Kerajaan Persekutuan mengalu-alukan tindakan ini...

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Penjelasan.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dia bagi saya dulu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Dalam aspek sistem kewangan Islam Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, Kerajaan Negeri Kelantan telah membuat pelbagai inisiatif untuk memperkenalkan Dinar Emas sebagai alternatif kepada sistem kewangan dalam negara kita, dalam aspek ekonomi global, perkembangan *financial crisis* yang ada dalam dunia pada hari ini.

Jadi, adakah Yang Berhormat bersedia ataupun akan memberikan insentif atau galakan supaya satu hari nanti sistem ini insya-Allah dapat dibuktikan kebaikannya dan juga ia boleh diterima pakai atau *applicable*, dalam sistem ekonomi bukan sahaja dalam negara kita tetapi juga dalam negara-negara Islam yang begitu luas *framework* nya seperti OIC dan seumpamanya. Adakah kerajaan bersedia untuk mengambil langkah-langkah proaktif ke arah merealisasikan sistem kewangan Islam ini dalam bentuk memperkenalkan Dinar Emas ini. Itu kalau boleh saya minta penjelasannya. Terima kasih.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Boleh jawab sekali, ya? Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa Dewan dan rakyat semua sangat gembira mendengar pengakuan bahawa sistem Islam dalam kewangan ini lebih adil dan mantap daripada sistem konvensional. Saya hendak tambah, di dalam urusan pinjaman perumahan Kerajaan Negeri Kelantan telah mendahului dengan tidak mengambil apa-apa *service charge* kepada kakitangannya yang meminjam pinjaman rumah, pinjaman kenderaan dan juga pinjaman-pinjaman lain. Adakah Kerajaan Pusat yang banyak peluang ini tidak boleh menimbangkan supaya kakitangan ini tidak dikenakan apa-apa *service charge* kerana pekerja-pekerja tersebut bukan diambil sebagai pekerja ataupun pegawai luar tetapi di *attach* daripada pegawai yang lama. Adakah kerajaan boleh menimbangkan perkara ini?

Kedua, saya hendak tambah kepada masalah Dinar Emas tadi. Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir telah memperkenalkan perkara ini. Adakah Bank Negara mengambil inisiatif yang proaktif, yang komprehensif untuk menjadikan dinar ini sebagai satu sandaran kepada mata wang di antara negara-negara OIC dan Malaysia?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri, berapa lama anggaran bagi menggulung ini?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Satu jam. Kalau boleh minta dua jam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dua jam? Kita sudah kebelakangan dua hari. Silakan, Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Silakan, Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya minta laluan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya jawab soalan ini dahulu.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Ia sama, ada sangkut paut. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Mengenai sistem perbankan Islam ini saya melihat memang premis-premis perniagaan perbankan ini wujud di banyak tempat. Namun apa yang saya khuatir ialah perniagaan ini tidak sampai kepada masyarakat luar bandar khususnya kerana premis-premis perniagaan perbankan Islam kebanyakannya di kawasan bandar-bandar dan pekan-pekan. Kemungkinan masyarakat luar bandar yang duduk dalam 10 hingga 20 kilometer daripada bandar dan pekan langsung tidak dapat menikmati perkhidmatan ini. Saya menyarankan agar kalau dapat, untuk memudahkan perkhidmatan perbankan ini supaya ada bank bergerak yang lebih supaya masyarakat dapat menikmati faedah sistem perbankan Islam ini.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan Yang Berhormat Padang Serai. Bidang kuasa untuk mata wang dalam Perlembagaan kita terletak di bawah Kerajaan Pusat khasnya Bank Negara. Jadi, dari segi Perlembagaan, kuasa untuk melaksanakan mengambil tindakan terhadap mata wang adalah di bawah Kerajaan Pusat dan bukannya kerajaan negeri.

Berhubung dengan Dinar Emas, mungkin elok juga saya memberikan sedikit penjelasan. Apa yang dicadangkan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir pada suatu masa dahulu ialah mewujudkan sistem Dinar Emas secara *virtual* bukan secara fizikal, tidak wujud satu benda yang kita boleh pegang misalnya yang dinamakan Dinar Emas. Konsep Tun Dr. Mahathir ialah untuk mewujudkan satu sistem Dinar Emas secara *virtual* mungkin pada peringkat awal dan konsep Dinar Emas ialah berdasarkan kepada perdagangan antarabangsa.

Pada masa sekarang, apabila sesebuah negara berurusan dengan sesebuah negara lain, apabila kita import, kita kena bayar. Katakan kita import RM100 juta, kita bayar kepada pengeksport RM100 juta. Pengeksport pula beli barang daripada kita dan dia juga mungkin perlu membayar RM150 juta. Jadi, *cash flow* dari segi jumlah pengaliran wang ialah RM250 sebab kita bayar RM100 juta, dia bayar RM150, jumlahnya RM250. Kita juga lihat bahawa banyak negara Islam misalnya tidak dapat meningkatkan perdagangan sebab tidak cukup *reserve*; *reserve* kita kurang. Kita juga lihat bahawa perdagangan dalam negara-negara OIC lebih tertumpu pada

negara-negara Barat berbanding dengan negara-negara OIC itu sendiri. Mengikut statistik hanya 8% - tidak sampai 10% pun, daripada perdagangan 57 negara OIC dilakukan di antara negara-negara OIC. Ia kurang daripada 10%. Lebih daripada 90% ialah perdagangan antara negara-negara OIC dengan negara-negara Barat. Jadi konsep Dinar Emas yang diwujudkan tadi ialah untuk mempertingkatkan perdagangan di antara negara-negara Islam dan juga negara-negara *South-South Cooperation*, negara-negara membangun...

**Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]:** Penjelasan, Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Boleh saya habiskan sikit? Jadi, cara yang difikirkan ialah kita mewujudkan satu mata wang *virtual* yang dinamakan Dinar Emas. Apabila sebuah negara Islam ataupun sesebuah negara membangun mengeksport atau mengimport dengan sebuah negara lain, kita ambil misalannya tadi RM100 juta eksport dan RM150 juta import. Kita tidak perlu membayar RM100 juta dan menerima RM150 juta. Kita *offset* sebab kita bayar RM100 juta dia bayar kepada kita RM150 juta. Jadi, dia bayar RM50 juta sahaja, yang RM100 kita *offset*.

■1210

Jadi aliran dalam perdagangan yang berjumlah 250, aliran wang bukan 250 hanya 50, sebab 100 itu kita *offset*, yang baki 50 dia bayar dekat kita. 50 yang dia perlu bayar dekat kita, kita elak menggunakan Dolar Amerika (USD). 75% dari perdagangan di dunia menggunakan USD. Kita elak USD dan kita gunakan emas. Emas ini mungkin kita ada satu sistem untuk *transfer* emas untuk tiga bulan ataupun enam bulan melalui bank-bank pusat di negara-negara tertentu ataupun buat satu formula untuk membayar dengan mata wang euro atau yen ataupun ringgit berasaskan kepada harga emas.

Konsep itu kompleks, tetapi pada asasnya ialah mewujudkan satu sistem *virtual* berasaskan kepada emas untuk mempertingkatkan perdagangan di antara negara-negara Islam. Jadi saya fikir ini adalah satu pendekatan yang baik supaya kita mewujudkan satu sistem yang dapat menggerakkan perdagangan. Kalau boleh kemudian di atas kejayaan pencapaian sistem itu, kita fikir tentang sistem dinar emas di dalam negara. Terima kasih. Yang Berhormat Bachok.

**Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sehubungan dengan apa yang telah diperjelaskan tadi, saya ingin mendapat penjelasan. Saya rasa kita boleh berbangga menyebut bahawa Malaysia kalau pun tidak pionir tetapi kita adalah negara yang mempopularkan *Islamic banking system* ataupun *Islamic financial system*.

Cuma sekarang ini dari segi kompetitifnya kita melihat bahawa ada sebuah negara jiran di sebelah selatan saya rasa juga sedang menuju ke arah menjadi *Islamic financial hub* yang agak popular kerana disebabkan oleh mungkin *banking infrastructure* yang mungkin jauh lebih *advance* daripada kita. Sehubungan dengan itu saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang telah kita ambil untuk memastikan bahawa kita yang menjadi pusat kepada *Islamic financial hub* ini sama ada *financial* ataupun *banking*.

Yang keduanya adalah pada satu ketika dahulu kita ada mendengar beberapa lesen telah diberikan kepada beberapa buah bank di Timur Tengah untuk beroperasi di Malaysia. Cuma sekarang ini kita lihat di pasaran yang popular dan banyaknya hanyalah kalau tidak silap saya adalah dua iaitu Kuwait Finance House dan juga Al-Rajhi Bank. Apa jadi dengan lesen-lesen lain yang telah diberikan? Apakah lesen telah diberi dan mereka tidak datang? Kalau mereka tidak datang, apakah sebab perkara itu berlaku?

Ini sebagai satu usaha untuk kita mempertingkatkan ekonomik aktiviti di kalangan negara-negara OIC. Adakah antara sebabnya tidak minatnya mereka ini kerana kita banyak mungkin prosedur, kita banyak mungkin peraturan-peraturan dan tidak menarik insentif yang mungkin kita tawarkan kepada mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya sambungkan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau boleh saya lanjutkan sedikit Yang Berhormat Menteri. Kalau pun Yang Berhormat Menteri mengakui akan kelebihan sistem kewangan dan perbankan Islam tadi, tetapi di sana di dalam *Islamic banking* dan *conventional banking* ada satu *convergence* di mana persoalan *money* itu masih terlekat di dalam sistem apa yang dipanggil sebagai *fiat money*. Ini yang merupakan kalau mengikut pandangan Tun - Mantan Perdana Menteri dan saya menyetujuinya sejak sekian lama kerana itu adalah *Islamic* saya kira. Inilah yang merupakan kunci *the crime of the entire financial architecture of the global finance system*.

Sejauh manakah komitmen kita Yang Berhormat Menteri supaya menjadi peneraju, perintis dalam menukar sistem ini kepada satu yang bersifat apa yang dikatakan sama ada *gold* ataupun *silver*, ia satu yang bersifat kembali kepada *the gold standard*, Bretton Wood tahun 74 dahulu. Kalaulah kita kembali kepada itu, maka kita akan dapat mengelakkan apa yang dikatakan sebagai *over-leveraging of this crisis of the sub-primer* dan segala-galanya yang semuanya adalah merupakan kerana ia adalah berasaskan *debt based financing*. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Maslan [Pontian]:** Mohon ada kaitan dengan sistem kewangan Islam. Terima kasih Tuan Pengerusi. Disebutkan bahawa sebahagian aset pasaran modal di Malaysia adalah berteraskan prinsip syariah dan ini menyebabkan tahap hutang dan pengurusan kewangan kita yang berhema dijadikan sebagai salah satu sebab kenapa punca sistem kewangan kita tetap kukuh dibandingkan dengan negara-negara yang tidak mengamalkan prinsip kewangan Islam.

Adakah Malaysia bercadang untuk mengeksport kepakaran sistem perbankan Islam ini ke negara-negara OIC dan juga Timur Tengah khususnya dan apakah langkah-langkah yang telah kita laksanakan untuk mengeksport kepakaran itu? Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Kuala Selangor dan Yang Berhormat Pontian atas soalan-soalan dan komen-komen ulasan tadi. Berhubung dengan peranan Singapura, dari satu aspek kita rasa gembira sebab kita pada 25 tahun dahulu telah membangkitkan,

mewujudkan sistem perbankan Islam dan pada masa itu tidak ada negara yang berani. Negara-negara Barat tidak berani, memang tidak berminat pun dan negara-negara Arab pun tidak berani.

Akan tetapi kini banyak pihak sudah menerima sistem perbankan Islam. Itu satu yang patut dibanggakan oleh semua, khasnya orang-orang Islam. Kalau Singapura ingin maju dalam sistem perbankan Islam, itu tidak menjadi satu isu yang besar kepada kita. Akan tetapi pada masa yang sama dari segi *national interest* Malaysia, kita kini mempunyai *pool position* dalam sistem perbankan Islam dan kita harus mempertahankan kedudukan kita.

Setakat ini Singapura hanya maju dalam satu aspek perbankan Islam iaitu *wealth management*. Satu sektor sahaja dalam begitu banyak sektor perbankan Islam, *wealth management* Singapura memang maju. Akan tetapi dalam aspek-aspek lain seperti pengeluaran suku *retail banking* dan banyak takaful dan juga *investment banking*, kita lebih maju.

Akan tetapi, kita harus memastikan bahawa kita tidak mempunyai satu perasaan *complacency* atau angkuh dalam perkara ini dan harus mengambil tindakan untuk sentiasa maju dan memperluaskan bidang kita. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pontian, kita juga telah mengambil langkah-langkah untuk eksport kita punya *expertise* ke negara-negara lain untuk bantu mereka. Banyak negara-negara Arab telah hantar rombongan untuk mempelajari selok-belok tentang perbankan Islam daripada kita dan kita sedia memberi bantuan. Kita...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** *Sorry, okey.*

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Okey, oleh sebab adanya persaingan tersebut dan kita mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa, apakah kita merancang produk-produk baru sebenarnya? Maksud saya apakah sekarang ini sudah difikirkan produk-produk baru? Saya masih teringat ada yang mencadangkan supaya kita mewujudkan apa yang dipanggil *hedge fund Islam*, *rate Islam* dan sebagainya. Saya terbaca baru-baru ini ada cadangan supaya diwujudkan Bursa Saham Islam di Malaysia oleh bekas seorang yang pernah menerajui BSKL kita. Jadi apakah ini sebenarnya boleh dilaksanakan, contohnya seperti Bursa Saham Islam itu? Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Isu tadi tentang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tentang *fiat money* yang menjadi asas kepada sistem kewangan dunia pada masa ini. Dari dahulu kita dalam melaksanakan sistem perbankan Islam, kita sedar mengambil satu pendekatan iaitu kita ingin membangunkan dan mewujudkan sistem perbankan Islam setapak demi setapak.

#### ■1220

Dan bukan apa yang dipanggil melalui prinsip dengan izin, *Samson in the temple*. Prinsip *Samson in the temple* wujud dari sejarah mitologi zaman Greek dahulu kala, di mana Samson masuk ke kuil pada masa dahulu dan ingin menukar sistem di kuil itu dan beliau tarik tiap-tiap tiang dalam kuil itu dan meruntuhkan tiang. Memang dia boleh sebab dia seorang yang

kuat, rambut dia kuat dan dia dapat berbuat demikian. *Samson in the temple*, tetapi akhirnya dia sendiri meninggal, mati sebab atas keruntuhan tiang-tiang itu.

Jadi kita ingin mengambil satu pendekatan yang lain iaitu membina sistem perbankan setapak demi setapak dan kita telah mencapai satu tahap yang boleh dibanggakan juga dan kemudian khasnya dalam suasana sekarang di mana banyak persoalan telah timbul tentang sistem kapitalisme Anglo-Saxon ini, kita ada ruang untuk memajukan lagi sistem perbankan Islam untuk ke tahap *fiat money*, insya-Allah.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat Batu Pahat tentang produk-produk baru, memang Bank Negara dan Securities Commission senantiasa mewujudkan sistem-sistem baru...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Kepong juga minat perbankan Islam ini, Yang Berhormat.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Sekejap. Saya habis jawab soalan ini dahulu. Dalam mewujudkan sistem bursa saham Islam, kita pada peringkat awal memikirkan sama ada kita hendak wujudkan satu sistem bursa saham Islam yang berasingan ataupun menggunakan sistem yang ada untuk mewujudkan satu subsistem ekuiti Islam dalam bursa yang ada. Kita fikir pada masa itu, dan saya berpendapat keputusan yang diambil adalah satu keputusan yang baik bahawa adalah lebih senang, lebih selesa untuk mewujudkan satu sistem ekuiti Islam dalam bursa yang wujud.

Jadi kita fikir pada masa itu cara untuk berbuat demikian. Jadi kita melihat *list* syarikat-syarikat yang boleh dianggap sebagai syarikat-syarikat yang mematuhi syariah. Kita juga mewujudkan satu *sub-list* dan hampir 70% daripada syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam bursa pada hari ini adalah syarikat-syarikat yang dianggap sebagai syarikat-syarikat yang *compliance* dengan prinsip-prinsip syariah. Dalam berbuat demikian, kita keluarkan syarikat-syarikat yang terlibat dengan judi, dengan alkohol, dengan perkara-perkara yang dilarang oleh Islam. Jadi kita wujudkan satu *list* yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, khasnya Majlis Syariah Suruhanjaya Sekuriti yang keluarkan *list* ini.

Dan untuk memastikan bahawa broker-broker juga menguruskan perdagangan jual beli dalam ekuiti ini secara berasingan supaya terdapat satu aliran tunai yang berasingan, kita mewujudkan satu sistem ekuiti Islam dalam syarikat-syarikat broker dan kita juga mewujudkan unit-unit *trust* secara Islam.

Jadi sudah wujud satu sistem bursa Islam dalam Bursa Malaysia itu sendiri. Seperti saya kata tadi, kalau perlu, kemudian kita boleh fikirkan satu sistem yang lain tetapi pada masa ini sudah ada sistem ekuiti Islam dalam bursa saham.

Tuan Pengerusi...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ya, *sorry, sorry*. Kepong.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya juga, Tuan Pengerusi.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya berharap sistem perbankan Islam dapat dijayakan dan jangan kita bagi negara-negara lain mengambil alih peranannya sebagai perbankan yang utama di dunia ini. Walau bagaimanapun, saya setuju bahawa kita perlu perubahan di dalam sistem kewangan dunia. Satu reformasi yang perlu. Mungkin ini kita mesti mempertimbangkan bagaimana sistem perbankan Islam boleh membantu, saya pun tidak tahu bagaimana ia boleh membantu.

Walaupun di Malaysia misalnya, dengan tsunami kewangan global ini, apakah yang lebih penting untuk mempertahankan kita daripada kesan-kesan dan impak tsunami ini, apakah yang lebih perlu diutamakan? Termasuklah Majlis Ekonomi, semalam kita nampak ada mesyuarat dan sebagainya, apakah yang dianggap oleh Yang Berhormat sebagai langkah-langkah yang utama bagi menghadapi krisis semasa ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Bagi dua sekali. Yang Berhormat.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ya.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak respons kepada jawapan tadi terhadap soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor. Nombor satu saya hendak betulkanlah bahawa sebenarnya kisah Samson ini bukan Greek mitologi tetapi ianya adalah daripada *Old Testament* dan itu adalah daripada kitab Taurat yang lama. Kejatuhan Samson adalah disebabkan oleh Delilah dan itulah yang menyebabkan akhirnya dia dapat dikalahkan.

Namun demikian persoalan yang penting ialah soal sekiranya kita tidak mahu *Samson in the temple*, di mana perubahan itu dilakukan dengan secara yang, *I assume* lah apa yang dimaksudkan ialah ingin membawa satu perubahan yang terlalu drastik dan menyeluruh, dengan begitu mengejut, maka kalau kita sudah memahami dan kita bersetuju bahawa dasar kewangan yang tidak berasaskan kepada satu asas yang kukuh seperti mana meletakkan emas yang seperti mana pada asalnya, maka apakah perancangan dan cara yang selain daripada cara yang *Samson in the temple* ini yang sedang difikirkan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk menentukan bahawa akhirnya sistem kewangan itu boleh diletakkan atas satu dasar yang lebih kukuh iaitu dengan mengembalikan sistem emas sebagai asas kepada wang kertas yang digunakan sekarang ini. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Pengerusi, Kerajaan Barisan Nasional telah sebenarnya mewujudkan sistem perbankan Islam di Malaysia sejak tahun 1983 sehingga sekarang, dan untuk masa depan dan tahun-tahun mendatang, sudah ada banyak rancangan termasuk satu konsep MIIC, *Malaysian International Islamic Concept* untuk memberi kemudahan kepada mereka yang pakar dalam *Islamic banking* dari luar negara untuk mengurus niaga di sini

dan juga untuk memberi kelonggaran kepada syarikat-syarikat yang berasaskan kepada Islam untuk mengurus niaga dan banyak lagi rancangan wujud dalam perkara ini.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat Kepong tadi tentang isu yang penting pada masa sekarang. Isu yang penting dalam suasana ekonomi yang gawat di seluruh dunia, bagi kita ialah untuk memastikan yang pertama, dengan izin, *the credit flows*, aliran wang dalam ekonomi kekal sebab dengan izin, *credit is the oil that oils economy*. Itu penting.

■ 1230

Untuk itu kita telah meminta bank-bank untuk terus memberi pinjaman dan kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah untuk memudahkan pinjaman seperti dalam pinjaman perumahan dan lain-lain dan kita juga minta bank-bank untuk *restructure* pinjaman khususnya bagi perumahan dan itu penting.

Yang kedua penting ialah untuk memastikan bahawa kadar pengangguran tidak meningkat. Kita harus memastikan bahawa rakyat Malaysia yang keluar dari universiti yang keluar dari kolej yang ingin bekerja, dapat kerja. Ini yang penting sekali sebab sekiranya mereka yang memerlukan wang pinjaman, tidak dapat pinjaman dan mereka yang memerlukan kerja, tidak dapat kerja kita akan menghadapi masalah.

Untuk kedua-dua ini wujud, satu perkara yang begitu penting Tuan Pengerusi ialah *confidence*, keyakinan sebab banyak kemelesetan berlaku kerana pelabur dalam sesebuah negara itu kehilangan keyakinan dan kalau kita kehilangan keyakinan atas diri kita sendiri dan pihak luar kehilangan keyakinan atas diri kita dan kita pula tidak memberi pinjaman, kita tidak dapat wujudkan pekerjaan untuk rakyat kita. Memang kita akan menghadapi satu masa yang susah, itu yang penting sekali. Banyak usaha yang di ambil oleh kerajaan pada masa ini ialah untuk memastikan bahawa negara kita yakin dan orang lain yakin kepada kita dan juga sistem kredit masih kekal dan pekerjaan diwujudkan dengan bilangan yang mencukupi. Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Machang.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Berkaitan dengan soal pastikan kadar pengangguran tidak meningkat, saya ingin mendapat sedikit penjelasan tentang ada perkembangan sekarang ini, syarikat-syarikat swasta yang ada di negara kita ini bila berhadapan dengan krisis kewangan ini antaranya saya katakan syarikat konsultan untuk arkitek dan sebagainya sudah pun mula merangka pelan tindakan mereka yang akan bermula pada Januari ini untuk mengurangkan, bukan mereka hendak mengurangkan kerana mereka tidak sampai hati untuk buang pekerja tetapi mereka ambil langkah untuk mengurangkan bayaran gaji kepada pekerja-pekerja dengan mengurangkan jumlah hari bekerja kepada pekerja-pekerja. Walaupun kita nampak bahawa jumlah hari bekerja itu dikurangkan seolah-olah macam munasabah untuk mereka mengurangkan gaji tetapi sudah tentulah pendapatan pekerja-pekerja ini akan berkurangan.

Akan tetapi mereka ada alasan bahawa dua hari tiga hari tidak bekerja itu, pekerja mereka boleh mencari sumber pendapatan pada sumber-sumber yang lain. Akan tetapi sudah tentulah bahawa dalam keadaan suasana krisis kewangan dan krisis ekonomi dunia dan juga akan memberi kesan pada negara kita ini sukar untuk pekerja-pekerja ini untuk cari makan. Ini sudah sememangnya berlaku dan antaranya ialah di Penang, akibat daripada kata mereka bahawa antaranya mungkin kerana kata mereka *payment* daripada kerajaan itu lambat, *slow*.

Mereka beritahu bahawa *payment* itu juga ada kaitan kerana dengan masalah kewangan kerajaan itu sendiri, ini Kerajaan Pusat punya projek-projek yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat konsultan ini. Ini masalah yang sedang dihadapi oleh pekerja-pekerja yang mengadu kepada saya. Minta penjelasan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Memang tidak bangkit, tidak timbul isu tentang Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan tidak ada duit untuk bayar bil-bil. Memang kita bayar ikut jadual dan selalu juga isu ini dijadikan alasan untuk melakukan sesuatu oleh pihak swasta. Akan tetapi dalam keadaan seperti sekarang mungkin oleh kerana *order* dari luar negara berkurangan timbul isu di mana pekerja tidak diberhentikan tetapi dikurangkan jumlah hari kerja. Dalam konteks ini jumlah RM300 juta yang kita wujudkan juga termasuk mereka mungkin ada sebahagian yang ingin sambung kerja. Ada sebahagian mungkin fikir bahawa ini mungkin adalah satu ruang, satu peluang untuk mereka meningkatkan kemahiran dan khasnya di Pulau Pinang misalnya. Oleh kerana itu kita mewujudkan satu dana untuk latihan dan mereka ini boleh mengambil peluang untuk beralih mendapat latihan supaya apabila mereka masuk balik kerja dan mereka dapat kerja yang memerlukan kemahiran yang lebih dan sudah tentunya dengan gaji yang lebih.

**Tuan Charles Santiago [Klang]:** Soalan saya ini berkait dengan keyakinan ataupun *confidence building* mengenai ekonomi Malaysia. Dalam dua hingga tiga minggu lalu ini beberapa *rating agencies* termasuk *international fund managers* telah mula *downgrade* Malaysia termasuk *sovereign funds* di Malaysia. *So, this does not speak well for confidence building in the Malaysian economy. So, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi lack of confidence in the Malaysian economy.* Minta penjelasan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat Klang. Soalan ini juga telah ditimbulkan dan dibangkitkan semalam oleh Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Jasin. *Rating* kita sekarang A- , adalah sama dengan *rating* bagi negara China, bagi negara India dan Taiwan. Jadi, sungguhpun dikurangkan diturunkan dari positif ke stabil ini tidak bermakna bahawa *rating* kita telah merudum atau jatuh. Yang kedua, *rating* agensi juga kita kena tanya siapa dia ini *rating* agensi. Banyak isu yang timbul dalam dunia kewangan sekarang adalah akibat dari *rating agency*. Mereka memberi *triple editing* dan mewujudkan satu sistem baru yang diberi nama *Super AAA*. *Super AAA* sudah elok tahap tinggi sekali tetapi wujud satu tahap *Super AAA* untuk produk-produk yang akhirnya menjadi *junk bon*.

Pada masa itu dia diiktiraf sebagai AAA tetapi *junk bond*. Jadi *rating agency* pun kita kena tanya siapa dia ini, dia punya model itu kena kepada tempat dan masa dan model itu adakah *reliable model*. Akan tetapi macam mana pun kita terima juga kalau mereka berpendapat bahawa dalam senario perdagangan yang semakin mencabar di dunia kita menghadapi risiko sedikit dan menurunkan sedikit *rating* kita dan kita akan berusaha untuk pastikan bahawa keyakinan kita dan keyakinan pelabur kekal pada peringkat yang baik.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tadi Yang Berhormat Menteri mula jawab mengenai ValueCap tetapi di *distracted*. Bolehkah balik kepada ValueCap itu.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ya. Okey. Yang Berhormat Ipoh Timur, pinjaman RM5 bilion daripada KWSP kepada ValueCap tidak melibatkan sebarang risiko kepada pencarum KWSP kerana pinjaman ini dijamin 100% oleh Kerajaan Persekutuan. ValueCap akan menggunakan dana tambahan ini untuk melabur dalam syarikat-syarikat yang harga sahamnya rendah namun mempunyai asas serta potensi yang kukuh. Ini merupakan masa yang sesuai Tuan Pengerusi pelaburan ValueCap yang merupakan pelaburan jangka masa panjang. Dalam isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rembau saya ingin mengesahkan bahawa pinjaman ini tidak akan digunakan untuk ValueCap.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Boleh minta laluan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya hendak habiskan ayat saya.

Untuk membayar pinjaman sedia ada, pinjaman sebanyak RM5.1 bilion yang perlu dibayar pada Februari 2009 ini merupakan pinjaman daripada pemegang saham utama ValueCap iaitu Khazanah, KWAP dan PNB. Namun para pemegang saham ini telah bersetuju untuk membiayai semula *refinance* dengan izin pinjaman tersebut. Tambahan lagi setakat ini ValueCap telah mampu membayar balik kesemua faedah pinjaman dalam masa yang ditetapkan dan pada masa yang sama telah mampu membayar dividen kepada pemegang sahamnya.

#### ■1240

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya, penjelasan. Saya ingat lagi masa krisis kewangan 1998, kita mengambil tindakan yang begitu berlainan daripada apa yang diambil di negara lain. Kita dikatakan negara yang tidak akur kepada cara barat laksanakan. Sistem yang kita buat pada 1998 dulu, kita tidak mengizinkan mata wang kita diperdagangkan. Yang paling lantang menentang ialah Yang Berhormat Ipoh Timur dan juga Yang Berhormat Kepong. Mereka membawa segala risalah, tunjuk di dalam sini segala majalah-majalah dunia.

Kemudian George Soros pula sampai hari ini mengaku bahawa apa tindakan yang kita buat itu adalah betul dan hari ini dunia pun mengatakan kita betul. Apa pendapat Yang Berhormat atas tindakan yang melulu, yang langsung tak tahu dan mengetahui hal urusan bagaimana nak menjanakan pertumbuhan ekonomi dan memelihara ekonomi kita.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Tuan Pengerusi.

**Tan Sri Nor Mohamed Yacop:** Saya jawab soalan tadi dulu. Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Kepong sudah insaf sekarang.... *[Ketawa]*

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini balik kepada soal ValueCap tadi di mana Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa KWAP, Khazanah dan juga PNB bersetuju untuk membiayai semula ataupun melanjutkan semula pinjaman yang telah dibuat yang sepatutnya dibayar semula bulan Februari tahun akan datang. Angkanya bukan angka yang kecil, angka yang agak besar RM5 bilion kalau tak silap saya.

Soalan saya, sampai bila pinjaman ini dilanjutkan dan adakah kalau tidak dapat dibayar semula pada KWAP, Khazanah dan PNB, pinjaman ini akan di *write off* ataupun adakah mereka akan tunggu sampai *market capitalization*, nilai saham naik semula untuk mendapatkan modal untuk membayar semula pinjaman ini. Saya sebut perkara ini sebab saya tidak nampak ada satu *exit strategy* melainkan harga saham yang telah dilaburkan oleh ValueCap ini naik. Oleh kerana ini satu jumlah yang agak besar yang melibatkan duit daripada syarikat PNB, Khazanah, KWAP dan sebagainya, ia memberi gambaran seolah-olah ada satu risiko yang besar yang perlu ditanggung oleh ketiga-tiga entiti tersebut. Terima kasih.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, saya nak tambah saja kepada Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tambah semua itu? Ada dua tiga orang berdiri.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Empat, lima. Banyak yang minat. Jadi, menteri kena buat keputusan nak bagi semua sekali ke dulu ataupun macam mana.

**Seorang Ahli:** Semua sekali lah.

**Tan Sri Nor Mohamed Yacop:** Boleh, boleh. Cepat-cepatlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ini macam debat yang baru Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, kalau macam itu saya pun ringkas sajalah. Saya pun ringkas saja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tapi ingat ringkas Yang Berhormat ya kerana enam orang berdiri itu.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ringkas saja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Menteri akan bagi semua peluang.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya agak khuatir bila disebut tadi bahawa apa yang telah dibayar balik adalah hanya dia punya *interest* sahaja. Ini menunjukkan bahawa pinjaman yang telah diberikan kepada ValueCap yang berasal daripada Khazanah dan TNB dan sebagainya seolah-olah dia punya pokoknya langsung tak berkurangan dan tak terjejas, nombor satu.

Nombor dua, soal pinjaman daripada KWSP. Ianya dijamin oleh kerajaan tetapi yang pinjaman ini sekiranya ianya merupakan satu tindakan yang agak tidak bijak dan berisiko tinggi, akhirnya ianya akan kehilangan dan kerugian. Siapa yang akan menjamin pinjaman ataupun bayaran balik daripada kerajaan. Lalu jawapan itu satu jawapan yang tidak memberikan apa-apa keyakinan. Mungkin KWSP kita terselamat tapi akhirnya kerajaan juga yang kena bayar. Maknanya *it's still come from the tax payers money*, dengan izin.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Mana satu yang dulu Yang Berhormat? Atau pun daripada sana bagi semua sekali?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya, oleh kerana tadi saya sebut...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ha okey, Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Yang Berhormat Gombak bangun tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya Yang Berhormat Ipoh Timur, sila.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Gombak? Okey.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Gombak? Okey, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri telah memberi jawapan bahawa pinjaman KWSP ini akan dijamin 100% oleh kerajaan. Soalan tambahan telah pun dibangkitkan oleh teman saya sebentar tadi.

Cuma Yang Berhormat Menteri, perbincangan mengenai ValueCap yang berlangsung dalam sesi ini tertumpu kepada tindakan pinjaman oleh KWSP kepada ValueCap sebanyak RM5 bilion untuk membeli bukan syer baru tetapi untuk membeli *existing shares*. Yang menjadi *concern* kepada ahli-ahli Dewan Rakyat ini ialah pembelian *existing shares* ini tidak ada kesan yang positif, tidak ada impak *on the real economy* dengan izin. Ini kerana kalau kenaikan itu berlaku pun dalam beberapa kaunter saham yang dibeli, ianya hanya bersifat sementara dan

ianya hanya merupakan satu perpindahan *wealth* daripada Valuecap kepada penjual saham yang berkenaan.

Saya nak ajak Yang Berhormat Menteri kita buat sedikit *calculation*. RM5 bilion yang dipinjamkan oleh EPF ini *is equivalent to* lima hingga sepuluh hari urus niaga di Bursa Malaysia. Lebih kurang. Kalau kita tengok pada 31 Oktober 2008, *total market capitalization* di Bursa Malaysia hanya berjumlah RM680 bilion. Ini bermakna RM5 bilion yang dipinjamkan oleh EPF kepada ValueCap *is less than 1%*, kurang daripada 1% *market*. Maka maknanya ia tidak ada apa-apa kesan positif kepada usaha untuk menangani krisis ekonomi pada hari ini. Apa yang dicadangkan oleh rakan-rakan dalam Dewan Rakyat ialah RM5 bilion ini lebih bijaksana kalau kita gunakan untuk *actual fiscal spending* supaya kita dapat menjana aktiviti ekonomi dalam negara kita dan ianya dapat menjerus ke arah usaha untuk menangani krisis yang dihadapi sekarang.

Yang kedua Yang Berhormat Menteri, ada beberapa pandangan yang saya kira perlu diberikan penjelasan kerana Yang Berhormat Batu Pahat khususnya sering kali mendabik dada bahawa Amerika pun buat begitu, China pun buat begitu. Semalam RM586 bilion yang disuntik dalam ekonominya tetapi yang berbeza yang kita bahaskan di sini ialah apa yang berlaku di Amerika Syarikat dan di China, mereka *inject* ke dalam ekonomi. Makna soal infrastrukturnya, soal ekonominya. Jadi dia boleh *stimulate economic growth* dalam negara berkenaan.

*Concern* kita berbeza di sini, RM5 bilion ini bukan kita *inject* dalam ekonomi ataupun infrastruktur. Yang kita *inject* ialah dalam pasaran saham yang juga sekarang sedang menghadapi masalah yang parah. Ini *concern* kita kerana kita tidak mahu tindakan ini akan merugikan. Walaupun ianya jaminan daripada kerajaan tetapi akhirnya pembayar cukai yang akan menanggung kerugian kalau tidak ada tindakan yang positif. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Boleh?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya fikir mungkin isu-isu yang lain yang dibangkitkan sama lebih kurang. Oleh kerana kesuntukan masa...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *Different*, sikit-sikit saja. Dua minit, dua minit cukup. Baik, terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Okey.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tan Sri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak persoalkan tentang keputusan yang dikatakan dibuat oleh EPF/KWSP ini untuk memberikan pinjaman RM5 bilion kepada ValueCap. Persoalannya bagi saya ialah kenapa pihak EPF hanya membuat keputusan berasaskan kepada hanya panel pelaburan sahaja yang kemudian bertanggungjawab terus kepada Kementerian Kewangan. Sedangkan dalam panel pelaburan EPF tidak ada wakil kesatuan sekerja yang sepatunya bertanggungjawab untuk mempertimbangkan sebarang kegunaan wang daripada pekerja-pekerja ini.

■1250

Sedangkan wakil kesatuan hanya berada dalam *board* kepada EPF. *EPF Board* tidak pernah dirujuk oleh panel pelaburan ini tentang cadangan mereka untuk memberikan pinjaman sebanyak RM5 bilion. Dia hanya bertanggungjawab kepada Menteri Kewangan. Ini bagi saya bahawa sesuatu yang tidak wajar. Sepatutnya pertimbangan daripada *board* iaitu ada wakil daripada kesatuan harus diberikan keutamaan. Saya minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Penjelasan.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tambah sedikit.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya, tadi Yang Berhormat Padang Besar ada buat satu kenyataan tetapi dia tidak mahu tunggu, dia lari. Dia tahu dia tidak boleh *stand scrutiny* ini. Oleh kerana masa itu masalah besar ialah KKN, kronisme, nepotisme, dan korupsi dalam pakej-pakej untuk menyelamatkan ekonomi. Kalau kita mahu jawab KKN datanglah dan oleh kerana pengerusi kritik terhadap beliau sebagai Pengerusi PAC dia tidak boleh jawab, dia marah dia lari. Ini tepat mengenai..., *he is failure as a PAC Chairman*. Sampai sekarang dia belum letak jawatan...

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Dia patut letak jawatan sebagai Pengerusi PAC.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** [Menyampuk]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Sampai sekarang, mana laporan *Eurocopter*?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Simpan dalam rumah?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Boleh umum, mana laporan *Eurocopter*? Gagal, cuai, tidak bertanggungjawab, *unaccountable Public Accounts Committee Chairman*. Tidak *accountable Chairman*.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Laporan itu ada dalam helikopter. Helikopter sudah terbang.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kita balik kepada *Value Cap*. Nanti kita jawab di luar pada pukul 1 petang. Kita boleh keluar dan bercakap di hadapan pemberita.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** PAC *Chairman* mahu simpan *Eurocopter* dalam rumah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Di hadapan pemberita you jawab *what has PAC done under you*.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Dia punya bini simpan kot, naik helikopter.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Akan tetapi perkara di sini ialah ValueCap. *Afterwards come out, you answer in front of me, in front of the press what have you done as a PAC Chairman*. ValueCap Sdn. Bhd...

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** [Bangun]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *One o'clock we meet outside.* Dalam ValueCap, kita mahu tanya mengenai KWSP, saya mahu tanya kenapa KWSP tukar pendirian mengenai perkara ini? Bukankah di sini pada tahun 2002, November 2002 apabila masa itu adalah cadangan menubuhkan ValueCap dan ada laporan bahawa wang KWSP akan dilibatkan, ini adalah kenyataan yang dibuat oleh *Deputy Chief Executive Officer Investment Employees Provident Fund* Dr. Roslan Ghaffar yang menafikan kenapa dengan izin sangat pendek, "*The EPF denies reports in today's newspapers November 20<sup>th</sup>, 2002 which associates the operations of ValueCap Sdn. Bhd. with the EPF investments and two other state branch funds. The EPF wishes to clarify that he has not appointed ValueCap Sdn. Bhd to manage the EPF investment fund. The EPF also deny that it's involvement in the KLSE is to show-up the stock market. The EPF Investment are not used to bailing company...*

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Saya faham.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya, lagi satu perenggan. *The EPF Investing companies will sound fundamentals. Long term growth potential and competent management. The EPF is always prudent and professional in its approach when investing members savings. The funds ensure that the investments are safe not expose to high risk and gives reasonable returns to his members for their retirement.* Adakah EPF sekarang ia *uninterested*, supaya untuk bersetuju...

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Biar saya jawab.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Itu hanya mukadimah, *I only open... I'll come in one or two points so that I do not need to stand up again.*

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Sebab kesuntukan masa, banyak soalan Banyak soalan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *One or two points.*

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Banyak soalan lagi *to do justice.* Saya...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya tanya Yang Berhormat Menteri setuju...

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Soalan saya jangan...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** ... Akan memberi keterangan dalam perkara ini. *Answer dahulu. I'm not giving ...*

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Okey, *answer...*

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Biar saya...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya pendekkan. Yang kedua kenapa tidak dapat persetujuan oleh MTUC ada *object.* Apakah pendirian, kenapa perlu ada *konsultasi.*

Kedua, ValueCap, sudah lima tahun, enam tahun apa prestasi. Kenapa tidak mengadakan *transparency* laporan setiap tahun *profit and loss.* *What is the prestasi?* Yang Berhormat Menteri Kewangan semalam dia di luar bersetuju patutlah ada lebih *transparent.* Adakah Yang Berhormat rela mengadakan satu laporan lengkap mengenai prestasi, mengenai

kepercayaan? Bukankah akhirnya masalah keyakinan supaya semua rakyat bolehlah percaya kepada *management governance*. Ya.

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Minta maaf sebab banyak lagi soalan untuk memastikan keadilan kepada semua. Begitu ramai yang telah membangkitkan begitu banyak isu. Saya ingin memberi penjelasan, pertama kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Tentang sama ada EPF telah berubah dasar berhubung dengan ValueCap, tidak. Tidak ada perubahan dalam dasar. Dahulu pun EPF tidak melabur ekuiti dalam ValueCap dan sekarang pun EPF tidak melabur ekuiti dalam ValueCap, sebab apa yang mereka buat pada masa ini, apa yang dilakukan ialah untuk memberi pinjaman. Jadi tidak ada perubahan dasar oleh EPF.

Tidak ada ekuiti yang dipegang yang dimiliki oleh EPF dalam ValueCap, itu satu. Berhubung dengan Yang Berhormat Rembau tentang *exit strategy* mungkin elok juga ValueCap yang telah berjaya dalam *mission* ValueCap, iaitu untuk memastikan untuk membantu dalam *stability*, mewujudkan satu suasana yang stabil dalam pasaran telah berjaya dan telah juga mendapat keuntungan mungkin juga pada tahun-tahun akan datang elok juga difikirkan tentang *exit strategy*. Yang Berhormat Shah Alam telah juga...

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ada hubung kait dengan ValueCap Yang Berhormat? Kita dalam ValueCap. Ini soalan, kalau ada perkara lain kita bangkit masa lain Yang Berhormat.

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Habiskan dahulu tentang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Menteri tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** PAC *out side*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Padang Besar...

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang Pengerusi. Tidak adil kalau saya tidak sentuh juga tetapi hendak tanya Yang Berhormat-Yang Berhormat dahulu. Cara Yang Berhormat Ipoh Timur bangkit dengan kenyataan, dengan dokumen-dokumen, dengan *research* itu, *research* ini itulah caranya dia bawa pada tahun 1998 tetapi selepas itu dia terbukti bahawa dia jahil dalam urusan ekonomi.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Mana ada jahil? Tunjukkan kepada saya, dakwaan yang saya tunjukkan itu betul. Dia mahu huru-hara PAC, perkataan....

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Yang Berhormat Ipoh Timur jagalah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ini Yang Berhormat Ipoh Timur, sudahlah.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Padang Besar, Yang Berhormat Padang Serai sudahlah. Janganlah panjang-panjang sangat seorang Yang Berhormat Ipoh Timur sudah cukup riuh di Dewan. Yang Berhormat yang bawa soalan PAC ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tidak tahu peraturan Yang Berhormat Ipoh Timur ini. Duduk. Muruku mana, muruku mana? Bagi muruku dahulu.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Tuan Pengerusi, perkataan *bail-out* juga digunakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur dahulu. Sudah sepuluh tahun lebih pun hendak guna itu juga. Jadi yang dibuat oleh US pun lebih kurang meniru kita juga hari ini. Tetapi saya maklumkan bahawa PAC, kita tidak boleh berdebat dengan pembangkang begitu.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Padang Besar cakap besarlah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya tunggu pukul satu di luar.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Akan tetapi....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Satu laporan mengenai prestasi Pengerusi PAC mengenai skandal *Eurocopter*.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Tuan Pengerusi, laporan itu akan keluar dalam dua tiga hari lagi, kita akan kemukakan kepada Parlimen. Yang penting sekali Yang Berhormat Ipoh Timur telah membuat kenyataan pada 30 September menghentam melulu tentang *Eurocopter*. Dia telah cuba membuat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Adakah ini satu *point of order*? Saya hendak tahu dia berdiri atas Pengerusi PAC atau apa?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Duduklah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Point of order* atau... *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tuan Pengerusi, saya hendak cakap juga.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Ini pasal ValueCap lah. Yang Berhormat Ipoh Timur, dengarlah dahulu.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tuan Pengerusi, saya hendak cakap juga.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *[Menyampuk]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Dua bekas menteri duduklah... *[Dewan riuh]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Bapa rasuah, bapa rasuah!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Padang Serai, sudah, sudah duduk dahulu. Minta tolong duduk dahulu. Duduk Yang Berhormat. Saya panggil duduk. Saya mahu Yang Berhormat Padang Serai tarik balik 'Bapa Rasuah'.

**Beberapa Ahli:** Tarik balik.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya tarik balik perkataan, 'bapa rasuah'.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya memohon kepada Yang Berhormat berbincang, berbahas, kiri kanan...

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya bercakap Yang Berhormat duduk. Jangan gunakan perkataan *unparliamentary*. Di bawah peraturan Yang Berhormat, menuduh seseorang rasuah adalah *unparliamentary*. Jadi kita kena tahu ada batasan-batasan tertentu. Kekebalan yang diberikan oleh Perlembagaan Artikel 63 bukan sebagai "seal" Yang Berhormat untuk mempertahankan diri, bukan untuk menuduh orang melulu. Jadi masa Yang Berhormat pukul satu petang. Kalau ada benda bangkit pukul 2.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

*[Beberapa Ahli Yang Berhormat Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Belum habis lagi Yang Berhormat, dalam Majlis.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pagi kita tangguhkan dahulu dan kita akan bermula lagi pada pukul 2.30 petang nanti. Terima kasih.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang..**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menyambung perbahasan.

**2.33 ptg.**

**Menteri Kewangan II [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]:** Terima kasih. Masih berhubung dengan isu ValueCap, saya ingin merujuk kepada ulasan Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak telah membangkitkan isu bahawa suntikan kewangan sebanyak RM5 bilion kepada ValueCap adalah kurang berkesan untuk menjana pertumbuhan ekonomi berbanding dengan suntikan kewangan secara langsung kepada *real* ekonomi dengan izin. Sepertimana yang dilakukan oleh kerajaan Amerika dan kerajaan China. Kerajaan bersetuju pelaburan dibawa

ke dalam *real* ekonomi adalah penting dan kerajaan telah pun mengumumkan beberapa inisiatif, langkah-langkah untuk mencapai objektif ini.

Kerajaan juga bersetuju bahawa KWSP juga mempunyai peranan untuk memastikan bahawa *real* ekonomi dapat dijana dengan berkesan dan berhubung dengan perkara ini, KWSP telah mengambil satu pendekatan untuk memberi pembiayaan melalui pegangan bon yang dikeluarkan, yang ditawarkan oleh sektor korporat. Untuk sesebuah negara yang maju, ini adalah penting sebab satu masa dahulu banyak pembiayaan di buat hanya melalui bank. Ini adalah kurang sesuai sebab pinjaman pembiayaan untuk projek-projek infrastruktur yang mempunyai dengan izin *gestation period* yang lama dan juga memerlukan dana yang banyak tidak dapat dibiayai oleh bank-bank sebab pembiayaan oleh bank-bank adalah untuk satu tempoh yang singkat.

Jadi peranan KWSP dalam isu ini adalah penting dan KWSP sekarang ini difahamkan akan terus memainkan peranan ini. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa KWSP harus memberi tumpuan hanya kepada *real* ekonomi dan tidak harus memberi tumpuan kepada aspek-aspek pasaran modal. Perkara ini Tuan Pengerusi, adalah bukan merupakan...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** [*Bangun*]

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya hendak habis dulu, ini perkara penting, biar saya habis dulu. Lepas itu saya bagi laluan. Sebab perkara ini bukan *neutrally exclusive* sebab dengan memberi RM5 bilion kepada ValueCap ini tidak bermakna bahawa pembiayaan KWSP dalam sektor benar, *real* ekonomi akan terjejas. Sebab KWSP mempunyai dana yang begitu banyak melebihi RM330 bilion. Kerajaan juga percaya selain daripada pelaburan langsung, penstabilan pasaran modal juga adalah penting. Ini diiktiraf oleh Pakatan Rakyat sendiri dalam bajet alternatif dan saya sukacita bahawa dalam bajet alternatif Pakatan Rakyat di sebut tentang penstabilan pasaran modal.

Pasaran modal merupakan antara saluran utama bagi sesebuah syarikat untuk memperoleh sumber kewangan khususnya melalui *right issue*. Selain dari itu, pasaran modal adalah sumber tabungan dan melalui pasaran modal juga wujud *wealth effect* yang berkait rapat dengan penggunaan domestik, *domestic consumption* dan kemakmuran ekonomi. Pasaran modal yang tidak stabil akan menjejaskan keyakinan yang kita bincang tadi, keyakinan pelabur terhadap kemampuan ekonomi negara. Suka saya menjelaskan bahawa tugas pelaburan ValueCap bukanlah untuk meningkatkan keseluruhan indeks Bursa Malaysia atau dengan izin, *show-up the market*.

ValueCap berfungsi sebagai sebuah institusi pelaburan jangka panjang yang akan melabur di dalam syarikat *blue chips* yang merupakan dengan izin *value buy*. Apabila berlakunya pengaliran keluar wang yang begitu ketara daripada pasaran ekuiti negara, ini akan mengakibatkan penurunan pasaran ke tahap yang tidak menggambarkan nilai sebenar ataupun tidak menggambarkan asas *fundamental* sesebuah syarikat. Oleh itu peranan pelabur seperti

ValueCap yang menyediakan kecairan tambahan yang menyediakan *additional liquidity* dengan izin memang membantu mengukuhkan kestabilan pasaran dan keyakinan pelabur walaupun jumlah RM5 bilion memang merupakan kurang daripada 1% seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Gombak tadi daripada nilai pasaran Bursa Malaysia.

Untuk maklumat Yang Berhormat Gombak juga langkah yang diambil oleh Kerajaan US dan Kerajaan China tidak hanya terhad kepada suntikan langsung ke dalam ekonomi. Sebahagian besar daripada dana yang diperuntukkan digunakan untuk menstabilkan pasaran kewangan dan menyuntik kecairan tambahan. Dalam hal ini Kerajaan US dijangka akan membeli *commercial papers* bagi meningkatkan keyakinan terhadap pasaran kewangan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Pengerusi, kita sudah banyak bincang dengan *Valuecap* dan banyak soalan dan isu yang dikemukakan oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya minta izin untuk beralih ke yang lain...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Teruskan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya ingin merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena berhubung dengan peranan panel di KWSP...

■1440

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Okey, ya. Sebenarnya Tuan Pengerusi, saya bersetuju bahawa transparansi adalah penting dan sebenarnya ValueCap diuruskan oleh satu pasukan profesional dan sekiranya perlu dan dianggap transparansi setakat ini adalah tidak mencukupi dan kita harus memberi lebih banyak maklumat dan butir-butir tentang peranan dan tugas-tugas ValueCap, saya berjanji kita akan berbuat demikian. Banyak syarikat-syarikat seperti ValueCap tidak boleh memberi maklumat terperinci tentang strategi yang dilakukan. Jadi oleh yang demikian, kita akan memberi butir-butir dan maklumat yang mencukupi tetapi tidak menjejaskan strategi yang akan dilakukan...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ya, mulai sekarang kita akan beri. Kita tidak ada apa-apa untuk, *we didn't have nothing to hide, believe me* dengan izin.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak bagi jalan?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, soalan saya balik sedikit ke belakang iaitu berkenaan dengan keputusan menggunakan RM5 bilion ini ada dikatakan sebagai lanjutan daripada keputusan untuk menggunakan portfolio antarabangsa, *foreign portfolio* dengan izin untuk mendatangkan jumlah RM5 bilion tadi. Persoalan ini juga berkaitan dengan perbincangan pada tahun 2005 dulu iaitu pihak EPF memaklumkan bahawa keputusan untuk membenarkan RM2.5 bilion wang EPF itu adalah terhad kepada portfolio antarabangsa oleh sebab suntikan dalam ValueCap ini juga barangkali akan mengambil kira pegangan atau ekuiti luar, *foreign equity* yang ada dalam syarikat-syarikat tersenarai yang akan disuntik itu.

Adakah ini lanjutan daripada keputusan panel EPF tadi untuk menggunakan *foreign portfolio* itu termasuk dalam jumlah RM5 bilion yang diisytiharkan? Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** RM5 bilion pinjaman yang diberi oleh EPF kepada ValueCap tidak ada hubungan langsung dengan portfolio asing dan RM5 bilion ini akan hanya digunakan oleh ValueCap untuk membeli saham-saham di Bursa Malaysia sahaja dan tidak akan digunakan untuk membeli saham-saham ataupun aset-aset lain di luar negara.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya sila Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri. Dalam memberikan jawapan sebentar tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa salah satu usaha di Amerika Syarikat bukan sekadar menyuntik terus ke dalam ekonomi tetapi juga untuk mempertahankan institusi kewangan.

Tuan Pengerusi saya bersetuju kerana sekiranya institusi kewangan ini *crumble* ataupun runtuh dia akan memberi kesan yang lebih parah kepada ekonomi Amerika dan dunia. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri penjelasan bahawa *recapitalization* ini juga dalam institusi kewangan mestilah dengan mengambil kira supaya ekuiti itu juga dikuasai oleh kerajaan.

Itu yang pertama, yang keduanya ianya mesti memastikan bahawa *shares* ataupun ekuiti yang diambil alih melalui *recapitalization* ini bukan *existing shares* tetapi *new shares* yang dikeluarkan kerana suntikan ini juga akan meningkatkan *reserve* bagi institusi kewangan tersebut.

Kedua Yang Berhormat Menteri soal *transfer wealth* yang saya sebut pagi tadi. Oleh sebab pinjaman ini diberikan kepada ValueCap untuk meningkatkan prestasi beberapa kaunter saham, kebimbangan kita ialah pinjaman yang diberikan kepada ValueCap ini untuk membeli saham tersebut, akhirnya kenaikan sementara ini bukannya memberi keuntungan kepada ValueCap ataupun pelabur tempatan tetapi *transfer of wealth* ini lebih kepada daripada ValueCap kepada pembeli saham tersebut. Maka akan berlaku *flow of wang* tunai khususnya kepada

pembeli saham tersebut apatah lagi kalau pelabur itu adalah pelabur asing. Maka akan berlaku aliran wang tunai sebanyak RM5 bilion daripada dalam negara ke luar negara. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Charles Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri satu soalan, *follow-up* daripada Yang Berhormat Gombak.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tidak saya jawab dulu. Ini sebab saya anggap soalan ini satu soalan yang baik. Isu berhubung dengan *recapitalization* bagi syarikat-syarikat kewangan adalah satu isu yang dihadapi oleh Amerika Syarikat dan ini tidak merupakan satu isu di Malaysia. Di Malaysia keadaan berlainan, syarikat-syarikat kewangan kita begitu kukuh dengan NPL hanya 2.5%, dengan *capitalization* sebanyak 13.5%, dengan *saving* kita yang begitu tinggi dan *exposure* kita kepada produk-produk dengan sektor yang begitu kompleks tidak wujud. Walau bagaimanapun kalau keadaan itu berlaku dan di Amerika keadaan itu berlaku.

Di Amerika saya berpendapat bahawa pandangan Yang Berhormat Gombak adalah satu pandangan yang saya boleh setuju sebab bila sesebuah negara mengambil peranan dalam membantu sesebuah bank, cara yang patut dibuat ialah untuk mengambil ekuiti dan bukan untuk beli *junk* aset khususnya. Sebab dengan mengambil ekuiti, keuntungan yang diperoleh kemudian boleh diagihkan kepada rakyat melalui dividen. Kalau kita hanya memberi bantuan kepada syarikat-syarikat kewangan seperti di Amerika Syarikat dengan tidak mengambil ekuiti, akhirnya yang akan mendapat untung dan laba ialah pemegang syer dalam syarikat-syarikat kewangan ini yang kebetulan telah mengakibatkan keruntuhan bank-bank itu.

Saya setuju 100% dengan pandangan Yang Berhormat Gombak. Berhubung dengan isu yang relevan kepada ValueCap saya sebenarnya sudah menjawab soalan tadi semasa Yang Berhormat masuk tadi.

**Tuan Charles Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Biar saya habiskan isu ini dahulu.

**Tuan Charles Santiago [Klang]:** ValueCap juga?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** ValueCap, habiskan isu Valuecap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey, sebentar Yang Berhormat.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya bersetuju bahawa peranan EPF adalah penting untuk *real* ekonomi dan KWSP harus memberi pembiayaan kepada bon-bon, kepada suku-suku yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang terlibat dengan projek-projek prasarana, projek-projek infrastruktur dan ini akan memberi kesan yang langsung kepada *real* ekonomi, ekonomi sebenar. Saya memang setuju tetapi *point* yang ingin saya menerangkan ialah oleh sebab KWSP mempunyai begitu banyak dana dan juga oleh sebab ini tidak merupakan satu isu berhubung dengan sama ada kita hanya mempunyai dana yang mencukupi untuk satu bidang sahaja.

Bidang *capital market*, *financial market* adalah juga penting dan dalam bajet alternatif yang dikemukakan oleh Pakatan Rakyat dan juga memberi penekanan khusus kepada stabiliti dalam pasaran kewangan. Saya setuju bahawa ini adalah penting.

■ 1450

Isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Gombak adalah apa hubungan dengan pasaran kewangan dengan *real economy*. Jawapannya ialah *wealth effect*. Bila pasaran kewangan stabil dan pelabur percaya bahawa tidak akan berlaku satu keadaan di mana harga saham akan merudum. Ini akan memberikan satu keyakinan kepada pelabur dan juga akan memberi satu keyakinan kepada rakyat negara ini sendiri dan dengan keyakinan itu mereka akan meningkatkan *domestic consumption*, penggunaan domestik. Jadi peranan hubungan pasaran kewangan dan ekonomi sebenar adalah melalui *wealth effect*.

Jadi saya berpendapat bahawa dengan memberi pinjaman kepada ValueCap dan dengan ValueCap memainkan peranan yang saya bersetuju dengan Yang Berhormat Ipoh Timur dengan *transparent*, dengan profesional, ini akan memberi satu lagi ruang untuk kita menjana ekonomi dalam keadaan-keadaan yang begitu mencabar ini. Oleh kerana isu ValueCap ini saya sudah bincang dekat satu jam dan banyak isu...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Pengerusi.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya minta maaf. Saya kena berlaku adil kepada ramai Ahli Yang Berhormat yang lain. Saya terpaksa beralih kepada perkara lain.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya, dia kata mahu *transparent*. Mana itu *transparent*? Mahu tunjuk transparansi, mahu buat laporan. *You* kata setuju *transparent*. Mana *transparent*? Buat satu laporan untuk...

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Kita akan buat.

**Tuan Charles Santiago [Klang]:** [Bangun]

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** [Bangun]

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tak ada apa. *We have nothing to hide*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Buat sekarang.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Nantilah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kata setuju, tak ada buat apa ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Yang Berhormat, saya...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Sebab saya tanya bila. *You said* sekarang. Sekarang saya tunggu.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Sekarang bukanlah. Saya kena jawab soalan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya kena jawab soalan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Pengerusi, dia kata setuju. Setuju tak buat.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tak apalah. Saya terpaksa jawab soalan. Yang Berhormat Permatang Pauh...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Salak dia tak bagi jalan sementara ini Yang Berhormat.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** ...Dah ada. Ketua pembangkang sudah ada. Saya kena bagi hormat kepada ketua pembangkang. Saya kena jawab soalan-soalan yang lain.

**Tuan Charles Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, satu lagi soalan mengenai ValueCap.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya minta maaf. Isu yang disebut yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pasal apa mikrofon tak ada sini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, menteri kata dia tak bagi.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidaklah, *why is not functioning?*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak payah marah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya marah pasal dia tak *functioning*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya lah, tak payah marah. Tak payah marah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Marah tak boleh, apa tak boleh tapi kalau *the system is not working all the time...*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang itu boleh diperbaiki Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *No, because...*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Yang Berhormat Pokok Sena telah membangkitkan perkara tentang panel dan lembaga pengarah. Memang benar di dalam sistem yang diwujudkan sekian lama dalam sistem KWSP, panel itu tidak...

**Tuan Charles Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, soal ValueCap.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tak lagi. Saya tak bagi.

**Tuan Charles Santiago [Klang]:** *Was there a cost benefit analysis done?*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Klang.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Panel yang diwujudkan ada dua cara untuk mewujudkan panel pelaburan di mana-mana agensi. Satu cara ialah panel pelaburan itu bertanggungjawab kepada lembaga pengarah. Satu lagi cara ialah di mana panel itu mempunyai dengan izin, *legal entity of its own* dengan izin, dan bertanggungjawab terus kepada menteri. Di EPF, sistem yang ada sekarang, panel itu diwujudkan sebagai satu *legal entity* dan kalau kita berpendapat bahawa perkara ini harus diubah kita akan mengkaji perkara ini.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Betul, dari segi *legal entity* itu memang betul, wujud berasaskan kepada peruntukan peraturan undang-undang yang ada tapi saya persoalkan ialah kenapa tidak ada wakil kesatuan sekerja di dalam panel. Sebab saya lihat bahawa anggota-anggota panel umpamanya saya difahamkan adik menteri kewangan pun ada.

Jadi bagi saya adalah satu yang tidak adil dan juga wakil daripada pihak-pihak yang lain yang berkepentingan untuk mendapatkan duit daripada EPF untuk disalurkan kepada ValueCap. Jadi tidak sewajarnya harus dipertimbangkan oleh wakil kesatuan harus ada untuk membuat keputusan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Okey, saya akan bincang dengan KWSP untuk mempertimbangkan pelantikan wakil persatuan ke dalam...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri, bersambung kepada isu wakil pekerja tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Mengikut daripada pendapatan EPF, pekerja memainkan peranan dalam 9 juta pelaburan daripada individu pekerja tidak termasuk para pekerja asing dan kalau dilihat di Singapore pekerja asing pun terlibat dalam potongan EPF. Namun apa yang jelas ialah peranan wakil-wakil pekerja yang ada dalam EPF hanya seorang sahaja dalam *board*. Itu pun bukan dalam kelompok untuk membenarkan tabungan diberi.

Jadi bagi kaum ini saya percaya dan yakin Kementerian Kewangan pun bersetuju dengan saya bahawa peranan ataupun pandangan kaum pekerja itu perlu juga diambil seperti mana yang mereka tiap tahun akan mendapat *interest*, faedah dalam EPF ini. Saya takut nanti bila duit sudah keluar banyak, *interest* EPF akan turun kepada 3.5%. Ini yang berlaku sepanjang 10 tahun yang lalu dan saya mencadangkan kepada Menteri Kewangan supaya peranan pekerja ini dimainkan secara kolektif dan secara produktif di dalam tabungan tabung orang miskin EPF ini. Saya minta menteri *concern* sedikit *about this*. *Thank you*.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Kita akan mempertimbangkan cadangan itu. Yang Berhormat Batu Gajah telah mencadangkan supaya penamaan KWSP terdahulu terbatal secara automatik apabila ahli berkahwin. Saya faham dan setuju bahawa cadangan ini dibuat dengan satu niat yang begitu baik dan banyak juga kes yang berlaku di mana seorang bila dia masuk

kerja dia namakan ibu, bapa atau abang sebagai penama. Lepas itu dia kahwin dia ada keluarga tetapi dia lupa untuk tukar nama dalam borang EPF. Lepas itu dia meninggal dan hartanya di EPF diberi kepada penama iaitu ibu dan bapa dan bukan kepada isteri tetapi yang jadi isu sama ada KWSP ada mempunyai hak untuk membatalkan penama itu secara automatik.

Katakan misalan seorang wanita sebelum dia berkahwin dia letakkan nama ibunya dalam borang. Lepas itu dia berkahwin dan ada suami dan kalau ikut cadangan Yang Berhormat, KWSP secara automatik harus membatalkan nama ibu dan letakkan nama suami tapi mungkin wanita itu tak bersetuju. Wanita itu masih ingin kekalkan nama ibunya berbanding dengan suami yang tercinta. Dia mahu ibunya menjadi penama. Jadi macam mana kita hendak tukar nama tanpa persetujuan pencarum itu. Itu yang menjadi isu tapi saya faham tentang masalah ini dan untuk mengatasi masalah ini KWSP telah diminta untuk memberi makluman dan ingatan tentang perkara ini dan mengemaskinikan butiran ini boleh dibuat di semua 64 cawangan KWSP di seluruh negara.

Yang Berhormat Padang Serai dan Yang Berhormat Bandar Tun Razak juga telah membangkitkan isu pembayaran KLIAB sebanyak RM1.096 bilion bagi membiayai kos operasi KLIA. Untuk makluman, pembayaran ini merupakan sebahagian pembayaran balik hutang pembinaan KLIA. KLIAB memperoleh hasil yang mencukupi untuk menampung kos operasinya. Jadi pembayaran ini ialah untuk membayar balik pinjaman yang dibuat dahulu untuk membina KLIA.

#### ■1500

Yang Berhormat Pokok Sena telah membangkitkan isu mengapa harga LPG tidak menurun daripada RM1.75 satu kilogram sejajar dengan penurunan harga gas di pasaran dunia. Pada bulan Jun 2008, harga pasaran dunia ialah USD910 satu metrik tan dan kadar subsidi pada masa itu ialah RM2.09 satu kilogram iaitu subsidi lebih tinggi dari harga LPG sebanyak RM1.75. Pada awal bulan November 2008, harga pasaran dunia telah menurun seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena kepada USD480 satu metrik tan. Pada tahap ini pun harga runcit sebanyak RM1.75 masih mempunyai subsidi sebanyak 85 sen.

Yang Berhormat Batu Gajah telah membangkitkan isu mengenai peningkatan *threshold*, cukai perkhidmatan restoran di luar hotel kepada RM3 juta. Pada 1 Julai 2008 Tuan Pengerusi, kerajaan telah meningkatkan cukai perkhidmatan restoran kepada RM3 juta setahun sebagai langkah mengurangkan beban rakyat. Secara amnya tindakan ini adalah menumpu kepada golongan berpendapatan rendah yang makan di restoran kecil dan sederhana.

Untuk makluman, sebelum 1 Julai 2008, bilangan pelesen perkhidmatan restoran di luar hotel ialah 4,934 pelesen. Selepas 1 Jun 2008, bilangan pelesen telah berkurangan kepada 434 pelesen sahaja.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Boleh minta jalan Yang Berhormat Menteri?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Nanti. Dari jumlah pelesen ini, penyumbang terbanyak cukai perkhidmatan adalah terdiri daripada pelesen pemegang francais seperti KFC, McDonald's dan Pizza Hut. Restoran ini lebih tertumpu kepada golongan yang berkemampuan. Jumlah cukai yang tidak dikutip oleh kerana kita menaikkan had ialah RM183 juta setahun dan cukai yang masih dikutip hanya untuk 434 restoran.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya, terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri tadi ada sebut tentang cukai perkhidmatan yang dijadikan RM3 juta untuk restoran dan kedai makan. Adakah itu permit arak iaitu *liquor legal license* dijadikan syarat jika mereka mahu mengadakan tentang dia punya *ceiling* RM3 juta ini dia perlu batalkan dia punya permit arak.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tan Sri. Saya hendak balik kepada jawapan Yang Berhormat kepada persoalan yang saya bangkitkan berkaitan dengan gas LPG. Disebutkan tadi bahawa harga pada Jun kalau tidak silap maknanya pada waktu itu pun sudah RM1.75 satu kilogram dan sekarang ini pun RM1.75 dengan subsidi sebanyak 85 sen.

Bermakna bahawa kerajaan telah pun kurang untuk menampung subsidi. Kalau dahulu mungkin lebih tetapi pada kadar harga RM1.75. Namun kalau kerajaan tidak mengurangkan subsidi maknanya memberikan jumlah subsidi seperti mana yang dahulu bermakna bahawa pengguna akan mendapat lebih murah daripada harga yang ada sekarang.

Jadi ini yang sepatutnya yang harus dipertimbangkan oleh kerajaan untuk memberikan kebaikan kepada pengguna. Begitu juga dengan harga minyak. Saya tengok Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat, untuk hendak naik ini harga minyak kerajaan begitu boleh naik sekali gus 78 sen, campur satu-satu tempoh tetapi apabila hendak turun dia kata kita kena tengok kestabilan. Waktu hendak naik tidak tengok waktu kenaikan stabil atau tidak, apabila hendak turun kena tengok kestabilan.

Ini saya rasa tidak adillah kepada pengguna, tidak adil kepada rakyat. Hendak turun kena tengok kestabilan, hendak tengok harga itu macam mana. Padahal sepatutnya bagi saya harga sekarang ini sudah pun sekurang-kurangnya perlu dikembalikan kepada RM1.92 satu liter. Akan tetapi saya nampak kerajaan macam tidak begitu prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pengguna. Kesannya apabila naik sekali gus 78 sen, rakyat menghadapi masalah dengan kenaikan harga barang tetapi apabila turun tidak ada kesan memberikan apa-apa kebaikan kepada pengguna.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Pengerusi, kerajaan mempunyai satu formula yang telah diumumkan untuk mengurangkan harga mengikut formula tiap-tiap bulan dan insya-Allah kalau harga kekal rendah kita akan mengurangkan pada bulan depan.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka tadi tentang lesen arak saya akan mengkaji perkara ini. Perkara ini sedikit rumit sebab ada satu keputusan

yang dibuat satu masa dahulu tentang arak yang dijual di kedai-kedai kecil dan perkara ini sedang dikaji. Saya faham isu yang dibangkitkan. Terima kasih.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri minta penjelasan. Berkenaan dengan cukai perkhidmatan 5%. Tujuan saya bangkitkan ialah bukan saya membantah pemansuhan 5% tetapi pada masa yang sama tindakan yang diambil itu telah mengakibatkan masalah timbul kepada restoran-restoran di mana perniagaan mereka baik melebihi RM3 juta jualan tahunannya; tetapi ekoran daripada tindakan itu sebaliknya membawa impak negatif ke atas perniagaan mereka.

Saya bagi contoh mungkin satu syarat yang mempunyai kemudahan tambahan ekoran itu perlu dikekalkan 5%. Ada penyaman udara restoran dan tidak ada penyaman udara restoran, perbezaan sedemikian. Jadi mungkin Yang Berhormat boleh meneliti semula. Saya menyambut baik pemansuhan, tetapi pada masa yang sama mengakibatkan mereka yang menjalankan perniagaan terjejas sebaliknya. Terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya tambah sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terimalah dengan bangga bahawa Yang Amat Berhormat Menteri kata akan mempertimbangkan tentang permit arak ini.

Oleh sebab, ini saya dapati banyak kedai terutama restoran, mereka tidak ingin membatalkan permit arak itu dan ini *add expend* dengan izin, *to consumer*. Ini sebab mereka anggap ia sebagai satu keperluan untuk restoran ini sebab ada arak terutama restoran dan kedai makan ini untuk *non-Muslims*. Sebab itu harap *add expend of* pengguna kita tidak akan biarkan syarat ini masih ada. Haraplah dapat pertimbangkan.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Ini cukai perkhidmatan. Saya juga menyentuh tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Melaka tadi. Lesen-lesen yang diberi untuk penjualan arak. Ada juga mereka yang ada lesen untuk jual arak itu mereka menjual arak yang *low quality* dengan izin, *very low quality*, samsu dan lebih kurang dikategorikan sebagai samsu haram.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tidak kena dengan isu.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Cukai perkhidmatan. Ini mengakibatkan ramai pemuda-pemuda hari ini melibatkan diri dalam menggunakan arak yang terlalu murah. Saya mohon kementerian memberi lesen untuk arak ini mereka mesti mengadakan satu sistem pengawasan yang lebih matang dan profesional.

Saya juga dengar khabar dan ini secara kebetulan saya pun melihat mereka yang mengadu tentang arak ini; mereka mengatakan gejala rasuah yang keterlaluan yang membenarkan penjualan pemberian lesen untuk penjualan arak ini. Jadi kita harap kementerian mengambil tindakan drastik dan satu sistem pengawasan yang lebih baik.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Isu berhubung dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka kita akan selesaikan tetapi saya mendapati bahawa ada dua pendapat dari Pakatan Rakyat berhubung dengan isu arak.

■ 1510

Semalam kita dengar dari Ahli Yang Berhormat dari PAS supaya mengurangkan penjualan arak dan kalau boleh mengikut Yang Berhormat-Yang Berhormat dari PAS, semua agama tidak bersetuju dengan arak. Akan tetapi macam mana pun kita akan bincangkan. Saya hendak...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya bukan saja minta mengurangkan, kalau boleh haramkan terus.... [*Tepuk*]

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih, terima kasih.

Yang Berhormat Pokok Sena telah membangkitkan isu yang penting iaitu isu tentang pelaksanaan Projek HSBB atau *high-speed broadband*. Isu khusus yang dibangkitkan adalah, mengapa projek ini diberikan kepada Telekom secara rundingan terus dan pada harga yang dikatakan tinggi iaitu RM11.3 bilion di mana kerajaan akan menyumbang sebanyak RM2.4 bilion.

Pemilihan TM untuk melaksanakan projek adalah kerana pada masa ini TM membekalkan 85% daripada perkhidmatan jalur lebar dalam negara dan memiliki infrastruktur yang akan mendukung pelaksanaan HSBB tersebut. TM juga mempunyai pengalaman dalam bidang jalur lebar di mana TM telah pun melaburkan lebih RM4 bilion sebelum ini.

Dalam projek HSBB ini, TM telah pun diarahkan oleh kerajaan untuk melaksanakan kesemua perolehan secara tender. Semua. Tidak ada pengecualian. Bagi memberi peluang kepada syarikat-syarikat yang berkeupayaan dan juga mengurangkan kos pelaksanaan. Jika terdapat syarikat yang mempunyai keupayaan termasuk GLC dan syarikat-syarikat negeri untuk melaksanakan projek ini dengan kos yang rendah, syarikat-syarikat tersebut boleh menyertai tender projek ini. Projek HSBB mempunyai impak besar kepada negara dari segi peningkatan daya saing serta dengan izin, mempunyai *economic spin-off* yang ketara. Namun, ia tidak berdaya maju secara komersial tanpa sokongan kerajaan untuk memudah cara projek ini.

Projek ini merupakan contoh dengan izin, *private-public partnership* yang baik kerana ia merupakan kerjasama sektor awam dan sektor swasta ke arah mempertingkatkan daya saing dan aktiviti ekonomi negara. Dengan faktor-faktor yang telah dihuraikan ini, kerajaan berpendapat bahawa TM adalah pilihan yang tepat untuk melaksanakan projek ini dengan efisien, dengan efektif serta kos yang berpatutan...

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** [*Bangun*]

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya telah meminta TM untuk mempertimbangkan cadangan Ahli Yang Berhormat Pokok Sena agar infrastruktur sedia ada, TNB yang disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena semalam juga digunakan jika berkesesuaian dalam usaha mengurangkan kos pelaksanaan projek HSBB ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih penjelasan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Kita tidak pertikai soal melaksanakan sesuatu projek. Saya hendak mempersoalkan kenyataan Yang Berhormat Menteri yang mengatakan tanpa tender, kita telah membuat keputusan yang baik, runding terus dengan TM semata-mata kerana Telekom Malaysia atau TM telah pun melabur dan mempunyai prasarana yang baik. Kalau benar kenyataan tersebut, apa salahnya dilakukan secara tender terbuka kerana dengan sendirinya TM akan mempunyai kekuatan untuk mengemukakan harga dan perkhidmatan yang jauh lebih baik.

Itu yang pertama, dan ini belum dijawab.

Keduanya, cara gopoh-gapah menyegerakan. Itu menimbulkan kesangsian banyak pihak dan dengan rekod pemimpin-pemimpin yang ada menambahkan kebimbangan... [*Dewan riuh*] Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading yang menyokong saya... [*Tepuk*] Kebimbangan bahawa ada kecurigaan. Mengapa disegerakan? Tidak boleh tunggu dua minggu supaya penilaian dibuat baik. Kemudian kalau dikatakan sekarang, "Oh, nanti tender masa *sub-contracting* boleh ditender...". Itu bukan soalnya. Itu sudah luar setelah kerajaan serah kepada TM. Pengawasan TM itu terhadap proses tender tentunya terbatas. Yang Berhormat Menteri pun tahu.

Jadi yang kita pertikaikan yang pertama, kos itu dengan suntikan dana daripada kerajaan. Saya juga tidak pertikai, ada kalanya apabila kita lakukan projek yang ada hubungan perkhidmatan dan kepentingan pengguna, ada keperluan membantu. Akan tetapi yang saya pertikai ialah ketelusan cara dan kebertanggungjawaban itu.

Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri rujuk balik kenyataan kita. Mengapa terlalu *desperate* untuk meluluskan projek, mengapa harga itu cara rundingan terus, dan mengapa susah sangat mengadakan satu tender walhal TM mempunyai kekuatan dengan prasarananya dan dengan pelaburan besar, yang ada kemungkinan besar boleh memenangi tender tetapi dengan kos yang jauh lebih rendah. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Seperti yang saya sebutkan tadi, projek ini akan dilaksanakan oleh TM secara tender. Yang Berhormat Permatang Pauh memanglah betul. Ini pada tahap sub-kontrak.

Soalan tentang perhubungan kerajaan dengan TM, sebab apa kita tidak buat tender dan sebab apa kita memberi hanya memilih melantik TM. Projek ini seperti saya terangkan tadi adalah satu projek yang dikemukakan oleh TM dengan jumlah sebanyak RM11.3 bilion. Yang TM minta kerajaan ialah untuk membantu sebagai satu *public-private sector*, membantu untuk memastikan bahawa projek yang begitu penting dari segi infrastruktur negara, dari segi teknologi

negara yang begitu penting dan semua pihak bersetuju projek ini adalah penting, dan TM sebagai satu *natural choice* ingin melibatkan diri dalam projek ini dan akan melaburkan jumlah yang besar. Jumlah yang terlibat ialah RM11.3 bilion dalam projek ini.

TM meminta kerajaan dari segi untuk memastikan *viability* projek ini, meminta RM2.4 bilion dalam beberapa tahun untuk kerajaan membantu TM. Syarat-syarat yang kita letakkan untuk memberikan RM2.4 bilion, untuk membantu TM, dan TM akan menggunakan peruntukan yang lebih besar itu ialah mesti tender. Itu syarat yang kita letakkan kepada TM. Mesti tender. Dengan tender secara telus dan secara *transparent*.

Ini pendapat kerajaan bahawa TM adalah *natural choice* dan saya menghormati pendapat yang lain yang kata mungkin ada cara lain. Sebab itu saya telah meminta TM malam semalam untuk berbincang dengan Tenaga Nasional Berhad sebab Yang Berhormat Pokok Sena sebut tadi bahawa, mungkin ada cara yang lebih munasabah dan lebih *cost efficient* dengan menggunakan TNB. Kita akan lihat juga cara itu.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soal minta Telekom berbincang dengan TNB itu satu hal. Akan tetapi bagi saya bahawa kalau kita hendak menggunakan *digital power line* ataupun menggunakan *power line carrier* iaitu kabel ataupun kabel TNB, saya rasa tidak perlu kita beri kepada Telekom yang memakan belanja sampai lebih RM11 bilion, padahal saya katakan bahawa tidak sampai RM5 bilion kalau kita gunakan *digital power line*... [Tepuk] Kenapa pemikiran kerajaan terlalu tertutup. Maknanya kita tidak keluar daripada kota pemikiran yang lama untuk melihat bahawa apa yang ada pada kita untuk kita *upgrade* kan. Ini yang saya persoalkan.

Sekarang, kalau Telekom pergi berbincang dengan TNB pun tetap RM11 bilion. Akan tetapi kalau saya katakan bahawa kalau kerajaan buka tender, semua pihak boleh masuk. Bermakna bahawa, ada pihak lain yang boleh menawar bawah daripada RM5 bilion. Ini saya punya jaminan. Saya kata bawah daripada RM5 bilion.

Boleh dikatakan kebanyakan negara-negara maju telah pun menggunakan *digital power line*. Jadi saya tidak tahu siapa yang akan dapat untung untuk *supply fibre optic* selepas ini. Syarikat mana? Ahli Parlimen mana yang mungkin ada syarikat untuk *supply*?

■ 1520

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** ...Ini persoalan yang saya katakan ini soal penjaminan. Sepatutnya daripada awal kerajaan saya bersetuju tentang keperluan. Saya tidak menafikan keperluan kepada untuk kita mewujudkan *high-speed broadband* ini tetapi persoalannya harga, persoalan duit ini wang rakyat. Sebab saya katakan Tuan Pengerusi kalau pun tender akan dibuka selepas ini tetapi selepas ini saya percaya bahawa aliran wang itu akan keluar ke luar negara sebab *equipment* yang akan kita beli adalah daripada mana? Daripada

Nokia-Finland; Alcatel-France; Ericsson -Sweden; NEC dan Fujitsu daripada Jepun; Samsung daripada Korea. Sedangkan kalau kita menggunakan *digital power line* kita mempunyai kepakaran dalam negara kita.

Ini kemahiran yang ada dalam rakyat dalam negara kita, kenapa kita tidak hendak guna? Jadi kita menjadi pengguna kepada teknologi orang bukan kita menjadi pengekspor teknologi. Sekarang kita hendak supaya kita bangunkan teknologi dalam negara kita, kita gunakan ke mana kita boleh eksport teknologi. Ini sekarang kita bawa teknologi daripada luar. *Equipment* semua kita akan beli dan duit kita akan mengalir keluar.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Rakyat Malaysia kerja kuat untuk kasi makan orang putih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur sila.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Mengenai *high-speed broadband*. Saya sangat terperanjat bahawa Yang Berhormat Menteri boleh bincang dengan TM supaya berbincang dengan Tenaga mengenai menggunakan infrastruktur yang ada dan tenaga. Bukankah masalah ialah monopoli TM. Monopoli TM yang mencekik yang sebab utama kenapa Malaysia sudah mundur apabila banding dengan Korea Selatan dengan negara-negara yang lain mengenai *broadband*. Sungguhpun dua-dua kita bersama-sama mereka mula dengan tahap yang sama sekarang South Korea 93%, Hong Kong 85% atau Jepun. Sekarang kita 15%, 16% dan dalam 10 tahun kita sudah rugi GDP mungkin berpuluh bilion ringgit. Bukankah satu apa yang penting ialah pecahkan monopoli Telekom dan sebab itu kenapa tidak ada open tender, kenapa ada syarikat-syarikat yang lain semacam *high-speed technology berhad* yang ada buat tawaran tanpa satu sen subsidi kerajaan untuk membina satu *network* yang sama tidak ditolak.

Kenapa Telekom diberi tujuh tahun tidak perlu ada satu *open system* atas syarat mereka walhal Telekom sangat terkemuka. Buli dalam industri, mahu cekik semua *rival-rival*. Bukankah mustahak kalau bincang mahu gunakan tenaga yang ada itu *backbone* ialah menggalakkan *broadband system* yang kedua supaya ada *competition, liberalization*. Oleh kerana dahulu sungguhpun ada *liberalization* oleh Telekom 10 tahun dahulu ialah tidak *liberalization* yang benar, semua syarikat-syarikat yang lain menjadi mangsa. Adakah rela bahawa kerajaan dan *Finance Ministry* yang bertanggungjawab mengenai keputusan yang muktamad dalam perkara ini untuk membukakan sistem ini supaya satu tender atau tidak menggalakkan atau membenarkan *competitor* yang kedua untuk adakan *broadband system* supaya Malaysia boleh menjadi *broadband power*. Satu pasport kepada *economic power*.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Perkara ini memang melibatkan banyak isu dan termasuk isu-isu teknikal dan saya akan berbincang dengan Kementerian KTAK yang secara langsung terlibat dan bertanggungjawab tentang perkara ini sebab ini isu teknikal di bawah

kementerian lain. Saya berjanji berbincang dengan Menteri yang berkenaan supaya pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat diberi pertimbangan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ya sedikit, sedikit lagi.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya hendak balik...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tidak sedikit lagi.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya tidak hendak, sebab banyak...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat jangan...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Sebab ini isu penting soal ..

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Okey, okey.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Okey Tuan Pengerusi. Saya kira bahawa sepatutnya kerajaan daripada awal dapat menyelesaikan masalah ini. Sekarang kerajaan sudah putus berikan kepada Telekom. Adakah kerajaan bersedia untuk membatalkan keputusan tersebut kerana ini demi kepentingan rakyat. Sebab saya katakan kalau soal hendak berbincang dengan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi umpamanya padahal kita sudah ada contoh sebelum ini iaitu kerjasama antara Celcom dengan Tenaga dalam *fibre optic cable via power grid*. Umpamanya Fibre Com, Tenaga dengan Celcom, Celcom Timur Sarawak, JV antara SESCO dengan Celcom, Celcom Timur Sabah, JV antara Sabah Electricity makna sudah ada bermakna bahawa Kementerian Tenaga hanya perlu berikan kelulusan untuk TNB menyewa dia punya kabel. Ini menguntungkan kerajaan sendiri. TNB anak syarikat kerajaan GLC maknanya menguntungkan sebab dia boleh mengurangkan penggunaan *meter reader* umpamanya.

Yang keduanya dia boleh melaksanakan *prepaid* untuk bayar elektrik dan ini menguntungkan untuk mengurangkan bil tertunggak kepada TNB. Takkan kerajaan tidak boleh fikir benda ini? Ada orang cerdik belaka EPU, cerdik pakar ekonomi tiba-tiba tidak boleh fikir. Serupa orang jual popia di kampung sahaja ini, apa cerita?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Ini bukan fasal pegawai ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Padang Serai tidak boleh macam itu.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tidak saya rasa lebih baiklah pakar-pakar ini lebih baik balik...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Bukan fasal pegawai. Ini Kabinet dan *Backbenchers* Ahli Parlimen...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** ...Bukan fasal pegawai, pegawai semua baik-baik.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Perkara ini harus dibincangkan di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi tetapi walau macam mana pun tidak ada perkara yang tidak boleh dibatalkan. Sebab hanya yang sebut dalam Al-Quran sahaja tidak boleh dibatalkan, perkara lain

boleh. Kalau ada cara ada alternatif yang lain yang kita semua setuju yang lebih baik memang kita boleh buat keputusan yang lain, tidak jadi isu.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai, eh Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** ...Syarikat-syarikat lain juga mengeluarkan cadangan mereka.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena kena minta jalan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ya saya singkat sahaja. Sebenarnya saya tertarik dengan jaminan yang dibuat oleh menteri dan ini di Parlimen. Kita tidak mahu jaminan sekadar jaminan sambil lewa kerana keputusan itu dibuat oleh bos dia Timbalan Perdana Menteri. Saya telah mengkaji jelas daripada jawapan Yang Berhormat Menteri kajian tidak menyeluruh. Isu ini bukan melibatkan keputusan kita untuk mendukung industri yang kita anggap canggih dan mampu mengangkat keupayaan negara untuk lebih berdaya saing, berdaya maju. Soalnya kaedah pelaksanaan. Cara yang dilakukan itu sekarang ini nyata walaupun tidak diterima langsung oleh Yang Berhormat seperti dipertikai, tetapi sekurang-kurangnya menteri mengaku ada ruang untuk dikaji semula malah untuk membatalkan. Saya mahu kenyataan ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi kenyataan yang penting untuk menguji kewibawaan menteri dalam memberikan kenyataan kerana ia...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Macam terpaksa sahaja.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Bukan saya ucap terima kasih bukan? Ini cara saya ucap terima kasih...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Cuma cara terpaksa.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** ...Ini kerana Tasek Gelugor, Permatang Pauh jiran. Jarang dalam Parlimen terutama dalam barisan Kabinet yang ada sekarang yang bangun dan memberi perakuan yang begitu tegas. Saya telah mendengar hujah kuat di sebelah sini. Jadi oleh yang demikian saya hendak pegang betul jaminan ini. Kita hendak tengok apakah langkah berikut kerana pengumuman telah pun dibuat, jumlah telah disebut tetapi sebaik kita terlanjur langkah kita tidak boleh patah balik. Sebab itu kalau benar Yang Berhormat Menteri beri perakuan itu langkah yang .....

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Batu Pahat bagi jaminan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Pahat tidak boleh bangun lagi, Yang Berhormat Batu Pahat.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** ... lalah yang perlu disegerakan ialah untuk menangguhkan semua pelaksanaan sehingga semua permasalahan dibangkit itu dikaji semula. Penangguhan, pelaksanaan untuk beberapa ketika sehingga semua permasalahan yang dibangkitkan itu diteliti semula untuk menyelamatkan wang negara dan tidak memperkayakan dua tiga kerat kroni.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan Tuan Pengerusi tambahan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** [*Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur matikan *mic*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi saya memang mengalu-alukanlah bukan kerana desakan tetapi juga kita melihat kepentingan negara itu lebih utama daripada kepentingan yang lain-lain. Saya setuju walaupun kerajaan pada peringkat awal bersetuju untuk memberi kepada TM dengan harga RM11 bilion. Kita harus melihat dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri, saya *salute* Yang Berhormat Menteri bahawa kita sanggup *review*. Kalau boleh siapa tidak hendak dikurangkan? Tidak ada yang tidak boleh berubah Yang Berhormat Pokok Sena. Dalam Al-Quran pun tidak boleh ubah, orang lain tidak ikut semua dia langgar juga.

#### ■1530

Ini hakim putus pun boleh kita ambil, apa lagi ini. Belum bagi putus, cuma cadangan. Jadi kita pun memang setuju supaya dapat dikaji supaya penjimatan wang itu kita boleh bahagi-bahagi kepada rakyat khususnya di luar bandar, di Kinabatangan. [*Ketawa*] Lagi hebat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Tuan Pengerusi, saya nak tanya Yang Berhormat Menteri bahawa belanja yang berbilion ini... Saya sambung apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan adakah masih terkongkong kepada asas infrastruktur yang dulu kita bina yang berasaskan secara fizikal iaitu *fiber optic* yang kosnya berbilion-bilion. Memang Yang Berhormat Pokok Sena *out of date* dah. Hari ini orang tidak lagi mengguna, kalau ada *fiber optic* pun sudah berkarat kerana dikorek-korek ke rumah-rumah untuk disambung. [*Ketawa*] Jadi tidak ada pakai lagi, *broadband* hari ini tidak memerlukan *fiber optic* lagi dan kosnya memang murah.

Saya nak tanya adakah ini telah pun dikaji. Saya minta maaf yang ini bukan bidang teknikal, tapi saya tanya kepada menteri kalau boleh dikaji. Terima kasih

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Pengerusi, minta laluan sikit. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya bersetuju dengan rakan-rakan termasuk daripada sebelah pembangkang yang begitu *concern* berhubung dengan kepentingan wang rakyat dan wang negara dalam hal projek ini. Mereka telah menyuarakan perkara-perkara yang menjadi kebimbangan berhubung dengan harga, berhubung dengan penggunaan yang

disebutkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi, TNB punya itu. Saya mendengar pula tadi jawapan Yang Berhormat Menteri, kesediaan beliau untuk membawa perkara ini kepada pihak MOSTI dan pihak-pihak yang berkenaan supaya dilihat secara terperinci.

Saya harap jangan ini menjadi satu perangkap atau hendak dieksploitasi oleh pihak pembangkang seolah-olah idealnya kenyataan menerima segala tuduhan yang dikemukakan itu. *This is not an admission, admission of mistake, not yet*, dengan izin Tuan Pengerusi.

Yang saya faham ialah Yang Berhormat Menteri berkata perkara ini menimbulkan masalah-masalah teknikal, dia perlu merujuk kepada pihak yang pakar. Akan tetapi saya nak bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, kalau sekiranya pihak pakar sama ada dari segi kewangan dan juga dari segi teknikal nanti dapat memberikan justifikasi kepada cadangan yang telah dikemukakan dan keputusan yang dibuat oleh kerajaan, adakah pihak Yang Berhormat Menteri, akan meminta kepada pembangkang supaya menarik balik segala tuduhan-tuduhan itu.

Adakah pihak pembangkang sanggup? Masalahnya sekarang pembangkang ini apabila telah diberikan hujah, diberikan jawapan yang tepat, yang benar, masih juga berdegil untuk menerimanya. *This is a problem*. Oleh sebab itu, Yang Berhormat Menteri tolong bertegas dalam perkara ini. Sekian.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi, satu perkara saya nak sebut untuk memberi penjelasan sedikit kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Padang Besar. Dia badan saja besar, kepala pun besar, tetapi akal lemah.

**Seorang Ahli:** Itu sangkaan jahat tu, tidak boleh. Perlu tarik balik.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ini melampau, Yang Berhormat Pokok Sena dah melampau dah ni.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tak perlu cakap begitu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Mana boleh melawak macam itu.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Dia badan besar tapi *smart*, ha itu dia hebat tu.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Tapi kepala saya besar dari kepala *you*.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Bini pun lawa [*Ketawa*] Marah? Tuan Pengerusi, saya nak sebut bahawa kalau kita nak guna *fiber optic* baru, tahun 1994, *fiber optic* kita tanam 1 kilometer RM330,000. Satu kilometer, per kilometer, RM330,000. Itu tahun 1994, sekarang kalau naik 40%, berapa?

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Mungkin RM500 ribu untuk satu kilometer, tidak akan kita nak berbelanja padahal kita tahu *fiber optic* yang ada pada TNB baru berumur beberapa tahun yang kita masih boleh guna sampai 20, 25, 30 tahun. Takkan kita tidak boleh fikir bahawa dalam keadaan kita menghadapi

kesempitan, krisis kewangan, krisis ekonomi. Tidak tahulah ada sesiapa memang ada tujuan untuk dapat habuan daripada projek ini.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** *Broadband* pakai *wireless* saja sekarang.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *Wireless* pun ada, yang sekarang yang telekom buat ini menggunakan *fiber optic*. Dia akan menggunakan *fiber optic*.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Padang Besar dan Yang Berhormat Pokok Sena, sudahlah berdialog.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Menggunakan *fiber optic*...

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh berdialog, silakan menteri. Yang dialog begitu biar di luar legar nanti. Menteri, sila.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Pengerusi, kita akan mengkaji perkara ini dan sekiranya ada alternatif yang dapat memberi faedah dari segi kos, kita memang akan mempertimbangkan. Ini kerana kita akan mengkaji semua alternatif dan jika ada alternatif yang lebih baik, kita akan terima sebab tujuan kerajaan ialah untuk melaksanakan projek-projek dengan kos yang minimum. Itu memang satu objektif Kerajaan Barisan Nasional .

Yang Berhormat Batu Pahat telah membangkitkan isu berkenaan pembayaran balik cukai yang terlebih bayar. Sehingga 2 November 2008, jumlah cukai yang telah dibayar balik ialah sebanyak RM5.5 bilion dengan melibatkan 483,292 kes. Manakala dalam tahun 2007 untuk tempoh yang sama, 349,984 kes telah dibayar balik yang melibatkan RM4.3 bilion.

Yang Berhormat Batu Pahat juga telah menyentuh mengenai pembangunan Langkawi yang seolah-olah tidak mendapat perhatian yang khusus. Saya ingin menegaskan bahawa pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan utama merupakan satu strategi utama Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Kedah untuk memastikan bahawa Langkawi terus kekal sebagai destinasi terpilih pelancongan di rantau ini. Dalam konteks ini, Kerajaan Persekutuan akan berbincang dengan kerajaan negeri untuk melanjutkan akta LADA yang akan tamat pada tahun 2010.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Minta laluan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya habiskan satu ayat. Berhubung dengan isu bangunan terbiar, pihak LADA telah menyediakan peruntukan untuk penyelenggaraan sebanyak RM5 juta setahun. Sekiranya jumlah ini tidak mencukupi, kerajaan akan menambah peruntukan untuk tujuan ini. Terima kasih

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Terima kasih , Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan LADA ini, semasa di Langkawi baru-baru ini saya telah dibawa melawat ke satu Kompleks LADA yang dibina di atas tanah yang ditambah, laut yang ditambah.

Jadi peniaga-peniaga kecil dalam bazar yang sebelum ini letaknya di tengah-tengah Pekan Kuah ini telah dipindahkan ke kompleks yang baru ini di mana kompleks ini jauh daripada pekan dan jauh daripada destinasi pelancongan yang biasa. Ini menyebabkan mereka mengalami kerugian dan sekarang ini hanya tinggal 10 peniaga yang masih lagi berani meneruskan perniagaan di kompleks itu.

Kenapakah perkara-perkara ini boleh berlaku? Saya difahamkan kompleks itu dibina untuk memberi peluang perniagaan kepada kroni. Jadi minta penjelasan [*Dewan riuh*]

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Pengerusi, peniaga-peniaga di gerai-gerai yang bertaburan di Pekan Kuah telah dipindahkan ke kompleks yang menyerupai Pekan Rabu di pinggir Pekan Kuah yang telah siap sepenuhnya. Selain daripada memberi keselesaan kepada peniaga-peniaga dan pelanggan, ia juga dapat memberi peluang kepada pihak Majlis Daerah untuk membaik pulih kawasan pekan Kuah. Itu tujuannya. Niatnya memang baik, tapi kalau ada masalah kita akan menyelesaikannya. Yang Berhormat Bandar Tun Razak telah membangkitkan isu berhubung...

■1540

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Penjelasan. Penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Bagi peluang dulu kepada Yang Berhormat Menteri untuk berikan jalan dahulu.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri belum jawab lagi!

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ini yang pasal Langkawi tadi sebab ia sudah melompat, Tuan Pengerusi. Jadi sebelum itu saya kena mencelah dahulu. Mengenai Langkawi ini, hari itu saya sempat singgah di Pulau Dayang mengandungi ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dayang Bunting! [*Ketawa*]

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ha, Dayang Bunting.

**Beberapa Ahli:** Tarik balik. Tarik Balik.

**Tuan Pengerusi:** Tak mengapalah, “mengandung” dengan “bunting” itu samalah, serupa.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Samalah. Istilahnya sama.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Dayang Bunting, ya. Memang menarik tempat tersebut terutama yang tidak dapat anak bolehlah pergi. Saya rasa tempat itu memang menarik dan saya rasa perlu diupgradakan kemudahan di situ terutama yang hendak minum air itu, saya rasa mungkin boleh diperbaiki kemudahan di tempat tersebut. Tempat ini seolah-olah tidak diberikan perhatian sebenarnya sekarang ini berbanding sebelum ini, iaitu waktu Yang Berbahagia Tun Mahathir. Saya hendak beritahu Yang Berhormat Padang Serai dekat Pulau Dayang Bunting ini ada dinosaur. [*Ketawa*]

**Seorang Ahli:** Main-main.

**Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Boleh Yang Berhormat Menteri jawab sekali?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Kita akan memberi perhatian kepada Pulau Dayang Bunting.

**Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Menteri, jawab sekali mengenai isu LADA. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya anak jati Langkawi. Jadi, punya autoriti untuk bercakap. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan Menteri Besar Kedah, kalau tidak silap saya dalam Enakmen LADA ini dikatakan sebagai Pengerusi bersama. Jadi, selepas Pakatan Rakyat mengambil alih kepimpinan di peringkat negeri ini, sejauh manakah mesyuarat di peringkat LADA ini antara Menteri Kewangan dengan menteri besar yang dijadikan Pengerusi bersama ini diadakan selepas daripada pilihan raya yang lalu. Minta penjelasan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Mengikut Akta LADA Pengerusi bersama ialah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bukan Menteri Kewangan. Kita sedang cuba untuk mencari satu tarikh untuk mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah LADA dengan secepat mungkin.

Yang Berhormat Bandar Tun Razak telah membangkitkan isu berhubung dengan peranan PUNB. Kerajaan akan mengambil langkah untuk mempergiatkan lagi peranan PUNB dalam usaha melahirkan lebih banyak lagi usahawan bumiputera. Satu bidang yang telah diceburi oleh PUNB adalah bidang runcit melalui PROSPER iaitu Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan. PUNB telah berjaya mewujudkan 1,620 perniagaan yang membabitkan 3,700 usahawan dalam bidang peruncitan termasuk kedai perkakasan, bengkel dan tekstil. Selain itu PUNB juga sudah mula memainkan peranan dalam bidang pemborongan dan pengedaran khususnya dalam sektor pembinaan di mana 59 peniaga telah mendapat manfaat. Di samping itu Skim PROSPER Siswazah bagi usahawan siswazah telah memberi peluang kepada 320 siswazah untuk memulakan perniagaan.

Yang Berhormat Bandar Tun Razak juga telah membangkitkan isu tentang pertindihan dalam usaha pembangunan usahawan di pelbagai kementerian. Kerajaan akan mengambil langkah untuk memastikan bahawa bantuan dan sokongan kerajaan diagihkan secara lebih saksama melalui penyelarasan di antara agensi-agensi yang terlibat.

Yang Berhormat Kinabatangan telah membangkitkan isu tentang COLA sebanyak RM300 yang dibayar kepada kakitangan kerajaan. Sukacita dimaklumkan bahawa pada masa ini COLA sebanyak RM300 adalah sama untuk mereka yang tinggal di bandar besar atau bandar kecil. Yang dibezakan ialah mereka yang diberi kuarters rumah rasmi kerajaan hanya dibayar 50%. Yang Berhormat Kinabatangan telah mencadangkan bahawa semua termasuk mereka yang mendapat rumah rasmi dibayar sebanyak RM300. Rasional kita untuk membayar hanya 50% kepada mereka yang disediakan rumah rasmi dan rasional COLA RM300 ini ialah juga untuk membayar sewa dan mereka yang mendapat kuarters tidak perlu membayar sewa.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menjawab beberapa soalan lain yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Tumpat telah membangkitkan isu apakah dan kenapakah kerajaan terlibat dalam pembinaan Kampus New Castle, adakah ia dilaksanakan dalam bentuk pinjaman atau geran. Sebahagian daripada pembiayaan pembinaan Kampus New Castle di Wilayah Iskandar adalah melalui dana yang dikenali sebagai Dana Pelaburan Strategik yang telah disediakan oleh kerajaan. Penubuhan dana tersebut adalah bagi tujuan pelaburan secara usaha sama dengan syarikat swasta untuk melonjakkan pelaburan dalam *cluster* industri baru terutamanya dalam bidang pengajian tinggi swasta dan kesihatan.

Pembinaan kampus tersebut adalah terletak di kawasan yang dikenali sebagai NUCT. Pembangunan NUCT ini diterajui oleh *Iskandar Investment Bhd.* sebelum ini dikenali sebagai *South Johor Investment Corp. Bhd.* di mana pemegang sahamnya terdiri daripada Khazanah Nasional Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor. Di dalam projek ini kerajaan telah menyalurkan geran sebanyak RM200 juta kepada Khazanah Nasional Berhad.

Yang Berhormat Rembau telah membangkitkan isu tentang bantuan untuk IWK sebanyak RM250 juta. Kerajaan berpendapat perkhidmatan yang disediakan oleh IWK adalah merupakan perkhidmatan yang diperlukan untuk keselesaan orang ramai dan dianggap *public goods*. Pada masa ini kadar caj yang dikenakan adalah munasabah dan tidak membebankan orang ramai. Walau bagaimanapun pihak IWK mengalami kesukaran untuk mengutip caj-caj yang dikenakan kepada pengguna. Bagi membantu syarikat melaksanakan obligasinya untuk menyediakan perkhidmatan pemetungan, kerajaan perlu membantu syarikat membiayai sebahagian daripada kos operasi dan kos dalam penyediaan infrastrukturnya. Sebagai pelan tindakannya IWK akan terus menjadi syarikat kerajaan untuk melaksanakan fungsi perkhidmatan pemetungan dan akan berpindah ke rejim baru perkhidmatan air negara di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 apabila tiba masanya.

Yang Berhormat Machang telah bertanya tentang jenis latihan yang ditawarkan oleh INSPEN...

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan IWK, tadi Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa kerajaan telah menganggap ini sebagai satu *public goods*. Ada dua persoalannya di sini.

Pertamanya apakah pendirian kerajaan, adakah kerajaan bersedia untuk menyerapkan pembayaran IWK ini dalam bayaran kepada cukai taksiran PBT? Ini kerana Yang Berhormat Menteri sendiri tahu bahawa begitu sukar untuk mengutip bayaran-bayaran dan sekarang ini saya ingat ada ratusan ribu pengguna IWK yang ada tunggakan kepada IWK.

Kedua, sekarang ini juga ada ramai pengguna yang mendapat notis meminta bayaran balik kepada IWK ini dan banyak kes. Kalau semua kes hendak dibawa ke mahkamah saya

ingat ratusan ribu kes. Jadi, adakah kerajaan bersedia untuk menstrukturkan semula? Apakah pendirian kerajaan dan adakah kerajaan akan *write off* semua tunggakan ini atau apa tindakan daripada pihak kementerian? Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Kerajaan sedang mengkaji sama ada isu IWK ini patut diserapkan sekali dengan bil air. Ini akan menyelesaikan satu isu logistik dalam pengutipan bil untuk IWK.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri, sejak mengadakan sistem pemetungan yang dikendalikan oleh Indah Water dan selepas itu diambil alih oleh pihak kerajaan. Kita telah jelas tahu bahawa orang ramai membantah perkhidmatan yang dikendalikan oleh Indah Water. Yang Berhormat Rasah telah membangkitkan satu isu yang sangat penting. Sekarang Indah Water memerlukan bantuan kerajaan kerana orang ramai enggan membayar. Kononnya mereka tidak bersetuju dengan sistem pemetungan yang dikendalikan oleh Indah Water ini.

■1550

Bukankah bagi mengelakkan segala kesulitan meringankan segala beban dan tanggungan orang ramai, Indah Water sepatutnya dihapuskan? Kembalikan kepada sistem sebelum ini di mana ia di bawah pengendalian pihak berkuasa tempatan. Jika orang ramai semua bersatu padu, enggan membayar dan enggan menghadiri mahkamah, berapakah kosnya yang perlu diambil dan masa yang diambil? *Backlog cases!*

Jadi, bukan sahaja mengkaji semula keseluruhan sistem ini, sebenarnya sudah sampai masa untuk membatalkan sistem pemetungan yang dikendalikan oleh Indah Water. Satu kali dipanggil untuk pam, dia kata tak payah bayar, tak perlu bayar. Selepas itu akaun sudah dibuka, setiap bulan kena bayar. Isu ini telah banyak kali dibangkitkan dan ini salah satu isu.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat salah satu isu di mana Barisan Nasional kalah di kerajaan negeri [*Dewan riuh*] Perak! Kerajaan Negeri Perak inilah salah satu isu. Jadi saya rasa Yang Berhormat Menteri memang faham perasaan orang ramai. Bangkitkan perkara ini, hapuskan Indah Water. Itulah pendirian orang ramai. Kalau prihatin mahu meringankan tanggungan orang ramai, saya pohonlah Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Yang Berhormat Menteri, saya ada sedikit hendak tanya. Lari sedikit daripada Yang Berhormat Batu Pahat yang agak ekstrem tadi.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Batu Gajahlah bukan Batu Pahat. [*Dewan riuh*][*Ketawa*] Tarik balik! Tarik balik!

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Sama kepala batu, sama kepala batu ini. [*Dewan riuh*][*Ketawa*] Minta maafah.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Batu Pahat *go straight*, mana ada ekstrem? [*Ketawa*] *No extreme!*

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa ada usaha untuk dicantumkan agar bil Indah Water ini diserapkan ke dalam bil air apabila air ini distrukturkan semula dengan suruhanjaya dan sebagainya. Adakah ini untuk memberi ruang kepada kerajaan ataupun pihak-pihak tertentu nanti apabila pelanggan tidak bayar bil Indah Water ini supaya mereka dapat tutup *supply of water* terhadap rumah tersebut? Adakah ini satu cadangan untuk memaksa pembayaran bil tersebut agar *supply of water* itu ditutup bagi mereka yang tidak membayar bil Indah Water? Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Pengerusi, kerajaan kita Kerajaan Barisan Nasional. Tiap-tiap langkah yang kita ambil ialah untuk dari segi keselesaan rakyat [*Disampuk*] Memang bukan tujuan kita hendak tutup air yang akan mengakibatkan kesusahan dan keresahan kepada rakyat. Kita akan melakukan dalam penstrukturan semula IWK dan kita memang akan melakukan yang terbaik untuk menyelesaikan isu-isu yang telah timbul dalam perkara ini.

Yang Berhormat Machang telah bertanya tentang jenis latihan yang ditawarkan oleh INSPEN. Program yang ditawarkan adalah Sijil Penilaian Harta Tanah yang bermula sejak tahun 2004 dan Sijil Pengurusan Harta Tanah program baru yang bermula tahun 2008.

Yang Berhormat Ipoh Barat telah membangkitkan perkara mengenai pemberian bantuan bayaran bil elektrik kepada pihak berkuasa. Pemberian bantuan bayaran bil lampu jalan dan lampu isyarat pihak-pihak berkuasa tempatan berkuat kuasa mulai tahun 2008. Bantuan yang diberikan adalah sebanyak 50% dan kerajaan tidak menganaktirikan mana-mana negeri di bawah Pakatan Rakyat tentang perkara ini. Negeri Kelantan yang mempunyai bilangan PBT 12 dapat bantuan, Perak – 15 dapat bantuan, Pulau Pinang – 2 dapat bantuan, Selangor -12 dapat bantuan. Hanya Kedah belum membentangkan laporan. Sabah, Johor dan Perlis juga belum membentangkan laporan. Negeri-negeri lain semuanya diberikan bantuan.

Yang Berhormat Machang juga telah bertanya kenapa peruntukan tambahan diberikan kepada Bank Simpanan Nasional? Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah meluluskan sejumlah RM69.9 juta sebagai suntikan modal di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan untuk menaik taraf infrastruktur sistem teknologi maklumat Bank Simpanan Nasional. Peruntukan tersebut adalah untuk membangunkan dan menggantikan sistem *core banking* yang sedia ada di mana tidak lagi efektif dan terbatas keupayaannya selaras perkembangan dengan sistem kewangan negara.

Yang Berhormat Rasah memohon penjelasan mengenai butiran pengurusan kewangan strategik. Butiran pengurusan kewangan strategik adalah bahagian yang bertanggungjawab membangunkan dan mempertingkatkan sistem pengurusan kewangan sektor awam melalui pendekatan *result's base* untuk mencapai matlamat strategik negara dan meningkatkan *governance* pengurusan kewangan supaya ekonomi negara diuruskan dengan lebih cekap dan berkesan.

Yang Berhormat Rasah juga telah membangkitkan isu Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan kenaikan kadar pemberian mengikut bilangan penduduk, *capitation grant* dan pemberian lain. Semua pemberian kepada kerajaan negeri dikaji dari semasa ke semasa dengan persetujuan bersama Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri melalui Majlis Kewangan Negara. Pemberian penyelenggaraan jalan negeri, semakan peluasan skop jalan telah dilakukan pada tahun 2007 iaitu jalan izin lalu di bawah kategori jalan kampung kini layak menerima pemberian ini. Pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi, infrastruktur dan kesejahteraan hidup telah disemak dengan kenaikan kadar pemberian kepada RM290 juta daripada RM170 juta pada tahun 2005. Pemberian pertambahan hasil, semakan pada tahun 2006 iaitu kenaikan kadar daripada RM150 juta kepada RM250 juta.

Pemberian tahunan kepada pihak berkuasa tempatan, geran tahunan berasaskan kaedah keseimbangan semakan pada tahun 2006, iaitu kenaikan kadar daripada RM84.6 juta kepada RM236.4 juta. Bantuan pemberian baru pada tahun 2008 iaitu pemberian bantuan Kerajaan Persekutuan bagi membayar bil-bil elektrik pihak-pihak berkuasa tempatan yang saya sebutkan tadi. Kalau perlu, Kerajaan Persekutuan akan senantiasa mengkaji perkara ini supaya sumbangan dan peruntukan yang mencukupi diberi kepada semua kerajaan negeri. Ahli Yang Berhormat Baling telah membangkitkan...

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Penjelasan. Bolehkah saya dapatkan penjelasan bahawa pemberian kadar mengikut kepala iaitu *capitation grant*. Adakah pemberian mengikut orang itu akan dipertingkatkan kerana kalau tidak silap saya, sekarang setiap kepala diberikan peruntukan RM8.50, kalau tidak silap sayalah mengikut Perlembagaan. Adakah kadar itu akan dinaikkan supaya hasil kerajaan negeri dapat dipertingkatkan.

Yang keduanya, saya juga hendak dapatkan penjelasan kerana di dalam perbahasan saya ada membangkitkan isu *special draw*. Saya berharap Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan. Apakah rasionalnya kerajaan memberikan kebenaran kepada syarikat 4D, membenarkan *special draw* ini? adakah ia akan dibatalkan? Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Berhubung dengan isu *capitation grant*, kita akan membawa perkara ini kepada Majlis Kewangan Negara yang akan bersidang nanti untuk membuat keputusan dengan peningkatan kadar *capitation grant* sebab...

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Penjelasan. Terima kasih. Ini saya ingin menyentuh dan bertanya mengenai dengan soal *capitation grant* ini. Bagi soal di Sabah ini Tan Sri, adakah kerajaan mengambil kira kehadiran PTI yang begitu ramai sebab apa pun, mereka ini menjadi tanggungan kepada negeri berkenaan. Jadi kita tidak tahu apakah asas pengiraan ataupun penjumlahan *capitation grant* kepada Sabah. Selain daripada PTI, ada juga mereka yang telah menjadi warganegara baru walaupun banyak yang dipertikaikan dari segi kesahihannya, sama ada mereka ini diambil kira apabila dihitung *capitation grant* ini kepada negeri Sabah. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Saya akan memberi secara bertulis jawapan untuk soalan itu kerana saya tidak ada *detail* butir-butir berhubung dengan *capitation grant*. Ahli Yang Berhormat Baling telah membangkitkan beberapa isu.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Minta maaf Yang Berhormat, *special draw* itu.

■1600

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ya. Saya akan jawab kemudian. Ada satu seksyen. Membangkitkan isu mengenai faedah yang diperolehi daripada penjualan saham dalam Bank Islam Malaysia kepada Dubai Investment Group, pengurusan Bank Islam yang tidak menunjukkan prestasi yang baik dan kenapa sebanyak 18 cawangan syarikat Takaful Malaysia ditutup.

Kehadiran Dubai Investment Group (DIG) dalam mengambil alih saham Bank Islam telah memberikan sokongan kewangan yang kukuh kepada Bank Islam terutamanya dari segi kedudukan modal bank. Penjualan ekuiti dan seterusnya suntikan modal telah meletakkan Bank Islam ke tahap kewangan yang lebih kukuh dan membolehkan bank tersebut untuk memperbaiki operasi dan pegangannya. Sama ada Dubai Investment Group (DIG) ini boleh memainkan peranan yang lebih penting, saya telah berjumpa dengan pihak Dubai Investment Group bulan lepas dan telah membangkitkan isu ini sebab ada pendapat bahawa mereka tidak memainkan peranan yang cukup dan saya telah membawa perkara ini kepada Dubai Investment Group supaya mereka dapat memainkan peranan yang lebih penting dalam sistem urusan dan perkembangan Bank Islam supaya Bank Islam dapat menjadi sebuah bank yang terkemuka di rantau ini.

Usaha-usaha juga telah diambil dan dipertingkatkan untuk memperbaiki tadbir urus Bank Islam Malaysia terutamanya dari segi pemantauan di peringkat lembaga pengarah dan pengurusan atasan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Pokok Sena, Yang Berhormat.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tan Sri Menteri. Berkaitan dengan Dubai Investment Group yang mengambil alih Bank Islam. Tadi di awal jawapan Tan Sri Menteri mengatakan bahawa dalam sistem kewangan Islam ini kita antara yang awal mempelopori dan kita memang ke arah hendak eksport kita punya kepakaran dan kemahiran kita, tetapi berlaku sebaliknya sekarang ini, orang lain pula datang untuk ambil kita punya kepakaran yang telah kita bina, dia kuasai bank kita. Jadi saya tengok macam ada sedikit *contradict* dalam hal strategi kita ini.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Tidak ada *contradiction* langsung sebab kita minta Dubai Investment Group datang memegang syer dalam

Bank Islam, satu supaya ia tidak pergi ke tempat lain, Singapura misalnya, mungkin sebab ia ada banyak pilihan dan kita mahu ia datang ke tempat kita, tetapi tujuan utama kita ialah kita hendak menggunakan Dubai Investment Group supaya kita dapat memasuki pasaran-pasaran di Timur Tengah. Itu tujuan kita sebab ia ada hubungan yang lebih menyeluruh, hubungan yang lebih baik di Timur Tengah dan kita ingin menggunakan *networking* Dubai Investment Group untuk tujuan yang memberi *win-win situation* kepada semua.

Yang Berhormat Baling juga telah menimbulkan isu tentang penutupan cawangan-cawangan Syarikat Takaful Malaysia Berhad. Saya di...

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Penjelasan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ya.

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Yang saya juga ingin mendapat penjelasan apabila melihat dengan penjualan 40% saham kepada DIG, kita mengharapkan pelaburan mereka yang akan membawa keuntungan dan juga untuk mengalirkan kewangan itu kepada sokongan daripada Arab. Cuma persoalan di sini ialah kita sebenarnya kita belum dapat apa-apa lagi urusan dagangan daripada DIG dengan Bank Islam tetapi pihak DIG sudah pun mendapat keuntungan daripada pelaburan mereka itu 12%.

Jadi orang kata dalam satu bahasa lain ialah belum apa-apa lagi sudah mendapat pulangan, sedangkan pihak pertama yang melabur, yang menghidupkan Bank Islam ini daripada awal iaitu daripada majlis agama Islam negeri-negeri dan mungkin juga Lembaga Tabung Haji dan juga individu-individu tertentu termasuklah EPF itu sendiri. Daripada Bank Islam ini sendiri apa yang saya dapat difahamkan tidaklah sehebat sebagaimana yang diperolehi oleh DIG.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Isu berhubung dengan pulangan juga bergantung kepada isu masa ataupun isu *timing* bilamana mereka melakukan pelaburan, tetapi yang penting sekali memang DIG melabur dengan objektif, dengan hasrat untuk mendapatkan pulangan dan mungkin pulangan setakat ini ialah 12%.

Saya berpendapat ini satu perkara yang biasa, tetapi yang penting sekali seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Baling tadi ialah sama ada kita dapat mencapai objektif kita menjual 40%. Yang dia dapat untung itu, alhamdulillah, itu memang ia melabur untuk mendapat keuntungan, tetapi kita menjual syer ekuiti kepadanya sebab dengan objektif, satu untuk mendapat *domah* tetapi yang lebih penting untuk menggunakan pengaruh DIG untuk memperluaskan rangkaian atau *networking* kita dan sistem kita ke tempat-tempat di Timur Tengah, di negara-negara Arab. Ini memang kita belum dapat lihat hasil yang elok, hasil yang baik.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Baling bahawa kita harus membawa perkara ini kepada DIG supaya kita dapat kelebihan daripada *joint venture* ini. Saya sendiri telah

membangkitkan perkara ini di Dubai baru-baru ini kepada DIG dan mereka telah bersetuju untuk mencari kaedah untuk menyelesaikan isu ini.

Berhubung dengan cawangan-cawangan Syarikat Takaful, saya diberitahu bahawa Syarikat Takaful Malaysia Berhad, cawangan-cawangan yang telah ditutup itu merupakan sebahagian usaha untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan serta pengawalan kos bagi memastikan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan tidak terjejas mengikut takaful. Langkah rasionalisasi cawangan-cawangan ini hanya melibatkan cawangan-cawangan yang berhampiran antara satu sama lain atau cawangan yang mana lokasinya berhampiran dengan cawangan Bank Islam atau Tabung Haji. Walau bagaimanapun, saya telah memperingatkan Takaful supaya lebih berhati-hati dalam isu penutupan cawangan-cawangan Takaful pada masa hadapan.

Ahli Yang Berhormat Arau telah membangkitkan isu berhubung dengan mesin pengimbas Kastam Diraja Malaysia.

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Penjelasan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ya.

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Persoalan yang ditimbulkan mengenai dengan pembayaran dividen. Sejauh apa yang kita fahami bahawa sejak dari 2007, dividen tidak dibayar berasaskan kepada apa yang telah ditetapkan dalam skim mudarabah sebab apa yang saya timbulkan semalam ialah walaupun penjelasan itu pada sesi soal jawab lisan pada beberapa ketika yang lalu dijelaskan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri, kita bayar 15%, tetapi kalau kita tetapkan 15%, ia tidak lagi berasaskan mudarabah.

Jadi apakah penetapan 15% ini pihak Takaful telah pun mendapat kepastian ataupun kelulusan daripada lujnah syariahnya dan sebagainya yang boleh tetap *percent* itu sendiri dalam keadaan yang begitu. Jadi kalau kita tetap 15% dan bagi apa yang saya faham, bukan mudarabah dalam Islam kalau kita tetap macam itu. Begitu juga tentang keuntungan yang diperolehi daripada pelanggan-pelanggan Takaful itu sendiri yang tidak mengisi borang, yang tidak membuat permohonan dan sebagainya. Ke mana Takaful agihkan atau letakkan keuntungan itu tadi sedangkan keuntungan ini hak kepada pelabur. Kalau dari segi syariah.

Jadi kalau saya sebagai pelanggan, maknanya hak saya di situ, tetapi apabila saya tidak isi borang, saya tidak nampak ke mana duit itu pergi sedangkan itu hak saya. Begitu juga penjelasan setakat yang saya ikuti dengan Takaful ini sendiri, kita tidak pernah terima Takaful ini untuk dari sudut memberi notis dalam keadaan yang cukup *basic*, memberi notis untuk tempoh akhir, tamat insurans atau tamat tadi itu.

■ 1610

Jadi apabila sudah tamat tempoh dalam tempoh sekian-sekian, kita tidak diberi notis, tidak tahu sedangkan kalau kita banding dengan insurans-insurans lain mungkin lagi dua minggu

atau sebulan, dia sudah bagi tahu bahawa insurans kamu akan berakhir sekian, sekian untuk minta diperbaharui. Ini bagi saya Takaful ini kalau macam ini kedudukan dia jadi kita akan banyak hilang pelanggan. Jadi, terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat Baling, saya akan membincang perkara ini dengan lebih lanjut dengan Takaful dan saya setuju bahawa untuk tidak membayar kepada pihak yang berhak hanya kerana mereka tidak mengisi borang adalah tidak adil dan saya akan bincang dengan Takaful dan akan memaklumkan balik kepada Yang Berhormat Baling.

Ahli Yang Berhormat Jasin telah membangkitkan isu defisit 4.8% walaupun perlu disokong, mengikut Yang Berhormat Jasin bagi menjana pelaburan awam dan swasta bagi mengerakkan ekonomi harus dipastikan tidak berterusan kerana dikhuatiri akan menambah jumlah hutang negara. Kita setuju dan falsafah kita ialah ada masa untuk defisit yang tinggi, ada masa untuk kita mengurangkan defisit dan kita telah menunjukkan melalui komitmen kita sejak tahun 2000 semasa kegawatan ekonomi tahun 1997, tahun 1998 kita terpaksa membelanjakan lebih untuk kembalikan keyakinan pelabur dan defisit telah meningkat kepada 5.5% pada tahun 2000 dan kita telah memberi komitmen bahawa kita akan menurunkan defisit setapak demi setapak dan kita telah mencapai hasrat itu dari 5.5% pada tahun 2000 kepada 3.2% pada tahun 2007. Dan sebenarnya objektif kita ialah 3.1% pada tahun 2008 tetapi keadaan dunia telah berubah dan kita terpaksa belanja lebih, defisit bajet 4.8% tetapi kita akan menurunkan kembali defisit ini seperti yang kita lakukan sebelum ini.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita dapat lihat bahawa kegawatan kita ini *cyclical*, 1973-1974 Perang Teluk, 1984-1985 kenaikan minyak, 1997-1999 kegawatan mata wang. Selepas 10 tahun dia berlaku lagi kerana ada *bubble*. Saya hendak tanya pertamanya kita punya defisit sekarang yang kita anggarakan dari 4.8% pada tahun akan datang. Sekiranya keadaan krisis ekonomi ini akan berlarutan bukan sahaja kita akan menerima impak sekarang secara *direct*. Adakah kita bersedia untuk melebarkan lagi defisit kita yang mungkin akan menjejaskan prestasi kewangan dan juga ekonomi kita?

Yang keduanya, seperti saya sebut tadi *cyclical*, ada tidak kerajaan membuat satu persediaan tentang apa juga yang akan berlaku supaya pengurusan kewangan kita tidak terjejas. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Memang benar secara kebetulan nampaknya tiap-tiap 10 tahun ada krisis di dunia dan saya berpendapat bahawa krisis ini berlaku sebab pada masa ini pasaran dunia kewangan khususnya dan ekonomi amnya, dua faktor yang penting dalam pergerakan sistem kewangan ialah ketamakan satu, ketamakan yang tidak berketepian dan ketakutan. Ketakutan yang tidak berasas dan tiap-tiap 10 tahun selepas semasa tahun 1997-1998, *hedge fund* khususnya telah menjalankan spekulasi dengan sedemikian rupa untuk

mendapat begitu banyak untung berasaskan kepada ketamakan. Tetapi yang sedihnya Tuan Pengerusi, yang sedih dan malangnya, jumlah keuntungan yang diperolehi oleh *hedge fund* ini mungkin RM10 bilion, RM20 bilion untung dia, tetapi kerugian bagi negara-negara yang dilanda krisis, Indonesia dan Thailand, Korea berjumlah beratus-ratus bilion.

Jadi ini adalah satu perkara yang malang dan kemudian semasa krisis sekarang, krisis ini berlaku di dunia, di Amerika Syarikat dan Eropah kerana ketamakan mereka yang menguruskan sistem kewangan sebab mereka ingin dapat untung, bonus 24 bulan dan gaji yang banyak, mereka mengeluarkan macam-macam produk berasaskan kepada ketamakan. Dan selepas menjadi krisis, faktor lain pula mengambil tempat ketamakan iaitu ketakutan. Mereka takut untuk memberi pinjaman, mereka takut untuk melabur, mereka takut untuk beli rumah dan macam-macam ketakutan. Jadi di antara ketamakan dan ketakutan berlakulah krisis tiap-tiap 10 tahun. Tetapi yang penting dari segi untuk kita untuk mengelakkan perkara seperti ini dalam dunia, kita memerlukan satu lagi faktor yang lebih kuat, lebih pengaruh berbanding dengan ketamakan dan ketakutan. Apa dia faktor itu?

Tuan Pengerusi, saya berpendapat ialah faktor idealisme. Kalau kita mempunyai idealisme dan kita mempunyai pelan alternatif yang lain dan kita mempunyai sistem perbankan Islam misalannya. Kita dapat keluar dari kitaran ganas, ketakutan, ketamakan yang membawa satu kitaran ganas dan kita harus berusaha untuk mengeluarkan diri dari kitaran ganas ini. Terima kasih.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Tahniah kepada Yang Berhormat menteri kerana dapat memberikan penjelasan yang cukup baik sekalilah. Hanya satu pertanyaan saya, kerajaan sekarang sedang berusaha untuk merencanakan lagi *domestic consumption* supaya ini satu daripada *drivers* untuk kita menjana pertumbuhan. Jadi apa yang kerajaan buat iaitu pakej rangsangan cukup bertepatan sekali walaupun pembangkang memang cukup tidak setuju kerana kita akan beri satu istimewa kepada rakyat. Adakah kerajaan bersedia sekiranya perlu pakej rangsangan ini ditambah supaya kita boleh rancakkan lagi *domestic consumption*. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Yang Berhormat Jasin, memang pakej rangsangan ini adalah satu dengan izin, *work in progress* dan diberi pertimbangan dan mencari jalan lain juga, mencari alternatif lain, mencari projek-projek lain supaya kita sentiasa mencari alternatif lain untuk memastikan bahawa dalam keadaan macam mana pun kita dapat mempertahankan ekonomi kita.

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya setuju bahawa dalam keadaan krisis sesebuah negeri mestilah ada satu defisit *expansionary*, satu bajet defisit di mana perbelanjaan adalah melebihi hasil daripada apa yang didapati oleh kerajaan. Tapi kerajaan kita selama 12 tahun ini berturut-turut ada satu defisit iaitu pada tahun yang di mana ekonomi adalah lebih baik, kita pun ada defisit, pada tahun yang tidak

baik pun ada defisit. Adakah ini bercanggah dengan prinsip di mana *in the long run* kita patut ada satu *balance* bajet, lebih-lebih lagi pendapatan negara kita bukannya meningkat secara organik?

Kalau pendapatan negara kita meningkat secara organik, defisit boleh meningkat oleh sebab ada krisis tetapi pendapatan negara kita amat bergantung pada harga petroleum dan gas. Dari sejak 2002 sehingga sekarang pendapatan daripada petroleum dan gas telah meningkat dari bawah RM20 bilion ke RM75 bilion yang dianggarkan dalam belanjawan tahun hadapan.

■1620

Walaupun wang yang didapati oleh kerajaan meningkat dengan hebat sekali, dengan dahsyat sekali tapi defisit makin kian meningkat. Adakah perbelanjaan negara kita ini macam tak berapa seimbang, *too expansionary* ataupun ada *waste* dalam perbelanjaan kita yang akan membawa kesan-kesan yang tidak baik pada masa yang akan datang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri, saya tertarik hati dengan pandangan Yang Berhormat Menteri mengenai *the causes of the economic crisis* di Amerika Syarikat iaitu *somewhere between* ketakutan dan ketamakan. *While I agree with you there are some of these are right* dengan izin tapi pada pandangan saya, masalah ekonomi sekarang adalah sebenarnya *the crisis of liberalization and sometimes over liberalization* khususnya *financial sector liberalization*.

Soalan saya ialah kalau kita ambil pandangan saya dan juga pandangan beberapa orang ahli ekonomi dan juga Presiden Sarkozy sekarang yang hendakkan satu *financial architecture* yang baru. *Why is the Malaysia government wants to further liberalize of financial sector* khususnya pendesakan daripada Amerika Syarikat menerusi Malaysia US FTA dan juga daripada pihak Eropah menerusi EU ASEAN FTA, itu satu. *If you are very concern about* ketamakan dan ketakutan, kerajaan Malaysia mungkin mesti cadang untuk *bank short selling* dalam masa krisis yang kita *experience* pada masa kini. Sekian, terima kasih.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Kalau saya boleh lanjutkan sikit saja lagi. Dalam ramalan menteri, apakah kita terpaksa menghadapi krisis ini yang *recoverynya* bukan *V-shape* tetapi *U-shape* dengan kata lain mungkin anggarannya mungkin sepanjang 18 bulan. Maka apakah rangsangan yang dikemukakan tempoh hari dan juga hingga hari ini tidak jelas mana datangnya dana itu, kecuali dikatakan sebagai penjimatan *fuel subsidy* itu. Itu pun atas pada awalnya kehilangan RM20 bilion hasil akibat daripada *crude oil*, minyak mentah dan juga CPO.

Jadi saya masih khawatir Yang Berhormat Menteri sebab saya tekun mendengar pandangan-pandangan Yang Berhormat Menteri tadi, saya cukup memahami keprihatinan menteri. Akan tetapi langkah-langkah ini dan paling utama adalah kerana kejatuhan nilai mata wang ringgit. Dalam suasana Amerika menghadapi krisis, kita sudah kehilangan tak silap saya dalam dua minggu yang lalu *to the extend of 7.3 percent* nilai mata wang kita berbanding dolar yang sedang *having a free fall*.

Jadi itu juga akan menjejaskan perkara yang Tan Sri sebutkan lebih awal tadi tentang *confidence, the entire thing was building confidence* tetapi dengan nilai mata wang ringgit kita terus jatuh dan dengan fiskal defisit yang pastinya melebar, yang dengan *commodity prices going down*, apa yang boleh Tan Sri yakinkan kami? Bahawa *we going overcome this rough time* dengan suasana yang hanya dengan *stimulus* yang ada ini. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Pengerusi, berhubung dengan soalan Yang Berhormat Klang tadi, memang perkara yang dibangkitkan adalah benar. Satu faktor yang menyebabkan krisis pada hari ini ialah dengan izin *over liberalization* dan *over liberalization* adalah akibat daripada ketamakan sebab sektor kewangan begitu tamak. Mereka memaksa mereka-mereka yang berkuasa untuk melakukan satu *liberalization* dengan sedemikian rupa untuk mereka mengeluarkan, mewujudkan bentuk-bentuk produk *financing* yang pada akhirnya tak masuk akal. Begitu banyak *multiple, leveraging* dan sebagainya.

Juga sistem yang disebut oleh Yang Berhormat Klang tadi tentang *International Financial Architecture* yang wujud pada masa kini dan kita 10 tahun dahulu telah membangkitkan isu ini di merata dunia, di forum antarabangsa, selalu kita bangkitkan isu tentang *International Financial Architecture*. Diwujudkan dengan sedemikian rupa supaya mereka yang berurusan dalam sistem ini berasaskan kepada ketamakan seperti *hedge funds* tidak dikawal selia, satu.

*Rating agency* yang mempunyai pengaruh yang begitu banyak, begitu kuat tidak dikawal selia dalam *international architecture*. Kita minta supaya diwujudkan satu sistem *International Financial Architecture* supaya *hedge funds* dikawal selia sebab mereka kata kita patut *transparent*, kita patut objektif tapi *hedge funds* tak *transparent*, *rating agency* tak *transparent*. Kalau *transparent*, macam mana pula depa boleh bagi *triple rating* untuk produk-produk yang tak masuk akal.

Jadi, perkara ini telah kita wujudkan dan *International Financial Architecture* tidak *transparent* dan diwujudkan dengan sedemikian rupa supaya banyak pihak tidak masuk dalam sistem itu kerana ketamakan. Mereka mahu sengaja atau tak sengaja mereka benarkan banyak pihak untuk dapat untung berdasarkan ketamakan dengan satu sistem yang tak lengkap, yang tak sempurna.

Akan tetapi berita baik sekarang ialah pada 15 hari bulan kita diberitahu bahawa satu majlis akan diadakan di Amerika Syarikat di mana pemimpin-pemimpin dunia akan berkumpul untuk berbincang tentang "*New International Financial Architecture*". Bagus, alhamdulillah. Kita dah sebut 10 tahun dahulu, mereka insaf sekarang tapi kita harap akan wujud satu sistem yang lebih adil dan lebih saksama.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, saya setuju tentang pandangan tentang defisit. Namun selalunya kita juga seperti dipengaruhi oleh satu kumpulan *new liberal* bahawa defisit itu adalah satu benda yang tidak baik dan *surplus* adalah satu benda yang baik. Itu salah sebab defisit, ada masanya defisit adalah satu perkara

yang penting daripada segi pragmatisme dan satu masa di mana defisit adalah tidak begitu sesuai.

Di masa kita susah di masa mana kerajaan harus membangkitkan, meyakinkan pelabur-pelabur dalam masa kegawatan, masa kemelesetan, defisit adalah satu instrumen yang penting. Di masa yang senang, mungkin defisit tidak begitu berguna. Saya tahu Yang Berhormat PJ Utara setuju dengan pandangan ini. Saya sebut satu perkara yang kita sama-sama bersetuju.

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Adakah kita 12 tahun berturut-turut tidak baik ekonomi kita?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Dalam perkara sekarang, dalam banyak *financial literature* pada masa ini, sudah wujud satu konsep baru Yang Berhormat, iaitu konsep *sustainable deficit*. Iaitu ada satu defisit setakat 3% dan untuk negara-negara yang sedang membangun, kita dianggap, satu dunia, bukan kita sahaja. Satu *expert* anggap bahawa 3% itu merupakan satu defisit yang *sustainable*.

Kita telah mengurangkan dengan tekun, dengan komitmen, dengan disiplin, telah mengurangkan daripada 5.5% pada tahun 2000 hingga tahun 2007. Selepas zaman susah ini, kita akan kembali untuk menurunkan defisit kita kepada satu tahap yang rendah.

#### ■ 1630

Yang Berhormat Kuala Selangor tadi telah bangkitkan isu sama ada kerajaan berpendapat tentang tempoh kemelesetan dunia dalam krisis ini sama ada ia 'V' shape atau 'U' shape ataupun 'L'. Dia tempoh macam Jepun, untuk tempoh 10 tahun, 12 tahun shape dia 'L'. Saya tidak anggap krisis ini akan merupakan krisis 'L', lebih mirip kepada krisis 'U'. Mungkin dua tahun atau lebih. Mungkin oleh kerana itulah kerajaan, dan Ahli-ahli Parlimen dari Pembangkang dan NGO, kita semua harus mencari satu kaedah dengan ikhlas dan niat yang baik, supaya kita dapat mengatasi masalah-masalah yang timbul dalam tempoh yang memang mencabar ini. Terima kasih.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih..., boleh?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** [Bangun]

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Mungkin Yang Berhormat Kuala Selangor beranggapan bahawa saya tidak jawab soalan tadi...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya faham. Sedikit sahaja Yang Berhormat Machang boleh, sebelum itu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Persoalan yang saya hendak lanjutkan sedikit adalah *lost the train of thought*... [Ketawa] Tidak disebutkan saya menunggu, *stimulus* itu. Antara lain yang kita baca adalah kepentingan untuk, dalam *stimulus* untuk mengadakan apa yang dikatakan sebagai open tender sebagai satu daripada yang mengelakkan ketirisan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Saya setuju Yang Berhormat Menteri jawab tadi. Ia perlu merupakan satu *equality deficit*, *sustainable deficit* tetapi tidak caranya sehingga kini Tuan Pengerusi, kita mendapati pembelian Bll contohnya, *high-speed broadband* contohnya dan juga yang lain, termasuklah Eurocopter. Kita tidak boleh menanggung defisit seperti ini akibat daripada *our own inaptness* dalam mengurus tadbir kewangan negara. Dalam suasana hari ini kita perlu *expansionary*, kita perlu mendekati dengan *anti cyclical*, *Keynesian*, *these are all theories* yang boleh faham dan boleh bersetuju tetapi tidak bermaksud ia boleh mengizinkan kita *commit* defisit dengan cara ketirisan seperti ini. Jadi ini perkara yang diminta dalam *stimulus* juga. *There had now to commit*, kerajaan perlu *commit* kepada *open tenders and no longer direct nego for what ever urgent reasons it can be given*. Jadi, dengan izin.

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya hadkan hingga pukul 5, habiskan. Sudah satu hari Yang Berhormat Menteri. Kita ada dua kementerian sudah ketinggalan di belakang. Jadi saya bertanggungjawab kepada Parlimen hendak menghabiskan kerja kita. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Terima kasih.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah sebelum itu?

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Saya jawab satu soalan Yang Berhormat Kuala Selangor tadi. Berita yang baik ialah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan sendiri telah menyatakan dengan jelas bahawa, mulai sekarang, perkara-perkara yang diuruskan secara tender terbuka. Terima kasih.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri sebab masa Yang Berhormat Menteri ada masa cuma lebih kurang setengah jam. Saya tekun mendengar kuliah ekonomi Yang Berhormat Menteri daripada 11.30 pagi tadi. Saya masih lagi menunggu perkara yang saya bangkitkan di peringkat perbahasan Jawatankuasa tentang e-Perolehan, tentang PERWAJA dan tentang status, apa yang disebut sebagai Pakej Rangsangan RM7 bilion yang tertera dalam *Hansard* Parlimen ini sebenarnya tidak menjadi sebahagian daripada perkara yang kita bahaskan.

Jadi kita masih lagi hendak tahu selepas ini, seperti penjelasan oleh Menteri Kewangan dan Tan Sri sendiri, suku pertama tahun hadapan kita hendak *disburse* dah tetapi di peringkat Jawatankuasa sehingga ini Tan Sri, kita belum membahaskan lagi butiran perbelanjaan yang disebutkan dalam Pakej Rangsangan dan Tan Sri janji tadi terhadap Yang Berhormat Ipoh Timur, penjelasan akan diberikan.

Saya masih menunggu tentang e-perolehan, PERWAJA dan juga ini, sambil..., saya masih juga tercari-cari, apa yang Tan Sri sebut sebagai *sustainable deficit*. Sebab negara kita sebelum 1998 itu, bajetnya berimbang dan kita sudah tengok banyak kebaikan daripadanya.

Kemudian selama 12 tahun dan sasaran tahun ini pun sudah berubah, bukan lagi 3.6 tetapi defisitnya sudah 4.8. Kita belum nampak lagi formula untuk menampung defisit itu. Saya masih lagi menunggu dekan tekun penjelasan Tan Sri mengenai perkara ini. Saya juga membangkitkan secara khusus bahawa selepas 1998 misalnya, satu daripada petunjuk ekonomi tentang rizab negara dalam Bank Negara saya perhatikan, rizab *gold* itu, menjunam dengan...

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Saya menjawab....

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Mohon penjelasan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** ...Sebab tidak cukup masa. Ahli Yang Berhormat Tumpat telah membangkitkan isu tentang mengapa Kerajaan Negeri Kelantan tidak diberikan royalti ke atas pengusahaan petroleum melalui usaha sama MTJA, *Malaysia-Thailand Joint Authority*.

Kawasan pembangunan bersama Malaysia-Thailand merupakan kawasan bertindih yang dituntut bersama Kerajaan Thailand dan Kerajaan Malaysia memandangkan kawasan tersebut merupakan kawasan bertindih, tiada sebarang perjanjian yang dibuat dengan mana-mana pihak lain termasuk kerajaan negeri mengenai pembayaran royalti seperti mana yang dibuat antara Petronas dan kerajaan negeri berkaitan dengan hal pengeluaran minyak atau gas di kawasan yang jelas sempadan dan tidak dipertikaikan. Oleh itu tidak ada pembayaran royalti kepada Kerajaan Kelantan...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Berhubung dengan itu, adakah ini bermakna bahawa perairan yang bertindih di antara Malaysia dengan Thailand, kawasan yang bertindih itu tidak bersempadan dengan perairan yang secara biasanya akan dianggap sebagai perairan negeri Kelantan. Adakah tidak ada perairan negeri Kelantan atau bagaimana? Adakah ada satu dasar yang baru yang mana apabila ada berhampiran dengan sempadan dan ada pertindihan dengan negara yang lain, maka perairan negeri itu tidak lagi diiktiraf, boleh Tan Sri jelaskan?

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Perkara ini sebenarnya bukan di bawah Kementerian Kewangan di bawah Petronas dan EPU. Mungkin kita memberi penjelasan secara bertulis.

Yang Berhormat Puchong telah menanyakan soalan *x-gratia* dalam Bajet ini merangkumi *x-gratia* kepada lima orang bekas hakim? Peruntukan *x-gratia* bagi tahun ini sebanyak RM2.5 juta adalah untuk bayaran pampasan Skim Kemalangan dan Bencana Kerja Anggota Perkhidmatan Awam bagi tahun 2009. Ini tidak termasuk pembayaran lima orang bekas hakim yang dibuat pada tahun 2008. Peruntukan ini disediakan di bawah Maksud B.11, Perkhidmatan Am Perbendaharaan yang disalurkan kepada agensi-agensi yang memerlukan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Batu Pahat juga telah menanyakan langkah kerajaan untuk meningkatkan pelaburan swasta bagi mengukuhkan keadaan ekonomi luar dan tidak menentu. Seperti yang kita sedia maklum, kerajaan telah mewujudkan dana RM300 juta untuk

mempercepatkan inisiatif pelaksanaan koridor, RM1.5 bilion untuk menubuhkan dana pelaburan, dan juga kerajaan telah menurunkan cukai korporat kepada 25% pada tahun 2009.

berhubung dengan isu Yang Berhormat Machang tentang rizab Bank Negara dan tentang peratus emas. Pada suatu masa dahulu Tuan Pengerusi, banyak negara menyimpan rizab negara bank pusat dalam bentuk emas tetapi pada masa ini kebanyakan negara lebih suka mempunyai rizab dalam bentuk bon-bon dan aset-aset yang lain berbanding dengan emas, kerana emas ini dia tidak ada pulangan.

■1640

Kalau kita mempunyai bon kita dapat pulangan 5%, 6%. Emas ini pada hakikatnya tidak ada pulangan sungguhpun ada cara untuk mendapat 0.25% atau 0.5% melalui pinjaman secara fiskal. Jadi isu tentang peratusan emas dalam rizab Bank Negara tidak menjadi satu isu yang penting sebab pada zaman ini kebanyakan negara-negara lain lebih sukar mempunyai aset-aset yang membawa pulangan dan emas tidak membawa pulangan, satu. Kedua pada masa ini juga dari segi sekuriti peranan emas adalah tidak begitu penting..

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Boleh penjelasan ringkas Tan Sri. Ketika ianya menjunam sehingga 84% maksudnya saya boleh jangka Bank Negara *liquidify* rizab ini. Amaun dia dalam bentuk nilai ringgit sebenarnya berapa?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Isu ini berhubung dengan rizab Bank Negara Malaysia, saya tidak mempunyai *detail*. *Detail* itu adalah dengan Bank Negara dianggap sebagai satu perkara yang sulit. Berhubung...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat Machang tadi bertanya Yang Berhormat Menteri dan persoalkan tentang defisit 3 hingga 4.8. Seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini kita pergi kepada satu usaha *expansionary*, melihat juga formula yang telah berjaya dahulu dan kita gunakan formula yang sama seperti dilihat oleh diciplak oleh barat di Amerika dan oleh Eropah. Baru-baru ini saya dengar dan dibentangkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh pula, nampak *concretionary issue*. Saya bertanya sikit, bila sudah kena pedas itu baru terasa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Akan tapi saya aneh Yang Berhormat Menteri, bagaimana Pulau Pinang suruh belanja RM40 bilion pula. Lagilah *expansionarynya*. Macam belah sana suara berlainan. Apa yang saya hendak tanya kepada...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat masa ...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ini betul. Saya tanya Yang Berhormat Menteri. Di sana ada macam tidak satu suara satu nada. Yang PKR kata lain, yang DAP kata lain, yang PAS kata lain. Minta pandangan...

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Dengarlah. Ini giliran saya. Apa ini, hak Yang Berhormat Machang saya dengar sahaja. Tidak kacau. Ini demokrasi ala pembangkang kah ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila Yang Berhormat Menteri. Lapan minit ya, terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Isu ini saya juga tertarik juga sebab bapa kata tidak wujud, anak kata minta lebih. Tidak apa tapi isu yang lebih penting ialah tentang isu RM7 bilion ini. Sebenarnya Tuan Pengerusi perbelanjaan di bawah Perkhidmatan Am Perbendaharaan B.11 seperti yang dibentangkan sebanyak RM31.2 bilion itu tidak berubah. Oleh yang demikian kita tidak perlu membawa bajet yang baru sebab jumlah itu RM31.2 bilion. Kita tahu bahawa jumlah mungkin RM7 bilion atau lebih akan kita dapat sebagai satu penjimatan dalam maksud Perkhidmatan Am Perbendaharaan B.11.

Kita akan menggunakan penjimatan ini untuk beberapa tujuan yang baik dalam konteks menjana ekonomi dalam keadaan susah ini. Bagi maksud perbelanjaan yang Dewan yang mulia ini akan memberi kelulusan jumlah RM3.2 bilion ini tidak berubah dan kementerian lain tidak berubah. Ini di bawah perkara B.11 di bawah Kementerian Kewangan dan penjimatan yang kita dapat kita akan menggunakan sistem sub waran untuk melaksanakan RM7 bilion. Jadi RM7 bilion ini wujud, memang wujud tapi di bawah RM31 bilion yang diluluskan oleh Parlimen, itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Tan Sri saya hendak merujuk kepada kertas diedarkan kepada kita berkenaan dengan warta kerajaan kedudukan rizab emas Bank Negara. Ini lanjutan daripada Yang Berhormat Machang sebut tadi yang Tan Sri Menteri jawab tadi. Saya hendak *clarification* sikit sahaja. Katanya rizab emas kita sudah turun sehingga 84%. Tapi mengikut laporan yang diberikan kepada kita ini di bawah aset emas pertukaran asing dan rizab-rizab jumlahnya RM403 bilion. Kalau diambil kira emas itu hanya penyusutannya 84% bermakna yang tinggal hanya lebih kurang 16% atau 15%. Bermakna daripada jumlah RM400 bilion ini adalah merupakan pertukaran asing.

Dalam suasana sekarang pertukaran asing ataupun mata wang asing telah jatuh dari segi pertukarannya. Ini membayangkan, memberi gambaran yang rizab yang ada ditolak pada emas ini jumlahnya boleh dikatakan menyusut sehingga begitu teruk apabila kita sandarkan kepada nilai pertukaran asing. Ini berlawanan sama sekali daripada kenyataan yang kita diberitahu bahawa kedudukan rizab kita kukuh dan tinggi. Saya minta Tan Sri untuk memberi penjelasan sikit.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Berhubung dengan rizab, rizab kita simpan dalam bentuk mata wang asing. Setiap kali kita buat *balance sheet*, kita menterjemahkan, *translate* aset dalam mata wang asing dalam mata wang ringgit. Jadi dalam proses menterjemahkan aset ini ke

mata wang asing selalunya ada juga satu factor yang mengakibatkan kenaikan atau keturunan nilai dalam ringgit sungguh pun nilai dalam US Dolar, Euro tidak tukar sebab mata wang ringgit kadar pertukaran ringgit berbanding US Dolar, Euro, Yen telah bertukar, itu satu. Kedua, ringgit pada masa sekarang sungguh pun sudah menjadi lebih rendah berbanding dengan US Dolar telah menjadi lebih kukuh berbanding dengan Euro, berbanding dengan Sterling khususnya.

Satu masa dulu RM7 satu Sterling, pada masa ini RM5.70 atau lebih kurang RM5.60. Jadi semasa ringgit menjadi lebih rendah, jumlah yang kita menterjemahkan ke dalam ringgit jumlah akan nampak lebih sebab tiap-tiap satu dolar diterjemahkan kata RM3.80 kemudian ringgit menjadi lebih kukuh satu dolar juga aset kita diterjemahkan sebagai RM3.50. Jadi nampak lebih rendah so jadi ada banyak faktor yang terlibat dalam proses ini. tapi yang penting sekali *factor* yang melibatkan kenaikan atau keturunan rizab Bank Negara Malaysia ialah satu pelaburan. Bila pelabur datang melabur di negara kita melalui infrastruktur *real asset infrastructure* ataupun portfolio dia beli saham dan rizab kita akan naik. Bila mereka membawa keluar ringgit rizab kita akan turun tetapi *short term*, itu berasaskan kepada *short term*. Portfolio memang *short term*. *Investment* mungkin jangka panjang.

Faktor yang penting juga ialah eksport. Banyak rizab kita adalah oleh kerana Bank Negara pada hujung hari akan beli eksport yang berlebihan di pasaran iaitu tiap-tipa hari dalam pasaran ada *exporter* yang menjual mata wang dan *importer* yang akan membeli mata wang. Tapi selalunya ada kelebihan mata wang dan akan dibeli oleh Bank Negara yang dijadikan sebagai sebahagian dari aset. Penting kita lihat bahawa sejak tahun 1997 misalan di mana jumlah rizab Bank Negara hanya USD20 bilion atau lebih kurang USD25 bilion kini telah meningkat ke hampir USD100. Ini dari segi sama ada kita membandingkan jumlah lebih kurang USD100 dari segi hutang jangka pendek kita ataupun import kita adalah merupakan satu rizab yang dianggap dari segi definisi antarabangsa sebagai memang mencukupi dan memang memuaskan. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

■1650

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Yang Berhormat Menteri, berkenaan RM7 bilion. Yang Berhormat Menteri sebut tadi bahawa duit itu sudah ada di situ dan kita sudah luluskan. Saya hendak menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada penyata rasmi Parlimen yang memetik Tuan Yang di-Pertua pada akhir muka surat 51 yang menyebut, "*RM7 bilion yang disebut adalah bukan sebahagian daripada bajet yang kita sudah bahaskan pada peringkat dasar dan peringkat Jawatankuasa*". Itu yang disebut.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya setuju. Itu bukan sebahagian daripada bajet sebab pada masa kita bentangkan RM31 bilion, tidak ada RM7 bilion dalam...

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Ya, tetapi penjelasan Timbalan Menteri Kewangan sebelum itu dalam *Hansard* yang sama menyebut bahawa, "*Oleh sebab kita*

sudah pun peruntukkan RM21 bilion untuk tujuan subsidi, RM7 bilion adalah sebahagian daripada RM21 bilion". Jadi, dia menjadi sebahagian daripada peruntukan bajet itu. Jadi masih ada percanggahan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Dua-dua pendapat itu benar, memang tidak masuk sebagai RM7 bilion yang berasingan dalam RM31 bilion tetapi oleh sebab ada penjimatan, Kementerian Kewangan khasnya mempunyai fleksibiliti untuk menggunakan RM7 bilion ini untuk program-program yang telah dikenal pasti. Itu sahaja.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri, boleh lanjut sedikit. Tuan Pengerusi, boleh sedikit sahaja?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya serah kepada Yang Berhormat Menteri tetapi saya minta pukul 5.00 kita hendak habiskan kementerian ini.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya boleh faham RM7 bilion dari mana datangnya, hasil daripada penjimatan yang telah diperuntukkan RM21 bilion dalam subsidi, vote itu saya cukup faham. Persoalannya yang dipertikaikan ramai ini bukan hanya RM7 bilion itu Yang Berhormat Menteri, tetapi *revenue lost* yang bukan kami kata. Kalau pembangkang Pakatan Rakyat kata mungkin Yang Berhormat Menteri kata itu tuduhan tetapi dibuat unjukan itu oleh *very established research houses* seperti CIMB, menganggarkan kehilangan RM20 bilion paling tidak, minimumnya *crude oil* dengan CPO. Jadi itu yang lebih menakutkan sebab dia akan mengakibatkan perkara Yang Berhormat Menteri sebutkan lebih awal tadi dari sudut simpanan ataupun *foreign reserve* yang bersabit juga dengan mata nilai ringgit yang andainya ia terus jatuh.

Sebab Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi tentang *foreign reserve* kita yang mampu, *that can sustain nine months of import* tertanggung itu kita juga faham tetapi kita telah mengalami kesusutan dalam *foreign reserve* akibat daripada *exceedance of fund* ataupun *fund outflow* khususnya dalam portfolio khususnya dalam ekuiti dalam pasaran saham. Lebih malang daripada itu kalau berlaku juga dalam bentuk bukan *hot money* tetapi FDI yang sekarang *packing*, mereka tutup dan mereka keluar mengambil "*redoor visa*" di negara-negara lain. Ini yang lebih menakutkan. Minta Yang Berhormat Menteri perjelaskan dalam suasana krisis hari ini.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tempoh yang diberi oleh Tuan Pengerusi sudah mencukupi. Saya ingin...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Cuma fleksibiliti, fleksibiliti.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tetapi Yang Berhormat Menteri boleh mengehendkan, kata tidak payahlah.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Jawapan bertulis, tetapi Yang Berhormat Kuala Selangor saya hendak sebut *I think* ini perkara penting tentang *hot money* dan kita kekurangan

hasil. Memang kita menganggarkan bahawa hasil kita akan berkurangan. Oleh sebab itu defisit kita telah meningkat dari 3.6%, 3.4% kepada 4.8%.

Akan tetapi *hot money* ini, inilah perkara yang penting dan kita sedang bincang tadi. *Hot money* dari segi definisi adalah satu dana, satu aliran wang yang akan keluar bila-bila masa dan dalam sistem yang liberal banyak berlaku perkara seperti ini. Kita patut bersedia pada setiap masa untuk menghadapi masalah pengeluaran *hot money*.

Kita harus bersedia. Dalam perkara ini Bank Negara Malaysia menyimpan sebahagian dari *reserve* itu dalam bentuk *liquidity*, dalam bentuk *liquid* yang boleh dijual bila-bila masa untuk menampung keperluan ini. Akan tetapi yang lebih berat seperti Yang Berhormat Kuala Selangor sebut tadi ialah FDI, itu yang penting. Saya berpendapat dalam keadaan yang sekarang mungkin lebih banyak FDI akan melihat Malaysia sebagai satu destinasi yang baik sebab keadaan di Amerika Syarikat, keadaan di Eropah begitu susah, kucar-kacir, dan sistem Anglo-Saxon kapitalisme dipersoalkan. Kita mempunyai sistem perbankan Islam dan mereka di Timur Tengah masih mempunyai banyak dana untuk dilaburkan.

Dalam perkara inilah kita harus bersatu dan mencari kaedah yang terbaik untuk;

- (a) mengelakkan keadaan di mana mereka yang sudah melabur di sini keluar pergi ke tempat lain; dan
- (b) untuk menarik mereka yang pada masa ini mungkin melabur di negara-negara lain khususnya di negara barat untuk pandang ke negara kita sebab negara kita mempunyai banyak kelebihan. Saya berpendapat ini adalah satu perkara yang penting satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor dan saya juga bersetuju bahawa ringgit adalah satu faktor yang penting yang memberi *confidence* kepada pelabur.

Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,223,388,600 untuk Maksud B.10; RM31,223,009,100 untuk Maksud B.11 dan RM4,408,600,100 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,223,388,600 untuk Maksud B.10; RM31,223,009,100 untuk Maksud B.11 dan RM4,408,600,100 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,314,853,800 untuk Maksud P.10 dan RM2,000,000,000

untuk Maksud P.70 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2009 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,314,853,800 untuk Maksud P.10 dan RM2,000,000,000 untuk Maksud P.70 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2009.

**Maksud B.20 [Jadual] -  
Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan 2009] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Tumpat.

**4.59 ptg.**

**Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Satu *round* Tuan Pengerusi.

**Seorang Ahli:** Ada lagi, ada lagi.

**Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]:** Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan B.20 dan P.20, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Saya ingin mulakan dengan B.20, Bekalan 20 itu sendiri iaitu kalau kita lihat dalam buku bajet ini muka surat 205, ditunjukkan di situ bahawa perbelanjaan mengurus atau maksud bekalan bagi kementerian ini, kalau tahun 2005; RM117 juta, tahun 2006; RM146 juta, tahun 2007; RM171 juta, tahun 2008; RM218 juta tetapi tahun 2009 melonjak naik kepada RM1,444 juta.

**■1700**

Maknanya peningkatan berbanding dengan tahun-tahun yang dahulunya lebih daripada RM1.2 bilion nilainya. Jadi ini saya fikir perlu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Apabila saya melihat kepada pendetailan Maksud B.20 ini mungkin ianya merujuk kepada Butiran 080700 - Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) yang mana kita diminta untuk meluluskan atau COSS itu sebanyak RM1.2 bilion.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah kenapa pada tahun 2005, 2006, 2007, 2008 tidak timbul jumlah tersebut? Mengapa tahun ini timbul jumlahnya dan kenapa ianya tiba-tiba timbul dan tiba-tiba nilainya ialah RM1.2 bilion? Adakah ini kerana ianya berkaitan dengan harga minyak yang begitu tinggi pada tahun 2008 dan tidak sebegitu sebelumnya dan kalau itu sebabnya, maka 2009 ini nampaknya harga minyak turun balik. Jadi adakah ini akan sekali lagi menjadi ulangan cerita Yang Berhormat Tasik Gelugor Menteri Kewangan tadi tiba-tiba dijangka ada banyak, tiba-tiba tak ada dan penjimatan RM7 bilion.

Jadi kita ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Adakah asas kiraannya sebagaimana satu lagi laporan bahawa harga CPO kelapa sawit ialah berapa ribu jangkannya, tetapi sekarang ini amat rendah sekali harga kelapa sawit dan kita dengar di kawasan-kawasan

orang miskin di Johor, di Sri Gading dan sebagainya hinggakan orang tak hendak kutip lagi biji kelapa sawit kerana tidak ada nilai pasaran langsung. Jadi adakah sekarang ini kita akan dengar akhirnya bahawa RM1.2 bilion itu akan menimbulkan masalah yang besar kepada kementerian ini.

Yang keduanya Tuan Pengerusi ialah, saya juga ingin apabila mengkaji Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi ini sebenarnya kementerian ini satu kementerian dengan izin, of lembaga sahaja. Lembaga itu, lembaga ini, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Tembakau Negara, Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Lada Malaysia, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia.

Jadi adakah kementerian berhasrat untuk merobah sedikit struktur kementerian ini dan juga perbelanjaan kementerian ini supaya ianya mempunyai pengurusan dan pentadbiran yang lebih baik, yang lebih efisien dan ianya tidak terhad dan tertutup kepada kementerian ini sebagai penyelaras dan penyelenggara lembaga-lembaga sahaja. Adakah niat dan perancangan itu ada di dalam pemikiran kementerian ini, oleh kerana saya yakin sama ada ianya kelapa sawit ataupun ianya dahulu kayu, ianya adalah sumber pendapatan negara yang penting walaupun ianya tidak menentu masa depannya seperti contoh kelapa sawit tadi.

Getah pun begitu juga, iaitu Butiran 070400 ianya dahulu untuk beberapa bulan begitu tinggi harganya sehinggakan kita dengar pekerja-pekerja kerajaan ataupun kilang yang bergaji murah di Kuala Lumpur ini sanggup balik ke kampung untuk menoreh getah-getah keluarga mereka, tetapi sekarang ini seperti cerita kelapa sawit yang kita dengar daripada Johor itu ianya sudah pun terbiar walaupun kementerian, agro akan kata getah kita punya cara toreh begitu hebat. Sekali toreh empat hari tak perlu toreh lagi. Ia akan mengisi tong dengan penuh dan sebagainya, tapi nilainya sudah tak ada. Jadi ini saya rasa perlu penjelasan di pihak kementerian sama ada, ada perancangan untuk masa depan komoditi-komoditi ini supaya masyarakat luar bandar, supaya tenaga kerja di negara kita di kalangan anak-anak muda masa depan mereka lebih terjamin.

Ketiganya, Butiran 070300 - Lembaga Tembakau Negara (LTN). Saya nampak peruntukan untuk tembakau ini masih lagi terdapat dalam beberapa butiran, tetapi kita telah meluluskan rang undang-undang sudah menjadi akta pun tentang kenaf itu. Jadi saya ingin melihat sebenarnya bahawa peruntukan ataupun perbelanjaan untuk tembakau itu saya ingin melihatnya menurun. Manakala saya ingin melihat pertanian ataupun komoditi lain meningkat khususnya kenaf kalau itulah yang dilihat oleh kementerian sebagai pengganti yang terbaik untuk tembakau ialah kenaf, tetapi kenapa untuk lembaga tembakau dasar barunya RM2,587.5 juta untuk *one-offnya*, untuk tembakau RM2 juta dan saya yakin di bahagian-bahagian lain akan dapat juga dilihat perbelanjaan untuk tembakau yang saya fikir perlu menurun dan tidak lagi diadakan yang peruntukan sebesar itu dan untuk Lembaga Tembakau Negara (LTN) RM12.4

juta. Jadi agak besar juga jumlah untuk tembakau yang masih lagi ada di dalam cadangan perbelanjaan oleh pihak kerajaan ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**5.06 ptg.**

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut serta dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Pertamanya saya ingin merujuk kepada perbelanjaan mengurus untuk kementerian tersebut. Seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tumpat tadi, cuma saya rasa Yang Berhormat Tumpat agak ketinggalan zaman sedikit kerana dia pun tak baca surat khabar tentang kenapa perlunya ada RM1.2 bilion dibayar semula. Mungkin kerana Yang Berhormat Tumpat ini KJ versi lama ketinggalan zaman sedikit. *[Dewan riu]*

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Tak boleh macam itulah kawan. Versi baru macam mana pula?

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Versi baru ini. Jadi kalau kita lihat dari segi peningkatan dalam perbelanjaan operasi kementerian tersebut memang benar...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Versi baru kena tanya Yang Berhormat Jerlun. *[Ketawa]*

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Dia tak ada. Peningkatan sebanyak 5.62% daripada tahun yang lepas dan saya memahami bahawa sebahagian besar iaitu RM1.2 bilion ini diperlukan untuk pembayaran semula kepada pengeluar minyak kelapa sawit apabila kita mansuhkan SES tersebut. Apabila dimansuhkan SES tersebut dan kita kenakan *windfall profit levy* pada bulan Julai pada tahun ini, maka kerajaan telah memutuskan untuk kembalikan duit tersebut kepada pengeluar minyak kelapa sawit.

Jadi di sini saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri apabila kita pulangkan duit tersebut dalam skim penstabilan harga minyak masak kepada pengeluar minyak kelapa sawit ini, berapakah yang lembaga kementerian telah dapat daripada SES tersebut dan berapa banyak yang telah dikeluarkan untuk kegunaan skim penstabilan harga minyak masak untuk satu tahun yang terdahulu semenjak kos ini dikenakan terhadap pengeluar minyak kelapa sawit, kerana pada awalnya masalah yang telah dituntut oleh pengeluar minyak kelapa sawit ini adalah SES tersebut jauh melebihi daripada peruntukan yang diperlukan untuk kos tersebut ataupun skim penstabilan harga minyak masak.

Di sini saya hendak tanya bagaimana duit tersebut akan dikembalikan kepada pengeluar minyak kelapa sawit. Adakah secara *lump sum* ataupun secara beransuran dan adakah pungutan ataupun *collection* daripada *windfall profit levy* terbaru ini akan dapat cukup peruntukan untuk menstabilkan harga minyak masak melalui skim kos tersebut dan juga adakah cukup dana tersebut untuk membiayai aktiviti-aktiviti MPOB yang tidak silap saya dahulu dibiayai juga daripada duit yang sama, duit tersebut. Jadi itu yang pertama.

Yang keduanya, saya merujuk kepada Butiran 00513 Maksud P.20, iaitu mengenai Program Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Sawit. Kalau kita lihat pada hari ini harga minyak kelapa sawit *Crude Palm Oil Futures* di Malaysia telah turun daripada satu paras tinggi iaitu RM4,500 satu tan pada awal bulan Mac.

KJ sudah keluar, tak apalah keluarlah. Balik dahulu. [Merujuk kepada Yang Berhormat Tumpat yang keluar Dewan] Saya sudah jawab sudah.

Daripada RM4,500 untuk satu tan pada awal Mac sampai ke paras RM1,500 pada bulan November ini dan kalau kita tengok dari segi Program Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Sawit, ini amat penting untuk menstabilkan pendapatan bagi pekebun-pekebun kecil dan kalau kita lihat laporan dalam *Financial Times* dan sebagainya menyebutkan, bahawa penurunan harga *Crude Palm Oil Futures* ini akan ada satu kesan yang begitu buruk terhadap pekebun-pekebun kecil.

■1710

Saya hendak tanya sama ada peruntukan yang diberi iaitu RM14 juta dalam keadaan harga pasaran dunia sudah merudum dengan begitu ketara sekali adalah cukup bagi menstabilkan ataupun bagi program meningkatkan pendapatan bagi pekebun-pekebun kecil sawit ini memandangkan tahun lepas kalau tidak silap saya kita memperuntukkan RM15 juta di mana RM15 juta itu diperuntukkan pada waktu di mana harga *crude palm oil futures* di peringkat pasaran dunia cukup tinggi.

Pada tahun ini apabila kita sudah menjangkakan bahawa harga pasaran *futures* ini sudah menurun, adakah RM14 juta ini cukup untuk membiayai pendapatan pekebun kecil sawit yang sudah tentunya akan berhadapan dengan masalah dari segi harga minyak kelapa sawit dan sebagainya.

Ketiga adalah mengenai Butiran 00512 mengenai Rubber Living Museum, jadi saya hendak tahu kita peruntukan RM300 juta walaupun tahun depan hanya RM2 juta. Saya hendak tanya apakah tujuan muzium tersebut, apakah rasional dan apakah pulangan yang kita kehendaki daripada muzium tersebut.

Saya rasa penting mungkin untuk kita menunjukkan apakah kegunaan getah dan sebagainya, sejarah getah tetapi peruntukan RM300 juta itu satu angka yang cukup besar dalam projek tersebut dan paling akhir sekali adalah mengenai Program Pembangunan Model Ladang Sawit, 00516.

Kalau kita lihat berdasarkan kepada laporan ekonomi tahun ini, kita punya pengeluaran *average palm oil fruits production per hectare* mengikut laporan tersebut telah meningkat daripada 19 tan satu hektar tahun lepas kepada 20 tan satu hektar iaitu peningkatan sebanyak 5% kalau tidak silap saya berbanding dengan peningkatan dari segi *plantation area* sebanyak 3.4% dalam tahun 2008.

Justeru peningkatan dari segi pengeluaran kita datangnye daripada *Good Plantation Practice* ataupun Amalan Perladangan yang Baik, *best practices* dan produktiviti telah dinaikkan menunjukkan bahawa kita tidak perlu ada lebih banyak lagi tanah atau kawasan perladangan kalau kita dapat *improve* ataupun memperbaiki dari segi kaedah kita menanam kelapa sawit dan sebagainya.

Jadi, atas kesedaran itu di mana kita dapat membuktikan bahawa produktiviti dapat meningkatkan lagi pengeluaran kelapa sawit kita, adakah perbelanjaan yang kita peruntukkan iaitu RM1.5 juta itu memadai untuk tahun depan. Kalau kita sudah betul-betul hendak tunjuk bahawa Scheme Model Plantation ini adalah satu kaedah yang baik untuk kita meningkatkan produktiviti, kenapa peruntukan untuk tahun depan hanya RM1.5 juta. Bermakna kita telah memperuntukkan RM76 juta untuk program yang saya rasa program yang cukup baik ini, jadi terima kasih menteri.

#### **5.14 ptg.**

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh satu dua perkara, mungkin ada persamaan tetapi dalam versi saya. Pertama saya hendak bangkitkan berkaitan dengan P.20 butiran 00513 - Program Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Sawit. Begitu juga dengan P.20 butiran 11001 - Lembaga Getah Malaysia (LGM) yang saya kira kedua-duanya ada kaitan dalam pembangunan industri sawit khususnya untuk membantu dari segi pengeluaran dan menambahkan pendapatan.

Memang kita akui dan ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan pembentangan rangsangan RM7 bilion itu, belanjawan baru, peruntukan tambahan yang disebut itu mengakui bahawa pendapatan negara akan berkurangan dari hasil komoditi ini sama ada dari segi petroleum ataupun sawit, getah dan juga yang lain-lain.

Jadi kalau kerajaan sendiri mengalami pengurangan pendapatan sudah tentulah kita juga berhadapan dengan pekebun-pekebun kecil khususnya menghadapi perkara yang sama termasuk juga peneroka-peneroka FELDA. Akan tetapi yang masalahnya saya hendak sebut fokus khususnya ialah soal pekebun-pekebun kecil kerana agak kurang sedikit pemerhatian yang serius kepada mereka kerana dimaklumkan kepada saya sekarang ini mereka berhadapan berbanding dengan peneroka-peneroka FELDA yang telah sedia ada dari segi kilang maknanya *confident*, keyakinan bahawa buah mereka atau getah mereka akan dibeli itu cukup-cukup tinggi dan agak boleh meyakinkan. Akan tetapi bagi pekebun-pekebun kecil mereka berhadapan dengan pengilang-pengilang ataupun pembeli-pembeli daripada pihak swasta yang kadangkadangkang ada permasalahan dari segi pemasaran, harga yang tidak dapat dengan harga yang sepatutnya.

Jadi ini masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil yang saya kira bahawa saya hendak minta penjelasan ialah apa program, langkah-langkah dan tindakan yang diambil seperti mana yang disebut di sini iaitu Program Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Sawit dan

saya juga sekali gus kalau ada kaitan dengan soal getahnya, saya juga hendak tahu bahawa bagaimana soal peningkatan pendapatan mereka di saat kita lihat kejatuhan harga buah sawit dan getah ini.

Memanglah sebelum itu mereka agak mendapat perolehan ataupun pendapatan yang agak tinggi sehingga anak kepada pekebun-pekebun yang bekerja dengan pegawai kerajaan seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Tumpat, guru-guru sebelum pergi sekolah pergi menoreh dahulu sebab harga getah tinggi, Yang Berhormat Sri Gading betulkan? Memang begitu tetapi kalau mereka itu bijak untuk membuat tabungan dan penyimpanan sudah tentulah mereka boleh menghadapi keadaan ini. Akan tetapi sudah tentulah walaupun bagaimana mereka menabung sekalipun, kalau berhadapan dengan krisis kewangan dan ekonomi yang meruncing sebegini rupa, dengan kenaikan pendapatan ataupun kenaikan kos hidup ini, maka sudah tentulah keadaan tidak dapat diatasi dengan tabungan yang mereka buat sebab macam saya kata tadi banyak manalah sangat tabungan yang boleh disimpan kalau banding dengan Yang Berhormat Rompin memang pendapatan dia banyak, dia boleh simpan banyak. Dia ada macam-macam, pencen menteri ada, elaun wakil rakyat, saham, syer dia mana-mana itu dia boleh simpan banyak, jadi tiada masalah. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]:** 36(6). Tuduhan jahat. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Kalau berlaku krisis kewangan pun dia boleh terbang dengan kapal terbang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]:** Tuduhan jahat. Dia kena beralih kepada topik yang ada ini, dia melencong jauh.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Dia boleh minum pagi di Tokyo, dia makan tengah hari di Kuala Lumpur, tiada masalah tetapi pekebun kecil tadi. Kalau Yang Berhormat Sri Gading tidak mampu macam mana Yang Berhormat Rompin, tidak mampu. *[Ketawa]* Jadi ini, walaupun saya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Kalau tiada lagi, boleh duduk Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tidak, ada lagi. *[Ketawa]* Ini serius walaupun dalam keadaan yang agak *joke*, ketawa pada petang tetapi ini perkara yang sangat serius, aduan yang saya terima. Yang akhirnya saya hendak sebut di sini ialah berkaitan dengan 11200 - Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB). Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan Program Ladang Hutan secara komersial yang telah pun diletakkan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan pelaksanaan program ini oleh Forest Plantation Development Sdn. Bhd. yang saya kira bahawa

tujuannya ialah untuk menambahkan masalah ataupun hendak mengatasi masalah kekurangan penghasilan kayu gergaji dan juga yang boleh menghasilkan perabot yang berkualiti tinggi dan sebagainya.

Jadi saya hendak minta penjelasan di sini bahawa kalau mengikut apa yang saya tahu bahawa peruntukan pinjaman ini telah pun disediakan sejak dari dalam Bajet 2006, sebanyak RM200 juta bagi melaksanakan Program Ladang Hutan secara komersial jadi setakat ini saya hendak tahu berapa syarikat-syarikat yang telah pun mendapat faedah dari segi pinjaman yang diberikan kepada syarikat, berapa syarikat daripada Sabah, berapa dari Sarawak, berapa dari Semenanjung dan berapa banyak lagi permohonan yang sedang menanti, sedang *queue* untuk mendapatkan pinjaman daripada projek ini dan berapa jumlah daripada RM200juta itu yang telah pun dibelanjakan sebab saya melihat Tuan Pengerusi, ada apa Rompin?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]:** Tanya sedikit boleh?

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Boleh. Hendak pinjamakah?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]:** Hendak bertanyalah. Adakah Yang Berhormat Pokok Sena sedar bercakap tentang kayu, hasil kayu, semenjak negeri-negeri ini yang jatuh kepada pembangkang ini, kecurian balak amat meningkat sekali.

Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh mengesahkan. Sewaktu di bawah Kerajaan Barisan Nasional kecurian kayu dan balak turun, tetapi apabila pembangkang naik meningkat, yang merisaukan pula adakah benar kerajaan yang PAS itu okey, yang Keadilan dan DAP itu banyak kecuriannya?

#### ■1720

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ini batu api, pecah belah tongkang ni. Saya hendak sebut Tuan Pengerusi, hasil balak Kedah untuk tahun 2007 sepatutnya RM100 juta. Sepatutnya. Sepatutnya kalau dibuat secara tender yang telus tetapi apa yang diperoleh hanya tidak sampai RM20 juta. Itulah dia di waktu Kerajaan Barisan Nasional memerintah negeri Kedah. Saya boleh sebut siapa dia. Kroni-kroni mana yang dapat. Saya boleh sebut. Saya ada senarai nama. Akan tetapi tidak termasuk Yang Berhormat Rompinlah. Yang Berhormat Rompin jangan takut. Insya-Allah.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Jadi saya hendak tanya tadi berapa jumlah wang yang telah pun digunakan daripada peruntukan RM200 juta. Adakah kalau apabila habis RM200 juta itu maknanya ada peruntukan baru. Akan tetapi saya hendak sebut satu perkara bahawa saya difahamkan bahawa kerajaan walaupun telah pun buat Program Perladangan Hutan secara komersial ini, di bawah *Forest Plantation Development* ini tetapi macam tidak diuar-uarkan. Ramai orang tidak tahu tentang program-program ini. Hatta saya semak sendiri pun bahawa kerajaan-kerajaan negeri sendiri pun tidak tahu tentang program ini yang saya percaya bahawa sepatutnya mungkin ada GLC-GLC kerajaan negeri sama ada yang diperintah

oleh Barisan Nasional ataupun yang diperintah oleh Pakatan Rakyat yang mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk melaksanakan program ini bagi membantu pencapaian hasrat murni kerajaan negeri sendiri. Jadi saya minta penjelasan. Sekian, Tuan Pengerusi.

**5.22 ptg.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sudah agak terlewat, Tuan Pengerusi. Akan tetapi ada sedikit masa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Belum lewat lagi, Yang Berhormat. Belum lewat lagi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya ingat sudah terlewat. Saya ingat. Saya rasalah. Jadi saya kena ringkaskan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Rembau dan baru sebentar Yang Berhormat Pokok Sena dan disambung Yang Berhormat Sri Gading. Isunya sama. Isunya serupa bahawa dengan harga getah yang telah pun jauh lebih murah dan harga kelapa sawit yang merudum begitu rupa. Hampir empat juta orang rakyat Malaysia yang bergantung kepada getah dan kelapa sawit dalam erti kata pekebun kecil masuk dalam kategori miskin tegar.

Pengundi di kawasan saya pun lebih kurang dapat RM20 menoreh getah satu hari dengan harga yang ada ini. Oleh sebab hujan tidak dapat menoreh 30 hari, lebih kurang 18 ke 20 hari, bermakna pendapatannya dalam RM400. Jauh lebih rendah pendapatan yang dikatakan miskin tegar. Kelapa sawit hari ini sudah pecah RM180 satu tan, BTB RM180 satu tan. Sudah pecah pun. Maknanya antara RM120 hingga RM180 satu tan. Malangnya racun dan baja tetap bertahan di harga yang tinggi, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya bercakap tentang Butiran 030000 dan bercakap tentang Butiran 00505.

Satu, berkaitan dengan Lembaga Getah dan satu dengan Skim Pinjaman Mudah Tanaman Kelapa Sawit Pekebun Kecil. RM17 juta! Apakah tidak ada jalan dan cara, Yang Berhormat Menteri? Setakat ini empat orang Ahli Parlimen mewakili rakyat seluruh negara mengeluarkan rintihan mereka dan mungkin lepas saya esok perbahasan ini akan disambung dan mungkin agaknya rata-rata Ahli Parlimen baik Barisan Nasional mahupun pembangkang akan menyatakan perkara yang sama. Dipendekkan cerita Yang Berhormat, kalau orang FELDA telah ditetapkan bahawa mereka tidak kurang RM1,000 pendapatan sebulan, di FELDA rakyat Malaysia di kampung-kampung pekebun kecil apakah mereka bukan rakyat Malaysia? Apakah tidak ada jaminan kepada mereka? Hari ini mereka mungkin agaknya *bankruptcy* empat atau lima bulan yang lalu oleh sebab harga kelapa sawit naik. Dia beli kereta. Hari ini hendak bayar *installment* kereta pun sudah tidak mampu. Usahkan hendak bayar insurans kereta, hendak makan pun, ho, ho.

Yang Berhormat Menteri, anda juga mungkin ada saudara-mara yang menoreh getah. Macam saya juga. Mungkin anda juga ada saudara-mara yang berkebun kelapa sawit.

Keperitan dan kesusahan ini mungkin juga dirasakan oleh mereka. Yang Berhormat Menteri juga mewakili antaranya pekebun-pekebun kecil yang terlibat secara langsung dengan kesusahan kerana harga yang merudum begitu rupa. Saya berharap Yang Berhormat Menteri janganlah dalam menjawab nanti 'kami akan kaji', tiga tahun tidak selesai kaji itu. 'Kami akan pertimbangkan', tiga tahun pun belum timbang lagi.

Jadi, mudah-mudahan Yang Berhormat Menteri menjawab bahawa ada satu skim bagaimana membantu pekebun-pekebun kecil getah umpamanya diberikan agaknya bantuan RM200 sebulan. Agaknya ada bantuan untuk kelapa sawit RM300 sebulan. Itu yang ditunggu oleh mereka untuk melepaskan sesak dan kepayahan yang mereka hadapi hari ini. Yang Berhormat Menteri pun saya rasa apa yang saya bangkitkan ini bukanlah sesuatu yang keterlaluan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Dalam keadaan rakyat menderita susah-payah dan perit ini, tangan kerajaan yang berkuasa boleh melakukan sesuatu untuk memberikan kelegaan dan kesenangan kepada rakyat dan itulah yang dinamakan kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat dan rakyat akan mengenang budi yang baik ini kerana waktu susahlah budi kita akan benar-benar disanjung tinggi oleh rakyat.

Sudah tidak ada masa, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Dapat tiga minit. Esok sambung lain.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat, esok saya tidak boleh sambung.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Okey, tidak boleh sambung. Tidak payahlah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jadi itulah Yang Berhormat Menteri. Orang yang keempat bercakap rintihan yang sama. Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Rembau dan Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Sri Gading menumpang setakuk. Saya harap usahakanlah bagaimana Yang Berhormat Menteri ada kuasa di kementerian ini membantu dan membela. Kalau Yang Berhormat Menteri boleh membantu dan membela pekebun-pekebun kecil getah dan kelapa sawit, lima penggal lagipun Yang Berhormat Menteri tidak akan kalah di kawasan Yang Berhormat Menteri bertanding. Jadi inilah saja ucapan ataupun perbincangan saya. Saya siang-siang akan menyokong apa yang ada di dalam Perkara B.20 dan juga P.20. Saya menyokong dengan tambahan-tambahan yang patut diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**5.29 ptg.**

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Rompin, pakar pecah-belah. Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri yang sudi

untuk mendengar perbahasan peringkat Jawatankuasa ini, saya memulakan perbahasan peringkat ini dengan mengemukakan Kepala P.20 di bawah Majlis Tindakan Harga, 00100 iaitu Lembaga Koko Negara.

Saya mula dengan Lembaga Koko Negara di mana Tuan Pengerusi, sebagai orang yang pernah terlibat di dalam kerjaya ini, saya telah berpengalaman lebih kurang lima tahun dalam mengendalikan tanaman koko ini dan pernah terlibat dan mendapat rezeki di bidang ini.

Namun begitu Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Adakah negara kita masih lagi berpotensi dalam mengeksport koko ini. Yang Berhormat Menteri tentu faham dan arif bahawa tanaman koko ini telah banyak kali menghadapi serangan-serangan penyakit kronik yang menyebabkan dalam sekitar tahun 1980.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, masa.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Ya, saya sambung esok.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sudah habiskah atau sambung semula?

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Sambung esok.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Majlis Mesyuarat bersidang semula.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguh sehingga pukul 10.00 pagi, Rabu, 12 November 2008.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.***